

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 72

Khamis

9 November 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007

Jawatankuasa:

Jadual

Maksud B.13

(Halaman 26)

Maksud B.20

(Halaman 72)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2007

Jawatankuasa:

Maksud P.13

(Halaman 26)

Maksud P.20

(Halaman 72)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 09 November 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah rasional di sebalik cadangan perlanjutan waktu operasi pusat hiburan yang hanya dihadkan di kawasan-kawasan tertentu seperti Bukit Bintang dan Bangsar dan apakah sudah ada kajian memberi gambaran jumlah pelancong ke negara ini akan meningkat dengan begitu ketara sekiranya waktu operasi pusat hiburan dilanjutkan dan apakah jenis pelancong yang kita kehendaki.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat pada 21 November 2006.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian Pelancongan tidak ingin mencadangkan perlanjutan waktu operasi pusat hiburan yang telah dihadkan atas bantahan dari beberapa sektor yang tidak bersetuju dengan cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang panjang agaknya dengan jawapan yang begitu ringkas tetapi saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana begitu prihatin dengan maklum balas daripada rakyat kita berkaitan dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tentang cadangan untuk melanjutkan tempoh masa bagi *entertainment outlet* ini.

Lanjutan daripada jawapan tersebut dan juga beberapa soalan yang telah dikemukakan, antara lain ialah kita ingin melihat kepada jenis pelancong yang datang ke negara kita. Saya ingin mendapat maklum balas ataupun maklumat lanjut adakah sebarang kajian atau bancian dibuat terhadap pelancong yang datang ke negara kita memandangkan pendapatan daripada sektor pelancongan ini amat menggalakkan, boleh menjadi sumber pendapatan utama negara.

Daripada bancian ini apakah bentuk-bentuk tarikan sampingan yang boleh menarik pelancong ke negara kita dan apakah perancangan kementerian dalam menggalakkan aktiviti sampingan ini terutama dalam mempromosikan budaya negara kita, budaya sampingan rakyat negara kita bagi menggalakkan pendapatan sampingan juga kepada rakyat negara kita terutamanya

di kawasan-kawasan luar bandar bukan sahaja di bandar tetapi di kawasan luar-luar bandar yang boleh menarik minat pelancong ke negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang keduanya, ialah kawal seliaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat, sudah tiga Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Dari segi kawal selia, diizinkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya atas pandangan Yang Berhormat, terima kasihlah kementerian ini ucapkan. Memang setiap Yang Berhormat telah berkata bahawa industri pelancongan merupakan suatu industri yang begitu penting untuk ekonomi kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, tahun 2005 kita telah dapat keuntungan sebanyak RM32 bilion untuk negara kita dan sejumlah 16.4 juta pelancong asing telah datang ke Malaysia dan kita memang ambil tindakan yang sesuai untuk memajukan produk pelancongan yang sedia ada dan kalau Yang Berhormat ada pandangan yang lebih lanjut sila rujuk kepada kementerian kita dan kita akan memberi pertimbangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tidak ada pelanjutan masa untuk pusat-pusat hiburan. Tetapi kita nampak operator-operator ini melanjutkan masa dengan sendiri, jadi saya mahu tahu adakah kementerian memantau semua pusat-pusat hiburan yang melanjutkan masa dengan tidak ada kebenaran.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang isu ini bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan. Kalau Yang Berhormat ada maklumat memang kita boleh rujuk kepada pihak polis dan juga pihak kerajaan tempatan iaitu kalau di Kuala Lumpur, kita boleh rujuk kepada Mayor Kuala Lumpur. Itu adalah jawapan saya.

2. Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman [Kuala Nerus] minta Menteri Kerja Raya menyatakan strategi kerajaan untuk meningkatkan penggunaan lebuh raya-lebuh raya yang ada di negara ini terutama lebuh raya Pantai Timur.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara strategi kerajaan untuk meningkatkan penggunaan lebuh raya ialah seperti berikut:

- (i) promosi dengan mengedarkan risalah-risalah mengenai kebaikan penggunaan lebuhraya;
- (ii) promosi berbentuk iklan sama ada dari segi media elektronik dan media cetak;
- (iii) aktiviti sukan seperti *Second Link Bridge Run* dan *Penang International Bridge Run* dengan izin, turut diadakan sebagai acara tahunan untuk menggalakkan penggunaan lebuhraya;
- (iv) penyediaan kemudahan-kemudahan rekreasi seperti refleksologi dan spa;
- (v) Kempen Keselamatan Jalan Raya; dan
- (vi) penambahbaikan perkhidmatan di kawasan rehat dan rawat seperti penambahan tempat letak kereta, penginapan dan juga kemudahan perbankan.

Lebuhraya Pantai Timur Fasa I merupakan lebuhraya yang masih baru. Walau bagaimanapun bilangan trafik semakin meningkat dari 2.81 juta kenderaan pada tahun 2004 kepada 5.75 juta pada tahun 2005. Pada masa ini pihak MTD Prime Sdn. Bhd. selaku syarikat konsesi lebuhraya tersebut telah mengedar risalah mengenai maklumat dan kemudahan perkhidmatan yang disediakan yang mana lebuhraya ini akan memberikan perjalanan yang lancar, menjimatkan masa serta memberikan keselesaan kepada pengguna lebuhraya yang ingin ke negeri-negeri di Pantai Timur.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri menjawab soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, suka saya mencadangkan kepada Parlimen supaya kita dapat memberi satu penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri kerana menteri yang paling rajin ataupun kerap sekali datang ke Parlimen bagi menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat.... [Tepuk]

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Kerja Raya membuat kajian tentang masalah-masalah yang timbul di Lebuhraya Pantai Timur sekarang ini kerana saya lihat tidak banyak kenderaan berat yang menggunakan lebuhraya itu. Saya lihat kebanyakan kenderaan berat lebih suka menggunakan jalan lama iaitu daripada Kuantan ke Karak. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kerja Raya sedar beberapa masalah dihadapi di jalan baru tidak dapat diselesaikan. Kerja-kerja sedang dijalankan dan juga kerja-kerja berkenaan dengan *road geometry* dan lain-lain masih lagi ditimbang oleh syarikat konsesi dan kami Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang menjalankan beberapa kajian ke atas jalan itu, kerana selalunya kita dapat aduan daripada pengguna-pengguna jalan.

Pengguna-pengguna jalan, apabila sahaja menghadapi apa-apa masalah mereka dengan serta-merta menghantar SMS kepada saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada mereka malah apabila kita terima aduan daripada mana-mana pihak pun kita akan mengambil tindakan dengan serta-merta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang Yang Berhormat Menteri adalah salah seorang menteri yang paling rajin menjawab soalan.

Soalan tambahan saya ialah mengenai lebuhraya yang berdekatan dengan bandar sebagai contohnya Lebuhraya Damansara-Puchong ini. Lebuhraya ini memang tidak payah promosilah, ramai yang menggunakan lebuhraya ini. Tetapi persoalannya sekarang ialah sejak lebuhraya ini dibuka sampai ke hari ini kesesakan masih berlaku dengan teruknya iaitu semasa waktu kerja ataupun waktu pulang kerja. Ada ura-ura untuk menaikkan tol pada tahun depan bagi tol ini. Soalan tambahan saya, bolehkah kementerian memberikan satu pandangan yang lebih serius mengenai mengapa kita mesti menaikkan tol kerana perjanjian, tetapi pada masa yang sama masalah kesesakan, masalah alternatif jalan lain yang tidak ada dan masalah-masalah lain yang kian berlaku.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil faktor-faktor ini sebelum menimbang kenaikan tol pada masa hadapan. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tol itu satu subjek yang paling popular di negara kita.... *[Disorak]* Tetapi apabila kita selesai menyiapkan lebuhraya dan memberikan keselesaan kepada pengguna-pengguna perkara itu tidak menjadi popular. Ia popular apabila sampai kepada masa untuk menaikkan tol. Jikalau kita ambil kira di Asia Tenggara, Malaysia sahajalah sebuah negara yang berjaya untuk menswastakan lebuhraya di negara ini. Bukan itu sahaja lebih daripada RM1,100 bilion telah dibelanjakan oleh syarikat-syarikat konsesi untuk menjalankan kerja-kerja ini. Jikalau kita tidak mengadakan konsesi-konsesi seperti ini saya percaya Ahli Yang Berhormat kalau ke arah Puchong akan mengambil masa satu jam setengah. Dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang pada masa dahulu lapan jam, Kuala Lumpur ke Johor Bahru tujuh jam setengah sekarang hanya empat jam setengah.

Bukan itu sahaja, lebuhraya ini telah membawa pembangunan. Syarikat-syarikat yang telah meminjam wang daripada bank kena membayar balik kepada bank. Jadi, kerajaan mesti bersetuju untuk membantu mereka membayar balik pinjaman kepada bank. Oleh kerana itu kita telah meluluskan kenaikan tol dari semasa ke semasa iaitu tiga tahun atau lima tahun atau tujuh tahun.

Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat tunggulah, lagi dua tiga minggu kita akan mengadakan satu peperangan dalam Dewan ini. Peperangan itu atas perkara tol. Saya akan membentangkan itu. Bersiap sedialah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau dia bayar - sebagai pengguna kita bayar tetapi kesesakan masih berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga - Yang Berhormat sendiri sedikit masa nanti akan ada satu lagi masalah. Sudah sampailah - belum selesai lagi. Masalah baru itu ialah jalan lebuhraya dari Kuala Lumpur ke Putrajaya. Itu masih ada masalah lagi. Mesti kena bayar. Walau bagaimanapun kerajaan sudah mengambil beberapa tindakan baru sekarang ini. Pada masa dahulu kita bayar untuk pengambilan balik tanah. Sekarang kita minta pihak konsesi bayar. Kalau konsesi bayar itu bererti tol pun bertambah lagi.

Walaupun bagaimanapun kerajaan ada juga beberapa rancangan untuk mengatasi masalah ini tetapi belum selesai lagi - belum dibincangkan dengan sepenuhnya.

[Soalan No. 3 - Y.B. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) tidak hadir]

4. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mekanisme untuk menguatkan Akta Racun 1952 dan Akta Kemudahan dan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998. Nyatakan betapa berleluasa penjualan antibiotik bertentangan dengan Akta Racun 1952 dan sama ada kementerian akan meminda akta ini supaya menetapkan sesiapa yang berketahuan aktiviti ini bertanggungjawab melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran, nampaknya ramai Jururawat Pelatih di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kemudahan dan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 telah mula dikuatkuasakan semenjak 1 Mei 2006. Penguatkuasaan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang diberikan di bawah akta tersebut. Aktiviti yang dijalankan dalam mengawal selia kemudahan-kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah bagi meningkatkan taraf pemberian kesihatan kepada masyarakat bagi memastikan kepentingan kesihatan awam serta keselamatan pesakit dipelihara.

Berhubung dengan penjualan antibiotik yang berleluasa, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 merupakan satu akta yang dapat membantu beberapa undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan, terutama penguatkuasaan Akta Racun 1952.

Di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, pemeriksaan ke atas klinik-klinik swasta boleh dilakukan oleh pihak kementerian. Sekiranya semasa pemeriksaan terdapat perkara-perkara yang disyaki dalam rekod ubat-ubatan, laporan boleh dibuat kepada pihak yang mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Racun 1952. Dan, semua premis yang menjual racun perlu dilesenkan di bawah Akta Racun 1952 dan pegawai penguatkuasaan farmasi menjalankan risikan dan serbuan ke atas premis yang disyaki menjual racun termasuk antibiotik, tanpa lesen.

Serbuan akan dijalankan di atas maklumat, aduan, pemerhatian dan hasil risikan ke atas premis yang disyaki menjual racun tanpa lesen. Serbuan ke atas farmasi dan klinik juga akan dijalankan sekiranya premis ini didapati menjual atau membekal racun tanpa mengikut keperluan akta yang ditetapkan.

Pada tahun 2005, tindakan telah diambil ke atas 22 premis tidak berlesen yang didapati memiliki antibiotik untuk jualan dan sehingga Julai tahun ini, 32 premis telah dikenakan tindakan. Kesemua kes akan disiasat di bawah Akta Racun 1952 untuk tindakan mahkamah dan jika disabit kesalahan boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga 2 tahun atau kedua-duanya.

Pada tahun ini sehingga September 2006, sebanyak 85 kes untuk pelbagai kesalahan di bawah Akta Racun telah didakwa ke mahkamah, di denda sejumlah RM88,950 telah dikutip. Pemeriksaan juga dijalankan ke atas penumpang yang sampai dari luar negara di pintu-pintu masuk kastam.

Pada tahun ini sehingga bulan September, sejumlah 162 perkara antibiotik yang bernilai RM24,027 telah dirampas daripada 70 orang penumpang yang disyaki membawa antibiotik untuk jualan. Tindakan juga telah diambil ke atas ahli farmasi yang didapati membekal antibiotik *oral* tanpa preskripsi doktor.

Pada tahun 2005 dan sehingga Julai 2006, seramai 10 ahli farmasi telah diambil tindakan di bawah Akta Racun, 1952. Dari 10 kes ini, satu kes telah didakwa di mahkamah dan telah dikenakan denda RM500. Satu kes telah didaftarkan di mahkamah dan yang lainnya masih dalam siasatan. Selain daripada tindakan undang-undang, seorang ahli farmasi telah digantung lesen kerana terlibat juga dengan kesalahan berkaitan bahan *psychotropic*.

Kementerian Kesihatan telah menyediakan draf akta yang baru untuk menggantikan Akta Racun, 1952. Beberapa peruntukan telah disediakan untuk mengukuhkan lagi tindakan penguatkuasaan seperti memperuntukkan hukuman yang tinggi ke atas kesalahan yang dilakukan untuk pemilikan ubat atau bahan kimia terkawal tanpa lesen dan pemilikan atau pembekalan ubat atau bahan terkawal bukan untuk tujuan yang sah atau tidak mengikut keperluan akta.

Draf akta yang baru ini juga akan menyediakan beberapa peruntukan untuk memberi beberapa kuasa kepada Pegawai Penguat kuasa Farmasi untuk mengukuhkan tindakan penguatkuasaan seperti kuasa untuk menahan, menangkap dan memeriksa suspek. Pada masa ini

mekanisme sedia ada dan maklumat dari orang ramai adalah mencukupi untuk menangani masalah aktiviti penjualan haram ubat-ubat terkawal termasuk antibiotik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan! Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sendiri datang ke dalam Dewan ini untuk menjawab soalan ini. Saya rasa kita mempunyai banyak undang-undang tetapi pelaksanaannya atau penguatkuasaannya adalah kelemahannya.

Pertamanya, Akta Racun 1952, pada pengalaman saya ada banyak *medicine* atau antibiotik telah dijual di kedai kopi. Mungkin penjual itu bukan untuk membuat keuntungan yang besar kerana ia dijual dengan RM2 juga. Tetapi oleh kerana di tempat-tempat luar bandar kerana tidak dapat doktor, tidak ada klinik, dan mereka berpendapat bahawa ini adalah untuk memudahkan penduduk-penduduk di situ.

Jadi, saya rasa selain daripada undang-undang yang sedia ada, kementerian perlu mendidik orang ramai supaya ketahui tentang bahayanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, soalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Penjualan antibiotik ini. Ini kerana kalau alergi yang serius ia boleh menyebabkan *Steven Johnson's Syndrome* dan ia boleh mati. Seperti satu kes yang sudah berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:.. Yang Berhormat, soalan, teruskan kepada soalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya, apakah langkah untuk memudahkan penguatkuasaan juga. Ini kerana, sesiapa pun sekarang, kalau doktor mendapati ada berlaku penjualan yang tidak mengikut undang-undang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:Doktor pun tidak diperlukan untuk memaklumkan kepada pihak penguatkuasaan. Saya rasa ini adalah perlu seperti seksaan kanak-kanak. Saya ingin mengambil kesempatan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Saya pernah mengemukakan dua kes...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... iaitu kes kematian Go Choo Leng di Hospital Pulau Pinang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Soalan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri pada bulan Ogos, sampai hari ini belum dapat balasan lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memang sukar untuk saya hendak tangkap apa soalan yang paling pokok daripada apa yang dikemukakan. Daripada taksiran kami ialah berkaitan dengan kelemahan penguatkuasaan dan tidak dapat dinafikan di mana-mana negara penguatkuasaan tidak boleh mencapai 100% kalau kita tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kerjasama, dan pendidikan dikatakan rakyat.

Saya bersetuju bahawa pendidikan rakyat Malaysia adalah penting supaya mereka tidak memberi ubat-ubatan tanpa pemeriksaan doktor atau memakan ubat-ubatan dengan sesuka hati atau dengan sewenang-wenangnya. Sebab itu kita ada akta yang dengan jelas menyatakan bahawa untuk ubat-ubatan ia di bahagikan kepada kelas 'A', kelas 'B', kelas 'C' dan kelas 'D'.

Di kelas 'B', ia memerlukan preskripsi daripada doktor atau kelas 'C' dan sebagainya. So, kita berharap ahli Yang Berhormat, khususnya daripada parti pembangkang boleh membantu lebih baik daripada menghebohkan satu, dua kes yang kerana akibat daripada apa yang dikatakan *idiosyncrasy*, iaitu ia sensitif kepada satu ubat-ubatan. Itu tidak dapat dikesan oleh sesiapa pun, termasuklah oleh doktor. Kadangkala itu kita katakan ia macam takdir Tuhan, walaupun kita sudah periksa, kita pastikan ubat itu sesuai tetapi pesakit itu masih ada reaksi yang di luar jangkaan. Ia berlaku. Ini bukan menunjukkan doktor itu cuai atau ia tidak pandai dan sebagainya.

Berkaitan dengan dua kes yang saya terima surat daripada Yang Berhormat, saya ingin hendak menekankan di sini, di Dewan yang mulia ini bahawa penyakit berkaitan dengan seorang pesakit adalah rahsia. Tanpa persetujuan daripada pesakit, mangsa atau keluarga, kita tidak boleh umumkan penyakit seseorang dengan sesuka hati. Saya boleh dibawa ke mahkamah kerana membingarkan penyakit sesiapa.

So I have to respect, dengan izin, atas apa yang dikatakan, *doctor, patient privacy and relationship*. Pengamal perubatan akan sentiasa berpegang teguh kepada ini dan mereka tidak akan beri kepada saya melainkan saya mengatakan bahawa ini adalah penting untuk jawapan di Parlimen, *as a privilege information*. Itu pun dengan kebenaran pesakit. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Saya hendak menyentuh sedikit berkaitan dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta yang mana telah dikuatkuasakan baru-baru ini, di mana kesemua klinik-klinik swasta dan hospital swasta mesti didaftarkan. Jadi persoalannya adalah dalam syarat utama yang dimasukkan dalam penswastaan tersebut ataupun pendaftaran tersebut, peralatan-peralatan yang wajib diadakan di klinik-klinik swasta. Seseengah peralatan tadi ada juga yang tidak diguna langsung, maksudnya mereka menyediakan peralatan tersebut untuk tujuan pendaftaran sahaja.

Pembayaran pendaftaran juga antara RM1,500 yang mana sama di antara klinik swasta dan juga hospital-hospital swasta. Jadi apakah penjelasan dan berkaitan dengan Akta Racun 1952,

apakah tindakan pihak kementerian berkaitan dengan ubat-ubatan yang herba *based product* yang mana dijual di klinik-klinik swasta yang diletak dan dipamerkan yang dianggap sebahagian daripada ubat-ubatan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Sebenarnya untuk pendaftaran klinik swasta seperti yang diwajibkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta. Sehingga hari ini, yang berdaftar ialah 7,350 buah klinik dan ini sebenarnya melebihi daripada apa yang dianggarkan.

Seperti kita sedia maklum di Dewan yang mulia ini, sebelum ini memang tidak ada usaha untuk pendaftaran. Kita tidak tahu sebenarnya adakah seorang pengamal perubatan, adakah dia yang tulen atau palsu, atau dengan izin, *fake doctor* atau *'false' doctor*, dan ini berlaku. Dengan pendaftaran ini, kita dapat semak dan kita perlu mengenal pasti pengamal perubatan yang menjalankan praktis mereka adalah orang yang sudah mendapat pengiktirafan selepas pendaftaran. Sehingga hari ini, kita boleh mengatakan kami sudah berjaya mendaftarkan hampir 100% pengamal perubatan swasta di Malaysia. Bayaran RM1,500 itu hanya sekali sahaja. Kami tidak boleh terima alasan bahawa seorang pengamal perubatan swasta tidak mampu membayar RM1,500. Sekali sahaja dalam jangka hayat dia praktis, *once in his lifetime*. Kita tidak boleh menerima alasan itu, RM1,500 sahaja.

Yang ketiga berkaitan dengan peralatan kecemasan. Itu diwajibkan kerana ini adalah demi untuk kepentingan rakyat, khususnya pesakit kerana kita tidak mahu alasan bahawa seorang pesakit bila berlaku kecemasan sampai ke klinik, dan ini sudah berlaku, di mana klinik mengatakan kami tidak ada peralatan untuk mengadakan *IV Drip*, kami tidak ada peralatan untuk oksigen. Ini pada hemat saya, semua kemudahan perkhidmatan kesihatan seharusnya mempunyai peralatan dan kemudahan untuk memberikan rawatan kecemasan yang paling *basic*.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat, kita bersetujulah bahawa Kementerian Kesihatan telah banyak melakukan penguatkuasaan terhadap klinik-klinik dan juga premis-premis yang menjual ubat. Tetapi yang saya risaukan ialah premis-premis yang menjual ubat-ubatan terutama antibiotik ini, sangat berleluasa. Kita boleh dapati mereka menjual antibiotik di tepi jalan, yang menjual ubat tradisional juga menjual antibiotik dan juga di farmasi-farmasi. Kita tahu bahawa kalau antibiotik ini dijual secara berleluasa, yang ruginya adalah kerajaan kerana ini menyebabkan berlakunya *resistance*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat janganlah berucap, tanya soalan sahaja.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: ...Kepada antibiotik. Jadi apabila berlakunya *resistance* kepada antibiotik selain daripada kesan-kesan sampingan yang harus dirawat di hospital-

hospital kerajaan, ini merugikan kerajaan dalam jangka panjang. Yang saya ingin tanyakan ialah kebanyakan doktor swasta mahupun orang awam tidak dapat membezakan apakah itu yang dipanggil OTC ataupun *over-the-counter drug* yang mana ubat-ubatan yang boleh dibeli secara terus dan ubat-ubatan yang harus mendapat preskripsi. Saya dapati bahawa sesetengah doktor swasta pun tidak tahu perkara ini. Bagaimanakah maklumat ini harus disampaikan kepada doktor-doktor swasta ataupun orang awam. Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan dengan kekurangan doktor, tidak dapat dinafikan bahawa penjualan ubat-ubatan termasuklah antibiotik berlaku khususnya di luar bandar dan juga di kedai runcit.

Sebab itu kita menjalankan penguatkuasaan dari masa ke semasa dan memang ada kelemahan kerana tidak dapatlah sampai kepada dikatakan seluruh pelosok negara dan kelemahan ini diakui oleh kementerian. Sebab itu kita sedang berusaha untuk meminda Akta Racun 1952 di mana kita memberi kuasa lebih meluas termasuklah menahan dan penjara dan sebagainya terhadap orang yang bersabit atas kesalahan. Akta yang sedia ada memang ada dikatakan keberkesannya dan dari segi peruntukan yang sedia ada, ada banyak batasan atau had dari segi kekuatan kuasa untuk menahan.

Dari segi doktor yang tidak faham, saya haraplah *you* beri nama-nama doktor yang tidak faham itu. Adakah itu antibiotik yang tidak seharusnya diberikan kepada pesakit atau seharusnya boleh diberi. Ini bermakna kualiti doktor itu menjadi pertikaian kerana jelas kalau kita perhatikan Akta Racun 1952 seperti saya katakan tadi ia dibahagikan kepada 'A', 'B' dan 'C'.

'A' sebenarnya adalah ubat-ubatan yang dilarang dijual di pasaran dan ubat ini hanya digunakan dalam soal pendidikan dan penyelidikan, R&D sahaja. Sebagai contoh seperti *styrinin* yang kita sedia maklum boleh membunuh orang dan tidak dibenarkan di pasaran. Yang ketiga ialah kumpulan C, dia adalah ubat-ubatan luaran sahaja seperti krim, losen dan sebagainya.

Hanya untuk kumpulan 'B' sahaja, ia memerlukan preskripsi daripada seorang doktor dan tidak dapat dinafikan bahawa ada ahli-ahli farmasi yang menjual ubat-ubatan dalam kumpulan 'B' ini tanpa preskripsi daripada doktor. Sebab itu saya katakan tadi, tindakan telah diambil terhadap sepuluh, satu masih digantung lesen, ada dalam siasatan dan ada yang sebenarnya dalam siasatan telah merayu kepada kita dan kita tolak sehingga siasatan itu dapat disempurnakan.

Maknanya kami tidak bertolak ansur dalam mengenakan tindakan terhadap ahli farmasi sebagai ahli profesional yang tidak menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

5. Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rancangan terkini kerajaan dalam membangunkan Lapangan Terbang Subang di kawasan Parlimen Subang.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan terkini kerajaan terhadap Lapangan Terbang Subang ialah untuk membangunkannya sebagai pada Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia ataupun *Malaysian International Aerospace Centre* atau MIAC, dengan izin.

Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di MIAC ini adalah seperti berikut ;

- (i) Pusat senggaraan, baik pulih dan rombak rawat pesawat - *Maintenance, Repair & Overhaul* ataupun MRO, dengan izin;
- (ii) Pusat Penerbangan Awam ataupun *General Aviation Center*;
- (iii) Pusat Komersial;
- (iv) Pusat Helikopter;
- (v) Pusat Latihan Kecemerlangan Aeroangkasa; dan
- (vi) Taman Teknologi Aeroangkasa.

Sekian terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada menteri atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, isu pembangunan Lapangan Terbang Subang telah dibangkitkan oleh penduduk-penduduk Subang banyak kali. Oleh itu, saya pun membangkitkan isu itu dua tiga kali di Dewan ini. Pada tahun 2004 kali pertama, dimaklumkan tidak ada sebarang perancangan khusus untuk lapangan terbang tersebut. Pada tahun 2005 kali kedua, dimaklumkan bahawa LTS akan dibangunkan sebagai *International Aerospace Park* iaitu jawapan yang diberi tadi juga.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bimbangkan tiada apa-apa aktiviti pembangunan fizikal di kawasan LTS sehingga sekarang. Tidak ada apa-apa aktiviti menunjukkan idea ini diimplementasikan. Bagi saya, apakah saya boleh jawab kepada penduduk-penduduk di kawasan saya bila dia tanya, apa akan berlaku kepada LTS ini. Sudah lapan tahun dibiarkan sebegini. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi kawasan Subang. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, memang rancangan untuk membangunkan Lapangan Terbang Subang untuk menjadikan satu pusat aeroangkasa antarabangsa telah diputuskan oleh kerajaan pada tahun 2005 dan selepas ini beberapa langkah telah dirancang dan diambil oleh pihak-pihak yang tertentu untuk melaksanakan keputusan ini.

Antaranya satu konsortium telah pun ditubuhkan untuk menguruskan MIAC dan ini diterajui oleh MAHP (Malaysian Airport Holding Berhad) dengan disertai oleh tiga ahli iaitu MIAC, Airod dan juga MAS. Dan Kementerian Pengangkutan telah diberi tanggungjawab sebagai pihak yang membuat keputusan-keputusan dasar berhubung dengan MIAC dan pihak DCA akan bertindak sebagai badan kawal selia MIAC.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini terdapat 28 syarikat yang berkaitan dengan penerbangan sedang beroperasi di Lapangan Terbang Subang, di mana saya akan memberikan senarai ini kepada Yang Berhormat. Sungguhpun kesemua ini telah pun dilakukan, tetapi juga ada beberapa isu belum dapat diselesaikan, sehingga dua minggu yang lalu termasuk isu tanah dari segi pajakan kecilnya, harga tanah dan juga cara untuk menguruskan tanah di Lapangan Terbang Subang ini. Dan juga pakej insentif yang kita akan menawarkan kepada pengusaha-pengusaha aeroangkasa bertaraf antarabangsa untuk menarik mereka untuk mewujudkan operasi mereka di Subang, kita kena menyelesaikan semua perkara ini.

Maka dengan sukacitanya saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa dalam dua mesyuarat yang lalu, Kabinet telah pun menimbangkan satu kertas kerja daripada Kementerian Pengangkutan dan masalah isu yang ada kaitan dengan tanah telah pun disempurnakan, dan selepas ini kita akan berunding dengan banyak syarikat aeroangkasa yang bertaraf dunia, yang telah menunjukkan minat mereka untuk beroperasi di Subang ini. Kita akan teruskan rundingan kita dengan mereka dan saya haraplah dengan semua langkah ini diambil, lebih banyak operasi aeroangkasa bertaraf antarabangsa akan mula di Subang ini. Sekian terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah soalan yang pendek sahaja. Tadi daripada jawapan Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa Lapangan Terbang Subang ini akan ditukar menjadi satu lapangan terbang *aerospace* antarabangsa.

Saya nak tanya ialah mengenai, adakah kementerian telah membuat satu kajian bahawa kesesuaian lokasi lapangan terbang ini untuk menjadi satu pusat latihan *aerospace* di kawasan ini kerana seperti sedia maklum, kawasan di Lapangan Terbang Subang ini telah orang kata dengan izin, *densely-populated*. Kawasan Kampung Baru Subang ada, kawasan Saujana ada, kawasan Shah Alam dan seterusnya. Ini satu kawasan yang di mana kedudukan penduduk ataupun penduduk dia adalah ramai di sekeliling kawasan itu. Saya nak tahu adakah ini satu kajian telah dilakukan bahawa kesesuaian lokasi Lapangan Terbang Subang ini adalah sesuai untuk menjalankan satu latihan *aerospace* antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, saya mengucapkan kepada Yang Berhormat bagi Puchong. Kalau ditinjau dari segi enam aktiviti yang saya telah sebutkan tadi, kita boleh buat satu keputusan iaitu bahawa keadaan ataupun aktiviti-aktiviti komersial yang berlaku di persekitaran Lapangan Terbang Subang ini tidak akan menjejaskan beberapa aktiviti yang saya telah sebutkan tadi. Dan tambahan pula kita menganggap Subang ini sangat sesuai untuk dijadikan satu pusat aeroangkasa antarabangsa, oleh sebab lokasinya sangat bersesuaian terletak di rantau ini untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan daripada negara-negara jiran supaya menghantar pesawat mereka untuk menjadikan MRO aktiviti di kawasan ini.

Selain daripada itu, kita mempunyai kekuatan yang lain seperti taraf MRO kita telah pun diiktiraf antarabangsa khususnya FAA (*Federation Aviation Authority Of USA*) dan juga JAA daripada EU. Dan selain daripada itu, kos senggaraan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat Malaysia dan juga pakar-pakar Malaysia memang sangat kompetitif dan tambahan pula kita juga mempunyai syarikat penerbangan seperti MAS, AirAsia, Berjaya, Transmile, mempunyai satu *flip* yang cukup besar yang ini sudah cukup bagi kita memulakan aktiviti MRO kita dengan satu permulaan yang sangat kukuh. Maka dengan semua kekuatan ini, kita yakin bahawa kita boleh menjadikan Subang ini sebagai satu *aerospace centre* di rantau ini. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah rancangan pihak kementerian untuk menarik minat dan perhatian kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki IPTA/IPTS untuk menceburi bidang kerjaya yang boleh mengurangkan gejala sosial di kalangan mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia berusaha mengubah minda ibu bapa dan pelajar-pelajar supaya tidak memikirkan bahawa kejayaan seseorang pelajar adalah melalui laluan akademik sahaja. Oleh itu, maklumat, penerangan, artikel mengenai peluang lanjutan pembelajaran melalui latihan kemahiran disebarkan dari masa ke semasa melalui media massa yang bersesuaian bagi menarik minat dan juga perhatian mereka.

Sehubungan dengan itu, maklumat mengenai peluang latihan kemahiran dan kerjaya di dalam pelbagai bidang kemahiran disebarkan kepada guru-guru kaunseling kerjaya di sekolah-sekolah menengah.

Di samping itu kementerian ini akan menganjurkan sesi-sesi taklimat kepada guru-guru kaunseling di sekolah-sekolah dan juga kepada pihak-pihak awam yang lain seperti ketika diadakan karnival *Jom Cari Kerja*.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini kementerian ini melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran berusaha memperoleh dana yang mencukupi bagi membiayai pinjaman kepada pelatih untuk mengikuti latihan kemahiran dalam bidang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini kementerian ini mempunyai lebih kurang 20 ribu orang pelajar yang sedang mengikuti latihan di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di seluruh Malaysia.

Setiap pengambilan adalah dalam kadar 10 ribu calon sahaja. Walaupun permohonan yang diterima dalam setiap tahun adalah dalam purata 40 ribu permohonan dengan jumlah 36 kursus persijilan dan 37 kursus diploma yang ditawarkan di 27 pusat-pusat latihan yang terdiri daripada 21 ILP, empat ADTEC, satu SIAS, satu Pusat Teknikal Jepun Malaysia. Ini menggambarkan minatnya pelajar-pelajar untuk mengikuti latihan di institusi latihan khususnya dalam bidang kemahiran. Kementerian ini sedang berusaha untuk meningkatkan lagi program-program promosi dan juga

melalui iklan di akhbar tempatan untuk menarik lebih ramai calon menyertai program latihan bagi menanamkan minat pelajar-pelajar tersebut terhadap bidang kemahiran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan bahawa terdapat 40 ribu permohonan pemohon tetapi Kementerian Sumber Manusia hanya dapat menampung ataupun mengambil 10 ribu sahaja. Oleh itu, 30 ribu tidak cukup tempat. Jadi apakah rancangan atau usaha baru daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah pemohon yang tidak dapat tempat. Apakah kementerian hendak bina pusat latihan yang baru? Kalau ada sila nyatakan berapa buah dan di mana? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Memang pihak Kementerian Sumber Manusia memandang serius masalah ketidakcukupan tempat oleh pemohon-pemohon yang disebut lebih daripada 30 ribu orang itu. Oleh itu kementerian telah pun berusaha dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Sumber Manusia akan membina beberapa lagi pusat-pusat latihan. Di antaranya ialah Pusat Teknologi Tinggi ataupun Advance Technology Center, satu di Taiping, Perak, Kedua di Jerantut, Pahang, ketiga di Bintulu, Sarawak, keempat di Kemaman, Terengganu.

Pihak kementerian juga akan membina beberapa ILP iaitu di Maran, di Mukah dan juga di Kelantan. Selain daripada itu kementerian juga akan membina sebuah pusat latihan penerbangan ataupun Aviation Technology Centre di Subang dan di samping itu sebuah pusat latihan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan akan dibina di Kedah dengan jumlah peruntukan secara umumnya lebih kurang RM1.61 bilion. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat kerana ini adalah relevan dengan masalah belia lepak, mat rempit, ekor dari pelajar-pelajar kita yang tercicir. Tadi Yang Berhormat menggambarkan bahawa usaha akan diambil. Bolehkah Yang Berhormat memberikan satu *time frame*, ini masalah yang serius. *Time frame* bila agaknya pelajar-pelajar yang tercicir ini yang sudah hendak masuk ke pusat latihan ini tidak ada peluang, menggambarkan satu jaminan kepada kementerian bahawa kita boleh menyelesaikan masalah ini barulah kita merasakan kita benar-benar mengambil satu tindakan untuk menempatkan mereka ini dari pusat-pusat yang telah Yang Berhormat sebut tadi.

Pertama mereka hendak masuk tidak dapat, yang penting sudah memohon tetapi gagal untuk mendapatkan tempat. Jadi apakah kementerian mempunyai satu kaedah, format, *time frame* untuk menyelesaikan pelajar-pelajar yang tercicir ini. Kita jangan anggap pelajar-pelajar yang tercicir

ini tidak penting untuk masa depan negara kerana hari ini kita menghadapi masalah dadah, mat rempit, budaya lepak dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dalam jangka masa terdekat Kementerian Sumber Manusia telah pun merancang untuk mengambil lebih kurang 4,500 pelajar-pelajar yang tercicir ataupun yang kurang ataupun rendah kelayakannya terutamanya mat rempit dan sebagainya. Usaha ini akan dimulakan pada tahun depan, pengambilan dan rancangannya telah pun dimulakan pada tahun ini dan Insya-Allah pada tahun depan dalam masa terdekat ini akan dilaksanakan. Di samping itu juga beberapa institusi latihan kita akan tambah.

Telah saya sebutkan tadi iaitu pengambilan setiap tahun dalam 10 ribu dan dijangka ianya akan meningkat lagi kepada sekurang-kurangnya 15 ribu, satu sesi pengambilan. Ini diharap akan dapat mengurangkan masalah mereka yang tidak mempunyai tempat yang cukup untuk mendapatkan latihan-latihan kemahiran di samping institusi-institusi baru yang telah saya sebutkan tadi dirancang untuk dibina. Terima kasih.

7. Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana keberkesanan Konsep Pendemokrasian Sistem Pelajaran yang menekankan antara lain ekuiti, kualiti pembelajaran, keefisienan dan keberkesanan pengurusan pelajaran dan pendidikan sebagaimana dalam teras perancangan *Blue Print* 10 tahun kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyahut cabaran globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT serta pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan Program Pembangunan Pendidikan 2001-2010 iaitu *Blue Print* 10 tahun bagi melahirkan warga negara yang berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran dan berakhlak mulia. Kementerian Pelajaran juga telah meneliti semula program dan projek yang dirancang bagi tujuan penyenggaraan, pembaharuan, pengukuhan, penyusunan semula dan penggubalan baru.

Sehubungan itu penambahbaikan dan pemantapan sistem pendidikan yang dapat diperlihatkan dalam perundangan dasar program utama serta pencapaian penyediaan pendidikan adalah meliputi aspek akses, ekuiti, kualiti dan kecekapan. Antaranya sebagai contoh dari segi aspek akses:-

- (i) Dasar pendidikan wajib mulai 1 Januari 2003.
- (ii) Pelaksanaan dan perluasan prasekolah dan mewajibkan penggunaan kurikulum prasekolah kebangsaan mulai tahun 2003 di semua prasekolah kerajaan dan swasta.
- (iii) Memperkenalkan dan memperluaskan Mata Pelajaran Vokasional atau MPV.

Dari segi aspek ekuiti:-

- (i) Meneruskan usaha menyediakan bekalan elektrik 24 jam di semua sekolah.
- (ii) Melaksanakan dan meneruskan usaha program pembestarian sekolah.
- (iii) Meningkatkan bilangan sekolah pendidikan khas dan memantapkan program-program pendidikan bagi murid-murid berkeperluan khas.
- (iv) Pelaksanaan dan perluasan pelbagai skim-skim dan juga pemberian sokongan.

Dari segi aspek kualiti:-

- (i) Pemantapan aktiviti ko-kurikulum dengan penambahan peruntukan per kapita murid dan memartabatkan profesion perguruan melalui pelbagai insentif dan juga latihan serta penyediaan kuarters institusi pendidikan.

Dari segi aspek kecekapan:-

- (i) Memantapkan sistem pengurusan berasaskan ICT.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Kementerian Pelajaran yang telah pun memberi satu peruntukan yang agak besar kepada kawasan Pensiangan iaitu saya mempunyai lebih kurang 230 aktiviti projek pembinaan dan juga melengkapkan dari segi infrastruktur dan sebagainya yang menelan belanja lebih kurang RM170 juta untuk kawasan Pensiangan.

Soalan saya, di antara agenda Kementerian Pelajaran kini memperkasa literasi maklumat tuntutan zaman teknologi kini kepada murid-murid sekolah khusus dalam menyediakan insan-insan yang intelektual dan profesional. Soalan tambahan saya apakah strategi perancangan kementerian dalam usaha mewujudkan infrastruktur ICT di sekolah khususnya di luar bandar agar ia berkesan, efektif dan efisien.

Pada masa kini, Setiausaha Parlimen, sekolah-sekolah di kawasan Pensiangan belum lagi dapat melihat dari segi penyediaan infrastruktur-infrastruktur ICT yang saya rasa perlu ditangani secepat mungkin dalam masa RMK-9.

Soalan saya yang kedua, untuk memperluaskan lagi pengurusan komputer, RM288 juta di bawah Program Pembestarian Sekolah melibatkan perolehan komputer dan peralatannya bagi access di 1,000 buah sekolah dan semua maktab perguruan, berapakah peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah di Sabah dan berapakah peruntukan bagi kawasan Pensiangan dalam menyediakan prasarana khusus ICT ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh berucap dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menjawab soalan ini. Dari segi sekolah bestari, buat masa ini kita ada 88 buah sekolah bestari yang telah pun dilengkapi dengan 5,809 buah komputer dan 261 pelayan *server*. Untuk lain-lain sekolah yang bukan sekolah bestari iaitu di antara *roughly* 10,000 sekolah yang kita ada, sebanyak 9,258 buah sekolah pun telah dirangkaikan untuk mencapai internet bagi Projek SchoolNet, manakala Projek MySchool.Net telah dilaksanakan bagi membudayakan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pembangunan laman *web* yang menyediakan bahan sumber pendidikan untuk murid, guru dan pentadbir.

Dari segi apakah peruntukan untuk Sabah dan juga khususnya untuk kawasan Ahli Yang Berhormat bagi Pensiangan dari segi ICT, saya minta masa dan saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat tentang jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang peningkatan dan persamaan dari segi untuk meningkatkan sistem pendidikan negara kita. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang ia tidak ada keseimbangan, tidak seimbang di antara sekolah-sekolah di kawasan bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar sedangkan mereka juga adalah pelajar rakyat Malaysia. Juga tidak ada keseimbangan di antara sekolah bantuan penuh dan tidak bantuan penuh. Saya menghadapi masalah dalam kawasan saya di mana sekolah-sekolah Tamil ini sudah macam kandang kambing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalnya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Dan yang tidak mendapat bantuan. Saya berusaha dan sampai hari ini masih tidak dapat bantuan. Saya menemui pengundi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalnya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Soalnya?... *[Ketawa]* Apakah kerajaan di dalam apa jua hendak mempertingkatkan pendidikan dalam negara kita ini harus kita fikir secara keseluruhan. Jangan ada banyak perkara tetapi perkara itu tidak sampai. Kalau kita kata internet ataupun komputer, setengah sekolah ada, setengah sekolah tidak ada, padahal kerajaan sepatutnya memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah luar bandar kerana mereka ini sudahlah miskin, tidak berkemampuan dan guru-guru dan sekolah-sekolah mereka juga tidak seperti sekolah-sekolah di bandar. PIBG di sekolah-sekolah luar bandar miskin kalau hendak dibandingkan dengan PIBG di sekolah-sekolah bandar.

Jadi apakah pihak kementerian memberi keutamaan ataupun keseimbangan di antara keseluruhan sekolah-sekolah di dalam negara kita ini apabila sesuatu dasar atau perubahan infrastruktur dan bangunan di sekolah-sekolah... *[Disampuk]* Ini apa ini?... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, dia kata Kalabakan ada tetapi dia sendiri buat. Tetapi saya minta, Tuan Yang di-Pertua, macam dalam kawasan Parlimen saya pun agak ketinggalan di sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, jangan sambung lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi minta SUP tolong jawab....
[Ketawa] Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, perkara untuk menyeimbangkan taraf pendidikan atau pelajaran di kawasan bandar dan luar bandar di kawasan Semenanjung dan juga Sabah Sarawak, satu perkara yang dekat dengan hati Menteri Pelajaran sendiri. Apabila kita lihat dari segi peruntukan Kementerian Pelajaran kami dapati bahawa satu peratus yang besar yang tadi pun diakui oleh Ahli Parlimen bagi Pensiangan bahawa kawasan beliau sendiri telah mendapat dalam RM170 juta untuk 230 projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selagi kita ada kawasan bandar dan juga luar bandar, saya rasa selagi kita tidak boleh mencapai satu taraf yang sama tetapi segala usaha sedang diambil oleh kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kami pada masa ini, satu ketika *mid-way, half-way point blue print* dan kami hampir siap satu kajian dari segi keberkesanan semua dasar yang diambil oleh Kementerian Pelajaran. Dan tidak lama lagi kami anggap dalam satu, dua bulan ini semua hasil daripada Kajian Separuh Penggal, *Mid Term Review blue print* ini akan diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Pelajaran tidak lama lagi dan mana-mana kekurangan yang kita dapati, kita akan rangka pelbagai langkah lagi dan juga dasar untuk menangani semua kekurangan, juga termasuk untuk menyeimbangkan taraf pelajaran di kawasan bandar dan juga luar bandar. Terima kasih.

8. **Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk membeli alat pengesan Tsunami dan di manakah alat-alat tersebut ditempatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang yang menyuarakan pertanyaan berhubung dengan jumlah peruntukan bagi Sistem Amaran Awal Tsunami Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, susulan kepada bencana Tsunami yang melanda bahagian utara Semenanjung Malaysia pada 26 Disember 2004, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM19 juta untuk mewujudkan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional yang mula beroperasi pada penghujung tahun 2005. Sistem ini terdiri daripada 14 buah sistem seunit, tiga unit sistem pelampung

Tsunami, enam stesen pasang surut, empat buah stesen kuasa kamera, dan 13 unit siren, manakala pemilihan lokasi pula untuk penempatan alat-alat pengesan gempa bumi ini dan Tsunami ini telah mengambil kira pelbagai faktor demi menjaga kepentingan dan keselamatan rakyat Malaysia di seluruh negara.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita rasa bersyukur dan syabas kepada kerajaan kerana dapat mengambil tindakan yang begitu segera untuk membuat Sistem Amaran Awal Tsunami tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang tidak berbau. Tetapi dengan adanya sains dan teknologi, kita sebenarnya dapat membauinya dan dapat menghindarinya apabila adanya pendidikan dan persiapan. Begitu juga dengan jumlah yang besar yang telah kita peruntukkan untuk membeli alat-alat sistem amaran Tsunami ini.

Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin tahu setakat inilah apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh kementerian untuk memberi pendidikan dan amaran awal yang berterusan kepada rakyat terutama mereka yang tinggal di pesisiran pantai agar mereka bersiap sedia dan tidak cemas dalam menyelamatkan diri mereka apabila Tsunami melanda. Sebab sehingga kini kita dapati bahawa tidak ada apa-apa langkah pendidikan yang telah diambil oleh kementerian untuk rakyat dan kita tidak mahu dengan jumlah yang begitu besar yang telah diperuntukkan untuk membeli alat-alat ini dan kita masih dalam keadaan kelam-kabut apabila Tsunami melanda. Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Untuk makluman Ahli di Dewan yang mulia ini, sebenarnya bagi setiap kejadian gempa bumi yang kuat berlaku di kawasan berdekatan dan boleh memberi risiko kepada negara kita, Malaysia, Pusat Amaran Awal Tsunami Nasional ini akan menyalurkan secara terus maklumat berkenaan kepada agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana negara. Pihak media cetak dan juga media elektronik serta orang awam melalui pelbagai saluran komunikasi seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS), *hotline*, internet, telefon dan faks yang seterusnya akan disebar kepada orang awam melalui *breaking news* ataupun *callers distraction* stesen televisyen tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada bulan Mei atau Jun yang lepas kita dapati, gempa bumi yang berlaku di Jawa lebih teruk kalau dibandingkan dengan Tsunami yang berlaku di Pangandaran. Dan minggu lepas kita dapat kesan gempa bumi yang berlaku di dekat dengan Papua New Guinea dan *alhamdulillah* dikatakan tidak berlaku Tsunami.

Jadi saya hendak tahu daripada kementerian setakat ini bagaimanakah kerjasama di antara kita dengan negara-negara jiran tentang bentuk berlakunya gempa bumi atau kesan-kesan daripada

gempa bumi sama ada ia melibatkan tsunami atau pun tidak. Setakat mana kerjasama yang kita dapati daripada negara jiran dan kerjasama kita dengan negara jiran. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sebagai contoh gempa bumi yang kuat berukuran 7.2 skala Richter pada telah berlaku di bahagian selatan perairan Pulau Jawa Indonesia pada 17 Julai iaitu jam 4.19 petang waktu Malaysia. Pusat amaran awal tsunami Malaysia yang terletak di Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi telah berjaya mengesan kejadian gempa bumi tersebut pada pukul 4.22 petang tiga minit selepas itu. Pusat gempa bumi ini yang terletak di latitud 9.3 darjah selatan dan di longitud 107.3 darjah Timur dengan jarak 1,253 kilometer daripada bandar raya Johor.

Dan makluman-makluman ini telah disebarkan kepada negara kita, jiran kita iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina. Dan kita juga bekerjasama dengan Pusat Tsunami Pasifik di Hawaii dan Pusat Tsunami di Tokyo Jepun. Jadi kita mendapat maklumat dan mereka juga mendapat maklumat. Dan maklumat ini kita syer bersama untuk menentukan sama ada berlaku tsunami ataupun tidak. Terima kasih.

9. **Datuk Ir. Hasni Bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan dikenakan apa-apa pembayaran bagi penyediaan sistem ERL dalam kawasan Lembah Klang dan sekiranya ada berapakah jumlah yang ditanggung setiap tahun sejak ia mula diperkenalkan.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek sistem pengangkutan ERL Express Rail Link dari KL Sentral ke KLIA adalah dilaksanakan secara penswastan dengan kos kira-kira RM1285 juta ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju swasta. Sebagai balasan, kerajaan telah mengadakan perjanjian konsesi selama 30 tahun mengikut konsep *build, operate and transfer* kepada syarikat usaha sama tersebut iaitu Express Rail Link Sdn Bhd. Oleh itu kerajaan tidak dikenakan apa-apa bayaran bagi penyediaan sistem ERL dalam kawasan Lembah Klang sejak ianya mula diperkenalkan. Bagaimanapun kos pengambilan balik tanah bagi projek ERL ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan setakat ini sebanyak RM26.07 juta telah dibayar dari tahun 2001 hingga 2005. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pontian.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Menteri. Kita hari ini juga telah diperjelaskan oleh Menteri Kerja Raya bahawa laluan-laluan lebuhraya contohnya di Lembah Klang ini akan berada dalam keadaan di mana pengguna akan dikenakan bayaran-bayaran. Maka amat perlu sistem pengangkutan sebagai alternatif untuk memberi suatu peluang kepada pengguna untuk memilih pengangkutan lain.

Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian sekiranya itu berlaku maka adakah pendekatan yang sama boleh diambil untuk sistem-sistem pengangkutan seperti LRT dan

sebagainya di mana ianya dapat dikendalikan sepenuhnya secara penswastaan ataupun dalam bentuk *build, operate* dan *transfer* untuk menjadikan ianya satu pendekatan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas yang ada. Yang keduanya Yang Berhormat ialah sama ada pendekatan yang sama boleh diguna untuk pembangunan sistem pengangkutan LRT ini di dalam pembangunan Wilayah Iskandar, yang mana kita difahamkan bahawa sistem LRT merupakan salah satu daripada komponen di dalam pembangunan tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi kawasan Pontian. Sistem rel termasuk ERL, LRT, KTM Komuter dan juga monorail telah menjadikan satu kumpulan yang cukup penting dalam sistem pengangkutan awam khususnya di kawasan Lembah Klang. Kesemua ini selain daripada KTM komuter memang telah dilaksanakan secara penswastaan. Ia juga menjadi satu komponen yang sangat penting dan hampir setengah juta orang rakyat dari seluruh kawasan Lembah Klang telah menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka. Maka kita memang mempunyai rancangan yang menyeluruh untuk memperluaskan lagi rangkaian rel ini dan juga menambah sistem baru. Antaranya termasuk memperluaskan sistem PUTRA LRT dari Kelana Jaya ke Subang Jaya dan juga ke kawasan USJ dan diperluaskan juga dari Bukit Jalil ke kawasan Puchong dan satu sistem Rangkaian baru PUTRA LRT akan dimulakan dari Kota Damansara dan terus ke kawasan Cheras.

Selain daripada itu, kita akan memulakan pelaksanaan *extension* sistem Komuter KTM dari Sentul ke Batu Caves tidak lama lagi dan banyak usaha juga telah diambil untuk meningkatkan prestasi kesemua sistem ini dan termasuk menambah *rolling stock*, dengan izin, kepada sistem LRT PUTRA dan juga KTMB komuter. Maka semua ini akan dilakukan secara penswastaan. Selain daripada sistem KTM Komuter dan bila semua ini dapat dilaksanakan dan disempurnakan kita harapkan lebih kurang 40% daripada rakyat dari Lembah Klang akan menggunakan sistem ini untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Lembah Klang ini.

Setakat ini cuma 16% daripada jumlah penduduk di Klang Valley menggunakan sistem pengangkutan awam dan di kawasan *South Johor Economic Region* atau SJER dengan izin, memang ada rancangan khususnya daripada pihak kerajaan negeri dan pihak kerajaan tempatan Johor Bahru supaya mengadakan satu sistem monorail untuk kawasan ini dan setakat ini kita belum menerima sebarang *proposal* secara terperinci supaya dapat memberikan penelitian selanjutnya. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa kerajaan membayar kos pengambilan tanah untuk ERL. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat di mana kita dapati *central station* ini, dahulunya dia membenarkan orang

yang tidak menaiki ERL untuk membuat *check-in* dekat MAS *counter* tetapi akhir-akhir ini banyak rungutan kepada NST dan kami Ahli Parlimen juga berdepan dengan situasi itu tidak lagi boleh buat *check-in* dekat MAS *counter* di ERL.

Saya hendak bertanya adakah ini dasar kerajaan ataupun pemegang konsesi yang bermaharajalela, kerana nampaknya merekalah menjadi kerajaan dan kita berdepan dengan situasi itu di mana kita hendak datang ke Parlimen dan kita tahu kalau kita hendak pergi ke KLIA tidak sempat dalam dua jam kita ambil tiket. Kenapa tidak boleh memudahkan pengguna ini ada juga projek kerajaan. Saya hendak tanya adakah ini dasar kerajaan ataupun satu peraturan yang ditetapkan oleh pemegang-pemegang konsesi. Minta penjelasan terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang menjadi polisi atau pun dasar kerajaan untuk menggalakkan pengguna ERL yang akan pergi ke KLIA untuk melakukan *check-in* di KL Sentral.

Ini memang merupakan dasar kerajaan dan setakat ini ada dua ataupun tiga buah syarikat penerbangan selain daripada MAS yang menerima *check-in* dilakukan di kawasan KL Sentral ini. Maka apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini memang bertentangan dengan hasrat kerajaan maka saya sendiri akan menjalankan satu penyiasatan ke atas perkara ini apa jua dasar kerajaan yang ditetapkan ini harus diikuti oleh semua pihak. Sekian terima kasih.

10. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengiktiraf NAM sebagai satu forum yang relevan, khususnya sebagai badan yang mewakili negara-negara membangun. Jika ya, mengapakah dalam banyak perkara dan ketika suara NAM tidak mendapat perhatian PBB dan kuasa-kuasa besar.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kalabakan di atas soalan yang telah beliau kemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, NAM merupakan sebuah pergerakan yang relevan, penting dan diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai suara negara-negara membangun melalui kepimpinan dan perannya di dalam meningkatkan penyertaan negara-negara membangun dalam proses membuat keputusan di peringkat antarabangsa. Melalui penglibatannya secara aktif di dalam perbincangan mengenai isu-isu keamanan dan keselamatan antarabangsa, perlucutan senjata, keganasan antarabangsa, hak asasi manusia, penstrukturan semula PBB serta pembangunan sosial dan ekonomi melalui platform-platform *politic*, terutamanya PBB.

NAM menentang ketidakadilan, ketidakaksamaan, eksploitasi dari segi politik dan ekonomi, penguasaan kuasa besar, ancaman senjata pemusnah besar-besaran terutamanya senjata nuklear, campur tangan dan pencerobohan, pelanggaran hak asasi manusia, kemunduran dari segi sosioekonomi serta isu-isu semasa yang lain. Melalui negara-negara anggotanya yang menjadi Ahli Majlis Keselamatan PBB, NAM akan terus menyuarakan pendiriannya mengenai isu-isu keamanan

dan keselamatan antarabangsa pada platform tersebut di mana pandangan dan pendirian NAM turut dibincangkan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua jawapan dari Timbalan Menteri memang kita nampak cantik dan canggih tetapi saya nampak bahawa tidak ada isu-isu yang dikemukakan oleh NAM yang diterima oleh PBB atau kuasa-kuasa besar. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi saya satu contoh isu yang dikemukakan oleh NAM diterima oleh PBB atau kuasa-kuasa besar. Satu contoh sahaja saya mahu,

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Misalnya di mana-mana perbincangan mengenai sesuatu negara dan di sini kita boleh mengambil Iran sebagai sebuah negara contoh. Isu berkenaan dengan Iran berkenaan dengan kuasa nuklear iaitu sebelum keputusan dibuat di *United Nation Security Council* iaitu pandangan dari semua negara di dunia termasuk negara yang berkeahlian di NAM telah pun dibincangkan dan mereka dan negara-negara terlebih lagi Malaysia telah juga diminta supaya tidak menentang usul itu. Dan oleh kerana usul yang dibentangkan untuk menyekat Iran menyediakan senjata nuklear adalah bercorak untuk keselamatan negara maka NAM pun bersetuju dengan itu. Dan itu contoh yang terbaru. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pun menjawab soalan Yang Berhormat Kalabakan. Contoh yang konkrit yang mana suara NAM itu benar-benar menyuarakan negara-negara berkecuali khususnya seperti negara kita Malaysia yang sebelum Cuba kita menjadi Pengerusi. Jadi persoalan dia saya mahu juga tahu daripada Yang Berhormat apakah pendirian NAM dalam soal penaklukan Amerika ke atas Iraq kemudian apabila kemusnahan sudah berlaku dan kemudiannya hukuman mati ke atas Saddam Hussein. Jadi apakah pendirian kita sebab negara Iraq adalah sebuah negara yang ditakluki maka kedudukan perlembagaan kedudukan mahkamah juga dipersoalkan. Memang benar hanya dunia Amerika khususnya menggunakan itu isu-isu Iraq ini sebagai untuk politik dalaman Amerika Syarikat khususnya di bawah pimpinan Bush.

Jadi apakah pendirian NAM dalam soal ini hukuman mati ke atas Saddam, adakah benar-benar mencerminkan keputusan yang baik dalam hal ini. Apakah kita tidak menyuarakan hal ini dan di samping itu apabila pihak Iran untuk mengeluarkan tenaga nuklear dia tetapi bila Korea Utara melakukan itu keputusan telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu jadi soalnya pendirian kita. Sehingga hari ini tidak dapat ada satu suara bagaimana hendak menyelesaikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...Keadaan di Iraq yang teruk sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri jawab soalanlah.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Sungai Petani sendiri sudah menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan iaitu walaupun NAM menyuarakan ketidaksetujuannya untuk menyerang Iraq dan begitu juga pandangan dari PBB. Dan bagaimanapun Amerika dan sekutu-sekutunya telah juga melanggar peraturan ataupun keputusan yang telah didapati di PBB iaitu di dunia sekarang adalah *multilateralism*, cara yang diambil oleh NAM.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua ini jawapan kurang memuaskan boleh kita dapat cara bertulis kah?... *[Ketawa]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini kurang memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan sila duduklah.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ini sekarang platform saya Tuan Yang di-Pertua dan dari segi apa yang dikatakan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tadi iaitu berkenaan dengan pencerobohan di Iraq, Malaysia sebagai Pengerusi NAM memang tidak bersetuju dengan pencerobohan Iraq dan begitu juga pandangan dari PBB.

PBB pun tidak bersetuju tetapi walau bagaimanapun, Amerika Syarikat dan negara-negara yang bersekutu dengan dia telah juga mencerooboh iaitu dia mengambil tindakan *unilateralism* dan yang berkenaan dengan pandangan Malaysia terhadap hukuman mati kepada Saddam Hussein yakni Tuan Yang di-Pertua, saya belum mendapat apa-apa pandangan ataupun apa-apa pendirian negara kita berkenaan dengan keputusan mahkamah untuk menghukum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: ... Saddam Hussein iaitu hukum sampai mati.

11. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan di manakah pusat utama transit pengedaran dan penyeludupan dadah di Sabah. Apakah kayu ukur yang digunakan oleh Pasukan Polis berhubung dengan penyeludupan dadah di Sabah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Sapi. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan geografi Sabah yang berhampiran dengan negara-negara jiran seperti Filipina dan Indonesia serta sempadan laut yang panjang iaitu lebih kurang 1500 kilometer telah memudahkan aktiviti penyeludupan dadah.

Jenis dadah yang sering dirampas adalah jenis syabu dan ganja. Pihak Polis Diraja Malaysia dan Kontinjen Sabah telah mengenal pasti kawasan di bahagian Pantai Timur Sabah yang menjadi pusat utama transit kehidupan dan pengedaran dadah jenis ini. Daerah-daerah yang dikenal pasti menjadi tumpuan adalah Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Kunak dan Semporna. Ini jelas daripada statistik tangkapan dan rampasan dadah di kelima-lima daerah tersebut sejak tahun 2003 sehingga 2006 menunjukkan peningkatan.

Di samping itu juga, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu turut menjadi pusat transit daripada penyeludupan dadah dari negara-negara seperti Hong Kong, Taiwan, Korea, Jepun, China, Australia dan Singapura. Penjenayah-penjenayah ini sering menggunakan pelbagai cara dan kaedah bagi mengelakkan diri mereka dari dikesan oleh pihak berkuasa.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang penting, bolehkah kementerian kemukakan kepada Dewan yang mulia ini, kes-kes tangkapan, kes-kes yang ditangkap, kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan keputusan kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan apakah jenis hukuman. *Jail sentence* kah dengan izin, *life sentence* kah atau *whipping*? Berapa kes ada di Sabah? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Laporan yang ada pada saya ialah berkenaan dengan tangkapan di bawah 39(b) Akta Dadah Berbahaya. Bagi tahun ini, sehingga bulan Julai, tangkapan yang dibuat ialah seramai 20 orang iaitu terdiri daripada 15 orang Malaysia, 5 orang Filipina dan lain-lain 20 orang. Yang tangkap dan didakwa pengedaran dadah di bawah LLPK untuk bulan Julai, Malaysia seramai 36 orang, Filipina seramai 29 orang, Indonesia seramai 5 orang dan jumlahnya 70 orang.

Jumlah tangkapan jenis dadah yang kita perolehi sejak dalam bulan Julai ini, syabu sebanyak 2624.86 gm, ganja 231.17 gm, heroine 0.4 gm, *ecstasy* 129 biji dan *ketamine* 4.8 gm. Dan berkenaan dengan lain-lain itu saya tidak bagilah kerana tidak ada laporan bersama-sama saya berkenaan dengan hukuman dan tindakan yang telah kita ambil. Tetapi walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah penagih dadah yang kita tangkap sejak dan di bawah rawatan dan pusat pemulihan ialah 1,407 orang. Yang di bawah Seksyen 15 1A, sehingga bulan Julai seramai 769 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007****Jawatankuasa**

Aturan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. “[*Hari Kempat*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.13 [Jadual] –

Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jabatan Perdana Menteri, kepala Bekalan B.13 dan kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

11.36 pagi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh B030300 - Perhubungan Antarabangsa.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya memimpin OIC, melibatkan negara-negara Islam dan telah menampakkan perubahan yang telah diambil bagi merapatkan lagi jurang di antara negara-negara Islam kita sebagai Pengerusi OIC. Dan kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat sendiri telah pun menyatakan usul untuk menubuhkan sebuah pertubuhan zakat antarabangsa yang mana pada 28hb ini, Yang Amat Berhormat sendiri akan mengisytiharkan perkara tersebut bersempena dengan Mesyuarat Menteri-menteri Agama Brunei Darul Salam, Indonesia, Malaysia dan Singapura yang akan diadakan di Kuala Lumpur dari 27 hingga 30 November ini.

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kita tahu bahawa penubuhan atau peranan zakat dalam pembangunan ummah ini banyak yang akan datangkan manfaat dan kepentingan bagi membantu negara-negara Islam yang tidak mampu, yang berada dalam keadaan yang serba kekurangan. Kita lihat pada hari di mana negara-negara seperti Palestin terutamanya, yang sentiasa dihipit akibat daripada serangan-serangan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Butiran?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sudah sebut tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: B030300.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Perhubungan antarabangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini melibatkan antarabangsa Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh spesifik. Tadi ini sebagai gambaran. Kalau kita nyanyi lagu pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebutkan peruntukan yang diperlukan dan mengapakah atau cadangan dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Zakat antarabangsa ini adalah bukan satu perkara baru Tuan Pengerusi, yang perlu kita alu-alukan kerana ia akan dapat membantu menegakkan syiar Islam sama ada di negara-negara Islam ataupun mungkin di negara-negara bukan Islam yang melibatkan masyarakat Islam termasuklah di negara-negara yang mungkin sesetengahnya asal daripada masyarakat di Malaysia ini daripada negara asal mereka kerana ini amat luas Tuan Pengerusi.

Dan saya sungguh tertarik di atas kesungguhan Malaysia bagi mewujudkan badan zakat ini sebagai salah satu usaha kita untuk menentukan arah tuju perpaduan Islam itu sendiri. Kalau negara Islam ini sendiri tidak menunjukkan perpaduan yang utuh, kekuatan dari segi negara Islam itu sendiri tidak mungkin kuasa-kuasa lain, kuasa-kuasa besar yang lain akan menghormati pendirian kita. Saya amat memuji usaha ini yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga melibatkan pandangan dari negara-negara Islam yang lain. Cuma kalau bolehlah Tuan Pengerusi, kalau ulama kita telah memberi pandangan yang begitu baik untuk mewujudkan sebuah badan seperti ini

Saya juga ingin menyeru, ingin menyarankan, supaya para ulama ini juga melalui OIC dan juga forum-forum yang lain memikirkan bagaimana untuk memantapkan lagi semangat perpaduan yang jitu. Yang menampakkan bahawa negara-negara Islam ini memang bersatu. Saya nak cadangkan di sini kalau bolehlah Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua dasar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, *this is specific*. Saya nak sebut ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi dasar jugalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak. Bukan, bukan, bukan dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... *[Ketawa]* Saya kata, dasar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Umpamanya Tuan Pengerusi, *okay*, spesifik. Marilah ulama-ulama kita memikirkan bagaimana kalau kita menyambut musim-musim perayaan. Hari ini, kalau kita lihat di negara-negara Arab, menyambut musim perayaan Hari Raya Puasa, Hari Raya Adilfitri, tak sama dengan beberapa negara ASEAN yang lain. Kita nak sambut puasa pun tak sama. Nak menyambut Hari Raya Haji pun tak sama. Jadi, mungkin para ulama kita yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita secara Islam Hadhari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini semua melibatkan bajet?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, bajetlah, bajet.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peruntukan ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, kalau boleh pembayaran dam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hah!!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Orang yang hendak melakukan Haji sekarang ini, nak bayar dam, kena bayar di Mekah.

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Banyak wang yang terlibat. Apa salah kita bayar dam di sini? Kalau dam itu hendak membantu orang-orang miskin di beberapa negara yang lain di sana. Kalau boleh, kita cadangkan kita buat di sini. Kalau dibolehkan, ini cadangan. Ini cadangan saya. Kalau dibolehkan. Tetapi terpulanglah kepada ulama kita memikirkan. Kita ada jawatankuasa fatwa dan sebagainya. Kita bayar dam di sini kerana di negara kita ini juga memerlukan bantuan-bantuan, ya? Mungkin negara-negara ASEAN yang lain. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang saya hendak cadangkan, supaya para ulama kita turut memikirkan. Kalau ini zakat, dah boleh buat dah, dah cantik dah. Hebat!! Menampakkan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat, bajet yang disediakan, cukuplah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bajet ini, banyak mana pun tak cukup Tuan Pengerusi. Jadi, kita minta tambahlah. Tujuan saya bercakap itu, secara tak langsung nak minta tambahlah, kalau boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab, Kementerian Luar Negeri ini penting. Jadi, para ulama ini memikirkan tentang sambutan perayaan, biar sama. Kita tengok perayaan-perayaan bangsa-bangsa yang lain, satu sahaja, sekali. Serentak satu dunia. Kita ini berbeza sedikit. Kalau dahulu tidak ada kemudahan, sekarang sudah ada kemudahan. Jadi saya menyeru para ulama kita memikirkan, sambutan perayaan kita biar sama, serentak seluruh dunia. Puasa serentak seluruh dunia. Carilah kaedah, ya? Carilah kaedah. Sambutan Hari Raya Haji, biarlah sama. Ini menampakkan kita, ada semangat. Semangat perpaduan yang sejagat. Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang saya nak cakap secara spesifik, dan kalau perlu nak ditambah peruntukan, tambahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Supaya Kementerian Luar Negeri ini memainkan peranan yang lebih baik. Melambangkan, membawa nama baik Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading nak minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya mahu cakap..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Fakta dia lengkap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, tak, saya bukan bertanya. Saya mahu bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nak ucap. Ha jadi..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau begitu Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang saya nak sentuh, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

11.43 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, jangan terkeluar daripada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Tidak sekali-kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Saya akan tegurlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya akan bercakap dan menyentuh Butiran 010000 - Pentadbiran Ibu Pejabat dan Perkhidmatan Sokongan. Betul Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: I belum dengar apa yang Yang Berhormat nak cakap. Ini memang betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ucap tahniah kepada Menteri Luar Negeri kita. Saya lihat kesungguhannya Tuan Pengerusi. Saya lihat kesungguhannya dan saya lihat Kementerian Luar Negeri ini Tuan Pengerusi, salah sebuah kementerian yang penting. Yang mengenalkan negara kita ke seluruh dunia dan hubungan kemanusiaan antara negara dan bangsa ini amat penting Tuan Pengerusi. Amat penting dan setakat ini, peranan yang dimainkan oleh Malaysia, yang dimainkan oleh Menteri Luar Negeri kita, dan sudah barang tentu oleh Perdana Menteri kita mendapat pujian di mana-mana. Mendapat pujian di mana-mana.

Kita menjadi salah sebuah negara, pemimpin yang popular jugalah di peringkat antarabangsa. Kita ucapkan tahniah di atas pencapaian ini dan kita berharap pencapaian-pencapaian yang lebih gemilang akan dapat kita capai pada masa-masa yang akan datang. Oleh yang demikian, kegemilangan yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri, oleh Menteri Luar kita, termasuklah Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pentadbiran ibu pejabat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, ya. Ini kakitangan kita di luar negara Tuan Pengerusi. Kakitangan kita di luar negara, saya lihat di sesetengah negeri, di sesetengah negara, kebajikan mereka amat berkurangan. Pendapatan mereka amat tidak munasabah. Peruntukan kepada mereka, amat terhad. Berbanding dengan sara hidup bagi sesebuah negara. Oleh itu, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini, tolong semak balik. Tolong semak balik peruntukan-peruntukan, elaun dan sebagainya kepada kakitangan kita yang berada di luar negara. Yang berada di luar negara. Saya sebenarnya dapat SMS daripada beberapa rakanlah, tak usah sebut namanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, bila hantar SMS?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebelum bulan Puasa Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana mereka tahu Yang Berhormat nak berucap hari inilah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak tahu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menyuarakanlah, kalau boleh saya sebut di Parlimen ini, tentang kebajikan mereka. Elaun mereka, pendapatan mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, sahabat saya. Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading ini, nyata.

Peralatan, kenderaan, apatah lagi alat komunikasi. Di Burma, di Myanmar, konsulat kita ataupun *embassy* kita, yang ada telefon bimbit ini, duta!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua akan disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak, saya mencelah ini, takut Yang Berhormat bagi Sri Gading terlupa Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila dia lupa, baru minta...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Pasal dia belum pergi Myanmar, Tuan Pengerusi. Saya yang sudah pergi. Yang ada duta!! Kalau duta balik ke Malaysia untuk mesyuarat, wakil duta itu tidak ada alat komunikasi. Kerana di Myanmar itu, *handphone* itu RM30,000 sebuah Tuan Pengerusi. Sepatutnya, kerajaan kena membekalkan. Lagi satu tentang kenderaan. Kita, Malaysia pengeluar Proton!!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ha! Ha!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kita ada Wira! Kita ada Perdana! Mengapa tidak, perwakilan-perwakilan kita di luar itu, dilengkapi dengan kereta-kereta buatan Malaysia. Dengan secara tidak langsung, kita mengiklankan kereta kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini dekat Pakistan kita dengar, kedutaan kita pakai Datsun!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: C20.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: C20, C20.. .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Cukup. Yang Berhormat bagi Sri Gading, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana membenarkan beliau mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tak nak komen Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ambil seluruh ucapannya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebagai sebahagian ucapan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya Tuan Pengerusi.... *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, ini memang bijaklah!! Tuan Pengerusi, boleh meramalkan. Kira handal jugalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulunglah. *[Dewan riuh ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, penggulangannya itu Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Itulah dia. Saya berharap kerajaan kita, saya berharap kerajaan kita tolong, tolong ambil perhatian dan bertindak selesaikan masalah ini!! Di Jakarta lain, di Medan lain, kita punya pegawai-pegawai mendapat kebajikan. Itu di Indonesia sahaja pak!! Ha!... *[Disampuk]* Tak, ini contoh terdekatlah Tuan Pengerusi. Malulah kita!! Kalau pegawai-pegawai kita tak setanding dengan pegawai-pegawai diplomat yang lain!! Tolonglah Tuan Pengerusi!!

Kalau menteri kita hebat, Timbalan Menteri hebat, Setiausaha Parlimen hebat dan Perdana Menteri kita hebat di kaca mata dunia Tuan Pengerusi, kenapa kita tidak fikirkan kebajikan kakitangan kita di seluruh dunia Tuan Pengerusi. Ini belum cerita anak bini dia yang tinggal, hendak bawa tidak mampu. Kos. Sesuaikanlah Tuan Pengerusi. Ini siapa yang berkaitan dengannya ini? JPA? JPA ini pun kadang-kadang sesetengah pegawainya tahi hidung masin Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tahi hidung masin. Tidak ada timbang rasa ini. Saya kalau hendak cerita... semalam saya tidak diberi peluang dalam Kementerian Kewangan untuk bercakap. Kalau kita semak-semak, membaiki kereta RM300 juta Tuan Pengerusi, contoh. Lebih tinggi daripada kita menolong fakir miskin di dalam negara ini Tuan Pengerusi. Lebih tinggi memperbaiki kenderaan kerajaan. RM300 juta lebih tinggi daripada kita menolong fakir miskin dan ibu tunggal dalam negara ini! Kereta atau ibu tunggal ataupun fakir miskin kalau kita hendak semak tentang perbelanjaan. Saya semalam fasal sahabat saya yang menjawab, kalau yang perempuan itu menjawab saya bangun agaknya.

Beberapa Ahli: ...*[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Timbalan Menteri lagi satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana Timbalan Menteri ini tidak berani bangun tanyalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak berani, dia lebih pandai daripada sayalah Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: ...*[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi kadang-kadang kita mengetatkan belanja di tempat-tempat yang tidak sepatutnya kita ketat. Tetapi kita longgarkan tempat-tempat yang tidak sepatutnya kita longgarkan. Kita membazir tempat-tempat yang tidak begitu patut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya selama ini Yang Berhormat tepat kepada tajuk. Jadi tahniah, cukuplah.

Beberapa Ahli: ...[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi itulah Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pun faham, saya pun faham, seluruh Dewan pun faham, pegawai yang mengambil catatan pun faham. Kita sama-sama faham Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya berterima kasih, saya menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Gombak.

11.52 tgh.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan ini. Saya ingin menyentuh tentang perbincangan 020300-Penerangan Luar Negeri. Muka surat 201 Tuan Pengerusi. Satu lagi iaitu atas tajuk 030300-Perhubungan antarabangsa. Saya akan menyentuh dalam dua tajuk ini.

Yang pertama berkenaan penerangan luar negeri Malaysia. Saya mengalu-alukan bahawa Kementerian Luar Negeri begitu prihatin dan begitu nampak kepentingan yang ada peruntukan sedemikian. Walau bagaimanapun, saya melihat tidak ada perubahan dari segi peruntukan tahun 2006 dengan 2007. Kalau kita lihat Tuan Pengerusi bahawa penerangan luar negeri ini amat penting. Yang pertama, penerangan berkenaan untuk menaikkan imej Malaysia. Yang kedua, penerangan ini juga penting kerana Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan sebagai pemimpin sebuah negara Islam ini amat penting kerana imej Islam yang telah tercalar dengan berbagai-bagai tuduhan terutama daripada dunia barat.

Jadi saya berharap kalau kita lihat dalam tahun 2006 tidak banyak kesannya daripada peruntukan yang diberi ini. Mungkin 2007 ditambah lagi. Saya rasa kali ini penerangan tentang Islam ini di luar negara harus diperhebat, harus diperkuat. Contohnya saya tengok baru-baru ini pada awal tahun saya telah diberi peluang dihantar oleh Parlimen untuk menghadiri seminar atau persidangan antara agama International Interfaith Meeting di Cyprus. Saya dapati bahawa saya telah berjumpa dengan pemberita-pemberita daripada luar negara termasuk mereka yang mengeluarkan

kartun menghina Nabi Muhammad s.a.w. Saya dapati bahawa minda mereka tidak berubah. Minda mereka sama. Pengetahuan mereka tentang Islam sama.

Jadi saya dapati bahawa apakah penerangan selama ini yang dibuat oleh kita tidak sampai kepada kumpulan sasar ini....

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kalau tidak pun kepada pemimpin-pemimpin negara, kalau tidak pun kepada Ahli-ahli Parlimen negara-negara luar kepada kumpulan sasar ini pun tidak sampai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kudat bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Sila sahabat saya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak, terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan penerangan luar negara. Seperti mana yang kita tahu sebenarnya bukan sahaja Kementerian Luar Negeri yang mempunyai *mission* di luar negara tetapi kita juga mempunyai banyak agensi-agensi lain yang dimiliki oleh kerajaan yang berada di luar negara yang mempunyai tugas-tugas tertentu. Yang pertama misalnya MAIDA dan demikian juga MARTRADE dan selanjutnya yang paling menikmati banyak bantuan kewangan ataupun bajet bagi promosi dan sebagainya ialah Tourism Malaysia. Setiap tahun saya fikir untuk bajet yang diberikan kepada Tourism Malaysia adalah ratusan juta banyaknya kerana mereka mempunyai tugas-tugas tertentu untuk memberikan promosi kepada Malaysia di luar negara.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Kementerian Luar Negeri melalui sahabat saya Yang Berhormat bagi Gombak ialah apakah penyelarasan yang telah dibuat oleh Kementerian Luar Negeri dengan agensi-agensi ini supaya setiap program-program yang diatur untuk memberikan penerangan tentang kedudukan Malaysia ataupun tentang imej Malaysia di luar negara dapat diselaraskan supaya ianya benar-benar berkesan dan setiap wang yang dibelanjakan oleh kerajaan sama ada oleh Kementerian Luar Negeri ataupun agensi-agensi yang di bawahnya dapat digunakan dengan sepenuhnya dan dapat memberikan kesan yang positif kepada negara. Yang saya ingin mengetahui apakah bentuk penyelarasan yang telah dibuat oleh Kementerian Luar Negeri dengan agensi-agensi ini dan apakah yang telah dibuat selanjutnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kudat. Yang ini memang kita tahu bahawa penyelarasan daripada kementerian memang amat lemah. Kadang-kadang saya difahamkan bahawa agensi-agensi kerajaan itu macam *free for all* sahaja. Mereka buat secara *independent*, tidak ada penyelarasan yang begitu kuat. Tapi soal yang saya hendak bangkitkan ini soal pokok, soal politik. Ini tugas hakiki Kementerian Luar Negeri. Saya rasa perkara ini dalam 2007 ini kalau boleh dipohon dipertingkatkan lagi peruntukan ini supaya bukan

sahaja kakitangan Kementerian Luar Negeri dilibatkan, libatkan Ahli Parlimen sekali. Kita mempunyai penceramah-penceramah yang begitu hebat seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh. Kita boleh hantar ke luar negara, beri penerangan kepada jurnalis, beri penerangan kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Saya harap aktiviti ini diperhebat dan ada perubahan. Pada tahun 2006 saya nampak sama sahaja. Pemikiran dunia luar terutama dunia barat terhadap Islam masih sama. Jadi saya harap perkara ini kalau dapat diperhebat lagi dan melibatkan lebih ramai bukan sahaja kakitangan, bukan sahaja duta-duta kerana kita tahu kebolehan mereka itu pun terhad, kakitangan mereka juga terhad.

Sekarang ini saya ingin fokus pula kepada 030300-Perhubungan Antarabangsa seperti mana yang saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, kita bukan sahaja begitu aktif dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Malaysia juga merupakan pemimpin kumpulan-kumpulan antarabangsa. Jadi saya dapati bahawa sesetengah kumpulan pertubuhan antarabangsa ini contohnya OIC. Saya dapati bahawa OIC masih lagi kurang berkesan. Kita dapati bahawa anggota negara yang paling banyak sekali konflik ialah OIC seperti permasalahan di Palestin, di Iraq, di Iran, di Pakistan dan di mana-mana.

Jadi kita harap dalam perhubungan antarabangsa ini contohnya kalau saya ambil satu pertubuhan NAM contohnya. Pertubuhan NAM ini ditubuhkan dahulu pada masa berlakunya perang dingin di antara USSR dengan USA (di antara Rusia dengan Amerika). Jadi pada masa itu negara-negara kecil ini membuat *decoration* bahawa mereka di dalam kedudukan berkecuali. Tapi kita lihat pada masa itu dunia dalam keadaan *bipolar* ada satu kumpulan yang menyokong USSR, satu kumpulan yang menyokong USA. Tapi dunia sekarang sudah *unipolar*. Dunia sekarang dikuasai oleh USA. Jadi kita hendak lihat yang saya nampak ialah NAM ini relevan dari segi menyuarakan suara dari segi politik terutamanya. Untuk menyuarakan suara-suara negara kecil.

Itu sebab saya harap melalui perhubungan antarabangsa ini, kita harus melobi dengan lebih kuat bahawa NAM mahupun OIC seharusnya kita harus perjuangkan supaya duduk dalam *security council*. Kalau tidak kita seperti, *anjing menyalak bukit*. Pelbagai resolusi, pelbagai perkara yang kita buat, seolah-olah seumpama seperti demonstrasi jalanan, tidak ada kesan. Jadi saya harap kalau diperlukan peruntukan yang lebih, saya sokong, kita semua sokong supaya promosi dan perkara ini diperhebat supaya kedudukan NAM, OIC ini dapat lagi diangkat. Dan saya juga ...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Sekejap Yang Berhormat bagi Ketereh, lepas ini saya biarkan saudara mencelah. Satu lagi saya dapati bahawa perhubungan antarabangsa ini, kedudukan Malaysia, kedudukan negara Islam boleh diperkasakan lagi melalui penglibatan Ahli-ahli Parlimen. Contohnya kalau sesuatu misi itu, sesuatu itu ingin diterangkan kita boleh libatkan Ahli Parlimen. Di Parlimen Malaysia kita mempunyai *caucus* Timur Tengah. Kalau Ahli-ahli *caucus* yang

mana terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen kerajaan, Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang bersama, kita semua satu hati, sama-sama melihat penyelesaian yang boleh membantu Malaysia, yang boleh membantu menaikkan nama Malaysia, yang boleh membantu menaikkan nama OIC. Dan saya harap Ahli-ahli Parlimen dilibatkan secara terus.

Saya pohonlah perhubungan antarabangsa ini diperuntukkan dengan peruntukan yang lebih lagi supaya tidak lagi Ahli-ahli Parlimen yang harus dihantar untuk bertugas. Ahli-ahli Parlimen yang membawa misi yang penting. Dan saya rasa kalau ini berlaku, maknanya kalau Ahli-ahli Parlimen ini pergi mewakili Parlimen Malaysia, impaknya saya rasa cukup tinggi, impaknya cukup kuat. Yang Berhormat bagi Ketereh, silakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih saudara Gombak. Saya terpanggil untuk bangun bila Yang Berhormat bercakap mengenai perhubungan antarabangsa dan saya ucap tahniah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana cadangan Yang Berhormat dihantar?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak, cadangan dia bagus dan kebetulan beliau juga adalah *pengerusi caucus* untuk Timur Tengah tapi beliau tak pernah pergi ke Timur Tengah atas urusan ini. Jadi cadangan itu adalah wajar, kebetulan saya juga adalah timbalan pengerusi. Jadi kalau pergi pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli jawatankuasa lagi bagus, Timur Tengah adalah *area* konflik. Yang saya nak tanya Yang Berhormat ialah, Yang Berhormat sebut tadi kita jadi pemimpin kepada Negara Dunia Ketiga. Tetapi dari pemerhatian saya, nampaknya kita jadi pemimpin kepada negara-negara sakit. Negara-negara OIC adalah negara-negara konflik, ada masalah sakit. Negara NAM, Negara Dunia Ketiga juga menghadapi masalah sakit.

Jadi kita pemimpin kepada orang-orang sakit sebenarnya. Pemimpin kepada negara-negara sakit, *with all the respect*, dengan izin. Cuma kita ini agak lebih baik daripada orang lain dari segi kedudukan ekonomi, dari segi *political* status dan juga dari segi hubungan antarabangsa. Maka sebenarnya apakah langkah wajar yang harus kita ambil untuk membawa masalah Dunia Ketiga ini kepada dunia dengan lebih lantang lagi. Sebab pada satu ketika, Malaysia begitu dihormati malah sekarang pun masih dihormati. Tetapi saya ada kebimbangan takut-takut nanti bila kita sudah tidak memegang OIC, kita sudah tidak memegang NAM, akhirnya suara kita akan tenggelam. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Jadi kalau kita lihat seperti mana yang saya katakan tadi, banyak pertubuhan-pertubuhan ini masih kelihatan kurang berkesan. Walau bagaimanapun kehadiran Malaysia sebagai pemimpin pertubuhan-pertubuhan ini sedikit sebanyak telah menampakkan perubahan. Contohnya dalam baru-baru ini bila berlaku konflik di antara Israel dengan Lebanon, kalau tidak ada penglibatan Malaysia, kalau tidak

ada inisiatif Malaysia yang membawa persidangan tergepar negara-negara OIC, maka saya pasti bahawa konflik Israel – Lebanon itu masih berterusan sehingga ke hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Jadi kita telah mempunyai kesan, kehadiran Malaysia itu mempunyai kesan yang cukup baik. Dan kita tahu bahawa walaupun negara yang kita pimpin itu adalah negara-negara yang seperti mana yang menggunakan kata-kata Yang Berhormat bagi Ketereh, negara-negara sakit, negara-negara ketiga, yang mana secara majoriti itu adalah negara-negara di dunia ini, ialah negara-negara dunia ketiga. Jadi Malaysia ini telah banyak dapat membawa perubahan-perubahan walaupun perubahan-perubahan itu seperti mana yang saya katakan, tidaklah seperti mana perubahan yang benar-benar kita kehendaki. Dan saya percaya kalau peruntukan antarabangsa ini ditingkatkan dengan adanya aktiviti-aktiviti yang lebih perkasa, yang lebih kuat, dilibatkan kesemua Ahli-ahli Parlimen yang boleh membantu Kementerian Luar, saya percaya imej Malaysia akan semakin lama semakin meningkat, bukan sahaja imej Malaysia, imej dunia Islam juga akan dapat ditingkatkan.

Sekian, saya mohon Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

12.05 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam 06000 Dasar Baru dan 060300 Perancang Dasar dan Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, pada sesi yang lalu pada bulan Julai, Menteri Luar telah memaklumkan di Dewan Rakyat ini bahawa beliau telah pergi ke Sri Lanka dan telah memberitahu bahawa dia telah berjumpa dengan presiden Sri Lanka dan juga dia telah berjumpa dengan Menteri Luar Sri Lanka. Perkara yang mustahak adalah di mana lebih daripada 200 ribu orang adalah sekarang telah diusir dari tempat-tempat di mana mereka duduk, *they considered now, "displace person"*. Dan *United Nation of High Commissioner for refugees* telah mengatakan bahawa mereka adalah dalam keadaan yang sangat serius. Dan semalam satu di antara kumpulan di Batticaloa di Sri Lanka, lebih daripada 50 orang telah dibunuh oleh askar-askar Sri Lanka. Dan kejadian ini selalu berlaku. Apakah dasar kerajaan mengenai perkara ini? Adakah kerajaan akan terlibat supaya memberi penerangan, memberi perhatian?

Saya telah bertanya kepada Menteri Luar di luar Parlimen masa itu, dan beliau kata beliau tidak dapat pergi ke tempat-tempat di mana perang itu sedang atau mungkin berlaku di *the east areas* dalam Batticaloa, Trincomalee, Tiruhchi, Jaffna, Amanar dan sebagainya. Saya ada *a bit of benefit*, saya sendiri telah pergi ke tempat tersebut dan saya dapati ramai di antara mereka yang *displace* ini sangat teruk, tidak cukup makan, keadaan mereka sangat teruk sekali. Dan sekarang,

semalam kerajaan negeri Sri Lanka telah mengarahkan mungkin negara India perlu menghantar makanan kepada orang-orang yang terlibat di sana. Nampaknya ini adalah satu perkara yang sangat serius, ramai di antara golongan masyarakat *the world renown leaders* dalam perkara hal-hal Tamil telah mengatakan bahawa bukan sahaja setakat *statement* yang perlu diberi, *pressure* perlu diberi kepada negara Sri Lanka.

Saya difahamkan semalam, *Secretary* dari Parlimen Sri Lanka telah datang ke Parlimen kita sendiri dan juga beberapa Ahli Dewan Rakyat termasuk Duta besar Sri Lanka. Dan mereka juga telah berjumpa dengan orang-orang di Kementerian Luar di negara ini. Jadi saya nak tahu apakah penerangan yang telah mereka terima? Dan apakah penerangan yang mereka telah memberitahu, adakah mereka memberitahu bahawa adakah kerajaan tahu, saya rasa mungkin ramai tidak tahu kita adalah nombor *four largest investor* di Sri Lanka. Dan mungkin masa sudah datang supaya kita ada *sanction* terhadap Sri Lanka kerana apa yang terjadi di Sri Lanka. *Cluttering, killing, missing of people* adalah tiap-tiap hari terjadi. Ini nampaknya, walaupun satu negara demokratik, tetapi tidak menjalankan ciri-ciri demokratiknya.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini seorang profesor, Profesor Philip Alston dari *United Nation Special Rapporteur* telah mengatakan dengan izin saya baca, "*on extrajudicial summary or arbitrary executions speaking to the United Nation General Assembly, third committee 20th October 2006, said that the dramatic attacks in the recent days and spilling number of extrajudicial executions. Indicate, Sri Lanka is not so much on to bring of a new crisis but instead only in the mist interminable and intractable crisis that has already exhausted a fair share of international intention. And call upon the United Nation Secretariat to establish a full-fledge international human rights monitoring mission in Sri Lanka*". *Professor Alston also told the United Assembly:*

- (i) *to acknowledge the need of significantly most sustained and high-level international involvement;*
- (ii) *to accept the fact that there is no national institution capable of monitoring human rights throughout Sri Lanka; and*
- (iii) *to establish an effective international human rights monitoring presents.*

Tuan Pengerusi, saya harap kerajaan akan mengambil bahagian. Kita ada beberapa kepakaran di *South Thailand*, di *Philippines* dan di Sudan dan di negara-negara lain.

Maka saya rasa ini adalah satu peluang yang baik menggunakan kebolehan Malaysia memaksa kedua-dua pihak, *to come to the negotiating table, to bring a permanent piece*. Selain dari itu Tuan Pengerusi, lebih dari 62 ribu orang telah mati akibat peperangan di Sri Lanka. Bukankah dunia ini tidak tahu mengenai perkara itu.

Jadi kita tidak boleh duduk di sini dan tidak tahu, tidak mahu mengambil bahagian dalam hal Sri Lanka. Saya di fahamkan lebih dari 6 ribu *refugees* ada di Malaysia sekarang dari Sri Lanka yang

melarikan diri yang tidak ada apa-apa. Semalam saya ada jumpa beberapa *refugees* di sini, di mana mereka tidak ada (dengan izin) *the neither there nor here, stateless people*. Apakah tindakan, apakah pendirian, apakah pertolongan kerajaan dalam hal ini.

Satu lagi perkara adalah mengenai *treaty*, di mana Malaysia terlibat. Tahun dulu bila saya membangkitkan perkara di mana apakah pendirian kerajaan mengenai menjadi ahli dalam *Rome Statute of the International Criminal Court*. Kerajaan telah memberitahu bahawa setakat tahun dulu, lebih dari 50% terma-terma *Rome Statute* telah dikaji dan didapati mungkin boleh diterima pakai. Mungkin masa telah datang supaya semua bahagian *treaty* tersebut di ambil kira supaya kita boleh menjadi anggota dalam *International Criminal Court* dan mengambil bahagian dan juga ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Satu *standard* yang baik kepada semua yang terlibat dalam perkara ini. Tuan Pengerusi, tahun dulu beberapa pakar-pakar telah datang ke negara ini untuk membincang dengan Kementerian Luar mengenai beberapa perkara-perkara yang terlibat dengan terma-terma *Rome Statute*, dan apakah pengajaran yang diperoleh dan apakah yang kita telah menikmati dari penerangan-penerangan itu dan adakah kerajaan lagi menjadi *observer* dalam *International Criminal Court* dan apakah bahagian mereka dan berapa kali lagi perlu perbincangan sebelum kita menjadi anggota penuh dalam ICC. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai Yang Berhormat, saya sebenarnya nak cuba selesaikan pembahasan pada jam 1 tengah hari. jadi saya mintalah semua memberikan kerjasama. Kudat.

12.13tgh.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberikan saya peluang menyertai perbincangan peringkat Jawatankuasa Kementerian Luar Negeri. Butiran yang saya ingin sentuh di sini iaitu butiran 060300 – Perancangan Dasar dan juga butiran 040000 iaitu Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan dan juga Pengurusan 010100.

Di dalam isu yang pertama ini saya ingin menanya kepada Kementerian Luar berhubung dengan beberapa isu *outstanding* yang telah - sehingga kini telah pun di diamkan iaitu berkaitan dengan masalah yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia iaitu pertindihan tentang kepentingan kita di Laut Sulawesi iaitu di Ambalat. Satu ketika dulu memang berlaku sesuatu masalah diplomatik *rule* iaitu di antara Malaysia dengan Indonesia dan kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan telah mampu meredakan ketegangan ini. Tetapi dalam masa yang sama kita juga minta kepada Kementerian Luar untuk menjelaskan di Dewan yang mulia ini tentang apakah perkembangan selanjutnya penyelesaian mengenai isu Ambalat ini sama ada terdapat satu runding tara di antara kedua-dua untuk, misalnya untuk sama-sama membuat eksplorasi di Laut Ambalat yang dikenal pasti mempunyai deposit *oil* dan gas yang bernilai berbilion-bilion ringgit yang sudah tentu memberikan

keuntungan kepada negara dan juga kepada Malaysia dan Indonesia sekiranya dapat diselesaikan dengan baik.

Yang kedua iaitu berkaitan dengan *outstanding* isu di antara Malaysia dan Singapura. Walaupun nampaknya perhubungan baik di antara Malaysia dan Singapura memang semakin akrab, tetapi perkara-perkara pokok yang sering menjadi masalah di dalam perhubungan di antara dua negara ini harus juga diberikan perhatian dan diberikan *update* nya kepada pihak kita sebagai ahli wakil rakyat dan juga Parlimen yang mulia ini untuk menentukan bahawa ianya tidak sebagai satu perkara '*sweeping under the carpet*' ataupun kita hanya, *just* untuk menenangkan keadaan. Tetapi masalah-masalah yang menjadi pokok di antara kedua-dua negara ini tidak dapat diselesaikan. Misalnya rundingan air dengan Singapura, masalah pengeluaran EPF rakyat Malaysia di Singapura dan banyak lagi isu-isu tertangguh yang harus kita jelaskan dari semasa ke semasa walaupun saya tahu bahawa rundingan ini adalah di lakukan secara yang begitu sulit dan berhemah, tetapi sebagai sebuah negara yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini sebenarnya tidak berkaitan dengan peruntukan yang kita pohon...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...Ada, ada berkaitan dengan perancangan dasar-dasar negara....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham, jadi kita nak minta Yang Berhormat baca dengan *detail* nya, jadi sebenarnya, saya semalam, sebelum ini sudah pun jelaskan ini semasa peringkat jawatankuasa iaitu perbahasan dalam jawatankuasa adalah terhad mengenai dasar kenapa bekalan di pohon iaitu untuk memberikan perkhidmatan. Jadi saya...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...Tuan Pengerusi, saya meneruskan isu selanjutnya, iaitu berkaitan dengan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan. Dan peruntukkan yang diminta iaitu sebanyak untuk tahun 2006 RM4.9 juta dan seterusnya pada tahun 2007 meningkat lagi kepada RM5.4 juta. Yang saya ingin ketahui di sini ialah apakah peruntukkan yang di pohon ini - memang kita dapat lihat telah pun dijelaskan di sini bahawa objektif untuk meminta peruntukkan ini adalah untuk mengendalikan kursus seminar, bengkel, forum dan persidangan untuk mempertingkatkan bina upaya dan kepakaran dan kemahiran dalam bidang penyiasatan, pengawasan, pengesanan dan pemantauan ke arah mencegah keganasan.

Jadi, seperti yang mana yang kita tau, di dalam semasa *the hide of the terrorism* di wilayah ini, kita telah pun menubuhkan siasat dan siasat ini sepatutnya adalah merupakan satu pusat bagi rantau Asia Tenggara untuk maksud-maksud memerangi *terrorism*. Tetapi yang saya ingin mengetahui di sini, adakah ini hanya di *funded by Malaysian* ataupun *Malaysian Government* ataupun kita juga mendapat bantuan-bantuan daripada negara-negara yang terlibat. Kerana masalah

terrorism ini bukanlah masalah negara kita sendiri, bukan hanya Malaysia yang terlibat dengan masalah ini tetapi adalah masalah serantau dan juga masalah antarabangsa.

Adakah negara-negara besar seperti Amerika ataupun negara-negara jiran yang juga terlibat di dalam masalah ini ada memberikan bantuan dalam usaha untuk memerangi keganasan iaitu dengan memberikan apa jua bantuan-bantuan untuk memperkasa pusat ini supaya ianya benar-benar dapat melatih bukan sahaja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Ya, yang terakhir sekali iaitu pengurusan am. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa memang banyak rungutan-rungutan daripada pegawai-pegawai kedutaan kita di luar negara seperti mana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan tadi. Saya minta supaya kajian bagi EPSH ataupun elaun perbezaan sara hidup yang sepatutnya dilakukan setiap lima tahun dapat dilakukan. Kerana ini adalah merupakan satu halangan yang besar kepada pegawai-pegawai kedutaan kita di luar negara. Dan kebajikan mereka haruslah dipelihara kerana mereka ini memberikan sumbangan yang besar. Kita telah dapat banyak peluang-peluang ekonomi di luar negara. Misalnya untuk mendapatkan peluang-peluang dari segi eksplorasi minyak dan juga peluang-peluang ekonomi di luar negara yang kita harus mengiktiraf sumbangan mereka. Jadi itu saja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran, silakan.

12.19tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima Kasih Tuan Pengerusi, saya bangun untuk terus berbahas bagi maksud bekalan 13 Kementerian Luar Negeri butiran 05000 - Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, yang diperuntukkan sebanyak RM6,459,700 dan juga butiran 010000 – Pentadbiran pejabat dan Perkhidmatan Sokongan yang telah di peruntukkan sebanyak RM326,124,000.

Tuan Pengerusi, dalam soal mempertingkatkan penyertaan seluruh rakyat Malaysia, peluang bagi seluruh rakyat Malaysia untuk berkhidmat di dalam hal-hal diplomasi dan hubungan luar negeri ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian telah dan secara terancang, secara sedar memastikan supaya calon-calon dari negeri seluruh Malaysia ini di ambil perhatian untuk berkhidmat di Kementerian Luar.

Saya melihat sebagai contoh, kita Malaysia mempunyai begitu banyak kedutaan di luar negara tetapi yang setahu saya yang daripada Sabah ini yang saya kenal hanya seorang sahaja dan pihak pembangkang di negeri Sabah sudah mengungkit perkara ini dan menyatakan bahawa penyertaan penduduk atau rakyat daripada Sabah dalam kedutaan luar ini ataupun dalam hal-hal diplomasi dan hubungan luar ini begitu sedikit khususnya berkhidmat di kedutaan-kedutaan di luar negara.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran yang lain khususnya yang merujuk kepada beberapa masalah negeri Sabah, iaitu bila kita lihat Butiran 020000 – Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar dan khususnya bila kita lihat dalam Butiran 030100 – Pertubuhan Serantau Kerjasama ASEAN. Dalam hal ini kita lihat bahawa di negeri Sabah ini, permasalahan hubungan Malaysia dengan Filipina masih lagi berterusan.

Baru-baru ini Menteri Luar Filipina telah menyatakan bahawa semua rakyat Filipina yang dilahirkan di negeri Sabah, mereka tidak akan mengiktiraf sebagai warganegara mereka dan mereka tidak akan ambil dan kalau kita lihat betapa seriusnya masalah ini yang telah diberi dokumen MM13 sebanyak 61,000 orang. Ini hanya ibu bapa bukan kanak-kanak. Kalau ibu bapa ini katakan mempunyai hanya dua orang anak maka sudah hampir 200,000 orang.

Ini anggaran yang kita buat. Ini satu masalah besar sehingga pada hari ini kita mempunyai anak-anak jalanan di negeri Sabah dan sebagainya dan setiap kali persidangan parlimen, kita ungkit masalah ini dan sehingga pada hari ini kita tidak nampak penyelesaian. Apabila kita mendengar penjelasan sebagai contoh daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang melihat tentang hal-hal Majlis Keselamatan Negara, mereka mengatakan bahawa selagi masalah di selatan Filipina ini sedemikian rupa maka selagi itulah pelarian Filipina yang duduk di Sabah ini akan berterusan duduk di Sabah kini sudah lebih 30 tahun.

Jawapan daripada pihak Kementerian Luar Negeri juga daripada Jabatan Perdana Menteri, standard semenjak daripada tujuh tahun yang lalu saya berada di Dewan ini, standard itu sahaja dan tidak ada apa-apa perubahan. Tiada harapan dan dalam hal ini saya ingin bertanya, apabila pihak Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa kita sudah berjaya menyelesaikan, mengusir pendatang tanpa izin di Sabah dan sebagainya tetapi apabila kita tanya dia tentang apakah kedudukan enam penempatan pelarian Filipina di Sabah yang dahulunya diwujudkan oleh pihak UNHCR mereka mengatakan bahawa selagi masalah di selatan Filipina berterusan, selagi itu dia duduk di situ.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah dari segi diplomasi daripada pihak Kementerian Luar Negeri yang akan dibuat untuk menyelesaikan masalah rakyat Filipina yang dilahirkan di negeri Sabah ini sama ada mereka ini Kementerian Luar Negeri mencadangkan supaya dia dijadikan rakyat Malaysia ataupun apakah mereka ini akan diselesaikan melalui diplomasi dengan menghantar balik ke Filipina dan sebagainya.

Kalau tidak dapat menyelesaikan perkara ini, adakah pihak Kementerian Luar Negeri ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya biarlah Malaysia ini mengiktiraf Protokol UN tentang hal-hal pelarian. Sebab sehingga pada hari ini Malaysia tidak mengiktiraf Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tahun 1992 tentang pelarian. Oleh sebab itu, kita tidak mengiktiraf hak-hak pelarian yang berada di sini walau pun berada sudah sampai lebih 30 tahun dan dalam hal ini Tuan

Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa pihak Kementerian Luar Negeri melihat perkara di negeri Sabah ini yang sudah begitu parah.

Kalau pihak Jabatan Perdana Menteri yang saya dapat jawapan secara bertulis daripada Yang Berhormat Menteri, dua hari yang lalu yang mengatakan bahawa tidak ada masalah politik yang berhubung dengan pelarian Filipina di Sabah, tidak ada masalah ekonomi, tidak ada masalah sosial, saya ingin menyangkal itu. Saya menyatakan bahawa itu semua tidak betul. Saya ingat *their feet is not on the ground*.

Kalau mahu tahu kita pergi ke Sabah dan lihat sendiri, pergi sendiri masuk ke enam-enam penempatan rakyat Filipina itu dan tanyalah kepada orang ramai dan lihatlah faktor yang sebenar dan saya mohon supaya pihak Kementerian Luar Negeri mengambil inisiatif termasuklah berjuang sehinggalah akhirnya Konsulat Filipina itu dapat diwujudkan di negeri Sabah.

Sekian dan Terima kasih.

12.25 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sependapat dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya ingin membicarakan dalam butiran hubungan dua hala iaitu Butiran 020000 dan juga pelbagai hala.

Saya memang ingin fokus dengan isu yang berlaku di Sabah. Sebab permasalahan ini berlaku, anak-anak pelarian yang dilahirkan melalui perkahwinan di antara tempatan dengan pelarian ini status mereka tidak ada dan kerajaan Filipina jelas mereka tidak ingin menerima rakyat Filipina yang lahir di Sabah sebagai rakyat mereka, jadi di mana kedudukan mereka ini. Sehingga hari ini banyak berkeliaran di jalan raya dan kita diminta oleh *United Nation* untuk memberi pendidikan kepada anak-anak pelarian ini secara khusus sebab selaku tanggungjawab sebagai kemanusiaan.

Persoalannya sampai bila perkara ini tidak dapat diselesaikan dan kenapa kerajaan di antara kerajaan tidak boleh merunding supaya Filipina menggugurkan tuntutan mereka ke atas negeri Sabah dan membuka konsulat mereka di negeri Sabah untuk menyelesaikan persoalan-persoalan demi persoalan. Persoalan yang dahulu belum selesai, persoalan baru bertambah.

Apakah usaha-usaha diplomatik kita ini tidak lagi berkesan dan mungkin memerlukan usaha-usaha di sebaliknya? Sebagai contoh mungkin kekerasan dan sebagainya sebab diplomat ini dia menggunakan diplomasi tetapi sudah berpuluh-puluh tahun kita menggunakan cara diplomatik tidak juga berhasil mungkin kerajaan kena memikirkan dan kementerian ini kena memikirkan cara yang lebih berkesan, pendekatan yang macam mana yang boleh meyakinkan kerajaan Filipina bahawa mereka harus menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesuatu negara.

Kita telah memilih, rakyat Sabah telah memilih untuk menjadi rakyat Malaysia, mereka harus mengiktiraf, harus menghormati dengan keputusan-keputusan ini tetapi mereka masih berdegil.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Beluran bangun.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Semalam kalau kita baca akhbar, Presiden Filipina, Arroyo menghendaki Malaysia mempercepatkan rundingan damai di antara MILF dengan kerajaan Filipina. Ini bererti kepentingan negara kita ini sebagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah dalaman Filipina.

Yang Berhormat, apakah tidak Yang Berhormat berfikir bahawa kerajaan harus mengambil kesempatan ini, kepentingan kita ini dalam perundingan dengan MILF dengan kerajaan Filipina untuk membawa isu-isu tertangguh di antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Filipina termasuk membuat tuntutan, termasuk rakyat Filipina di Sabah, termasuk anak-anak Filipina yang tidak mempunyai kewarganegaraan di Sabah dan menjadikan itu sebagai sebahagian daripada perbincangan penting dalam urusan MILF dengan Filipina.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran.

Memang ada dua perkara dalam isu yang sama iaitu pertama kerajaan kita memikirkan apabila kita berjaya mendamaikan negara jiran, pergolakan dalam negara jiran kita ini bermakna mungkin salah satu syarat dia rakyat-rakyat Filipina yang berada di negeri Sabah boleh dikembalikan ke negara mereka. Dalam masa yang sama juga iaitu mungkin dengan kekuatan diplomasi ini boleh memberi keyakinan kepada kerajaan Filipina. Tetapi itu kemungkinan. Apa yang saya ingin sarankan supaya perkara ini dapat diselesaikan Tuan Pengerusi, tidak perlu menunggu berpuluh-puluh tahun.

Kita tidak tahu, tidak ada jangka masa bila kerajaan Filipina mewujudkan konsulat mereka, bila tuntutan mereka kata Sabah digugurkan, tidak pernah. Ini tidak pernah juga disuarakan melalui PBB, *United Nations* dan sebagainya. Rakyat Sabah kadang-kadang masih tertanya-tanya bagaimana kedudukan kita.

Walau bagaimanapun secara jelasnya kita adalah negara Malaysia tetapi negara Malaysia masih dituntut oleh pihak yang lain. Apakah kita biarkan tuntutan itu begitu sahaja atau pun

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:Ada perancangan yang lain yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepanggar.

12.30 tgh.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh Butiran 030000 Perhubungan Pelbagai Hala dan 040000 Pusat Serantau Asia Tenggara.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa pada dasarnya penubuhan BIMP-EAGA ini adalah untuk membantu negara-negara jiran kita khasnya dari Filipina, Brunei dan Indonesia untuk membangun bersama agar rakyat mereka dapat kemudahan dan juga dapat membangun supaya jiran ini dapat bekerjasama. Apa yang ingin saya tahu sekarang ialah setakat ini apakah langkah-langkah bagi Kerajaan Malaysia menunjukkan bahawa penubuhan BIMP-EAGA ini telah betul-betul memberi satu kesan di mana negara kita terutama di Asia Tenggara ini telah dapat kerjasama. Oleh kerana seperti yang kita dengar tadi daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Tuaran, tentu sekali sekiranya negara jiran seperti Filipina tidak dapat membangun bersama seperti yang kita sedia mahu, mereka sentiasa tidak dapat mengawal rakyat mereka datang ke Malaysia ini, khasnya di Sabah.

Jadi, tujuan untuk menubuhkan BIMP-EAGA ini ialah supaya kita dapat membangun. Inilah saya ingin bertanya, apakah kesudahannya setakat ini? Adakah ini betul-betul memberi satu kejayaan bagi Asia Tenggara ini?

Kedua, mengenai Pusat Serantau Asia Tenggara di mana kita tahu bahawa rakyat Malaysia kita sendiri telah digelar sebagai pengganas oleh pihak Indonesia. Jadi apakah kawalan-kawalan ini dapat kita teruskan ataupun apakah kerjasama kita yang dapat kita berikan kepada rakyat kita supaya kita betul-betul tahu sama ada mereka ini sebagai pengganas atau tidak, oleh kerana saya rasa kita tidak mahu rakyat kita ini digelar sebagai pengganas. Kita mahu rakyat kita dapat diawasi supaya perjalanan mereka ini tidak akan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat bagi Lipis.

12.33 tgh.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk membahaskan Maksud Bekalan 13, Butiran 030000 - Perhubungan Pelbagai Hala.

Tuan Pengerusi, jika kita lihat cabaran-cabaran masa kini yang dihadapi oleh negara dan oleh kedua-dua pergerakan NAM dan OIC merangkumi isu-isu dan permasalahan politik dunia, masalah ekonomi antarabangsa, pembangunan, cabaran globalisasi, kemajuan ICT, kemanusiaan, ancaman keganasan antarabangsa dan banyak lagi. Keadaan globalisasi dunia memihak kepada negara maju yang secara langsung atau tidak langsung telah melakukan penindasan dari pelbagai segi kepada negara-negara membangun di dunia.

Dalam konteks kekejaman rejim Zionis pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sendiri telah mengecam Amerika, dengan izin di Second World Islamic Economic Forum di Islamabad dengan menyatakan Amerika sebagai pendamai atau pengadil yang tidak adil kerana sentiasa menyebelahi Israel. Walaupun puluhan rakyat Palestin telah dibunuh, reaksi kebanyakan negara terhadap krisis kemanusiaan yang sangat ketara itu amat dingin. Ini telah

mengecewakan Hizbullah apatah lagi bagi banyak penyokong dan aktivisnya sendiri masih terkurung di penjara-penjara Israel. Harus diingat penahanan tanpa bicara terhadap ratusan rakyat Palestin dan Lebanon oleh Israel adalah bercanggah dengan Konvensyen IV Geneva berhubung hak asasi manusia.

Tuan Pengerusi, mereka adalah sebahagian daripada kira-kira 10,000 tahanan politik termasuk sekurang-kurangnya 400 orang wanita dan kanak-kanak yang masih meringkuk dalam penjara Israel semata-mata kerana hendak menentang pencerobohan dan rampasan tanah air mereka.

Kalau kita lihat lapangan terbang dibom, jalan raya, jambatan dan stesen jana kuasa dimusnahkan, kediaman penduduk dijadikan sasaran, serangan dan sekatan dikenakan menerusi udara, darat dan laut. Tentera Israel, menurut seorang ahli akademik Israel yang dihormati Tanya Reinhart mengatakan bahawa tentera Israel adalah dahagakan peperangan. Askarnya yang ditahan Palestin, Gilad Shalid menjadi alasan terbaik untuk menceroboh Palestin dan Lebanon.

Jadi, kalau kita lihat beratus-ratus orang Islam dan juga Kristian kebanyakannya kanak-kanak telah dibunuh. Motif jahat Israel ini adalah untuk melumpuhkan negara Islam dan itulah matlamatnya sejak sekian lama tetapi ia masih gagal. Sejak dulu lagi penjajah British khususnya Britain dan Perancis merancang penubuhan negara Zionis Yahudi sebagai benteng untuk memecahbelahkan dan melemahkan kesatuan umat Islam di Afrika dan Asia selepas kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah yang berpusat di Turki.

Tuan Pengerusi, penjajahan kini diteruskan oleh Amerika Syarikat, Britain dan Kesatuan Eropah dengan memantapkan keganasan Zionis melalui bantuan senjata dan dana selain menghancurkan negara-negara Afghanistan, Iraq dan mengancam Lebanon, Syria dan Islam. Sejak peperangan Arab-Israel pada tahun 1948, Israel merampas 77% wilayah Palestin dan seterusnya dalam peperangan 1967, Israel merampas keseluruhan bumi Palestin sedangkan pada zaman penguasaan British iaitu tahun 1917 hingga 1948 ke atas Palestin hanya 2% atau 3% sahaja bumi Palestin dikuasai oleh rejim Zionis Israel.

Jadi, kemerdekaan palsu yang diperoleh melalui Perjanjian Oslo pada tahun 1993 merupakan salah satu daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah cadangan yang ingin Yang Berhormat ...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Selepas habiskan ini saya bawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bawa sekaranglah.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Rentetan penipuan dan konvensi Barat terhadap umat Islam. Sebagai kesimpulannya kerana Tuan Pengerusi sudah minta cadangan, oleh itu saya mohon penjelasan daripada kementerian sejauh manakah keberkesanan hasil perjumpaan

OIC atau NAM dengan ahli-ahli *Quartet* iaitu *European Union*, Rusia, Amerika Syarikat dan Setiausaha Agung PBB dalam sesuatu isu dalam pertemuan-pertemuan yang telah dibuat pada masa lalu. Adakah mereka memberi respons, surat balas atau laporan balas atau sebarang bentuk jaminan hitam putih atau sekadar berbincang dalam erti kata berdiplomasi secara terbuka sahaja. Sekian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

12.38 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 010300 mengenai protokol. Yang saya rujuk di sini adalah yang menyatakan tentang objektif di Bahagian C bagi memastikan bahawa semua lawatan rasmi di peringkat Ketua Negara, kerajaan, Menteri Luar Negeri, lawatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan pegawai-pegawai kerajaan dilaksanakan dengan jayanya dan berkesan.

Di sini saya ingin merujuk satu kes yang pernah berlaku dalam lawatan Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan dan Khidmat Negara yang ditubuhkan oleh Parlimen ke Kanada dan United States baru-baru ini. Seorang Pegawai Parlimen telah dinafikan untuk diberikan visa oleh pihak Kedutaan Amerika Syarikat dengan tiada alasan yang kukuh. Pada saya ini adalah sesuatu yang memalukan Parlimen dan memalukan negara. Bila kita meminta pihak kedutaan supaya memberikan alasan-alasan setelah kami berangkat daripada Kanada untuk masuk ke United States, sekali lagi kami mengunjungi..., pegawai ini telah mengunjungi Kedutaan Amerika di sana dan masih tetap menafikan untuk mereka mendapatkan visa ini.

Jadi saya mengharapkan Kementerian Luar Negara dapat untuk memberikan suatu maklumat kepada pihak Kedutaan Amerika Syarikat mengapakah - dan saya rasa bukan kali pertama pegawai-pegawai ini yang dilayan seperti ini. Adakah seorang Pegawai Parlimen yang dia ada rekod perjalanan boleh dikaitkan ataupun boleh disangsikan ataupun dituduh sebagai *terrorist* ataupun ada agenda-agenda yang tertentu.

Jadi, saya mengharapkan perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang, di mana kita melihat Kedutaan Amerika dan juga Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British telah mengambil kesempatan, selepas peristiwa *11th September* untuk mereka melakukan apa sahaja, untuk mereka bertindak apa sahaja, termasuk tindakan-tindakan yang di luar jangkauan dan tidak masuk akal. Mereka boleh menafikan visa dan termasuk juga yang telah berlaku kepada pegawai-pegawai pelajaran, pendidikan tinggi, yang ada kes-kes mereka dihalau sudah sampai ke Lapangan Terbang Heathrow, di London. Saya mengharapkan kes-kes yang seperti ini dapat dipantau dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang Butiran 020000, di bawah Butiran 020100 – Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi yang juga saya membaca objektifnya, meningkat dan memperluaskan

hubungan dan kerjasama dua hala yang erat di semua peringkat dengan negara-negara asing dalam usaha mewujudkan suasana aman dan stabil di rantau Asia Pasifik.

Saya ingin merujuk kepada kes terbaharu dan bagaimana pengendalian pihak kerajaan dan kalau sekiranya kes ini berulang pada masa yang akan datang, iaitulah pernyataan yang telah dikeluarkan oleh menteri mentor Singapura terhadap isu orang-orang Cina di Malaysia ini dipinggirkan secara sistematik. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri Luar Negeri, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjawab persoalan ini.

Satu persoalan yang saya ingin ajukan di dalam Dewan yang mulia ini adalah kenapakah Kerajaan Malaysia tidak memanggil menteri mentor ini untuk datang ke negara kita, diberikan dia satu platform ataupun satu forum untuk dia memberikan satu hujah ataupun untuk dia mengemukakan segala bukti. Dan, kalau kita pihak kerajaan yakin, kalau Kerajaan Malaysia yakin bahawa tuduhan itu tidak betul dan kita ada bukti yang kukuh, kita ada bukti yang *empirical*, kita ada bukti yang meyakinkan rakyat, yang boleh menyelesaikan keluh-kesah rakyat, kenapa kita perlu bimbang untuk menjemput menteri mentor ini datang ke Malaysia dan mengadakan satu *intellectual discourse* untuk diperdebatkan secara intelektual dan diselesaikan secara intelektual, supaya tidak timbul keresahan pada masa ini dan pada masa yang akan datang.

Jadi, saya mengharapkan di bawah peruntukan ini, kita lebih terbuka, kita lebih berani dan kalau kita ada bukti yang kukuh apa kita bimbang. Kalau apa yang dikatakan itu tidak betul, dan kita mengambil satu peluang yang terbaik untuk kita menjadikan negara kita lebih *transparent* dari segi bagaimana kita *accommodate*, bagaimana kita mengendalikan permasalahan kaum dalam negara kita.

Kemudian, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua perkara sudah....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sudah dua!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya rasa sudah cukuplah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Cukup, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

12.43 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan Butiran 020000 – Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar, iaitu yang bersabit dengan objektif meningkat, memperluaskan hubungan dan kerjasama dua hala yang erat di semua peringkat dengan negara-negara asing dalam usaha mewujudkan suasana aman, stabil di rantau Asia Pasifik, khususnya. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen ataupun Timbalan Menteri yang hadir di sini, iaitu sejauh manakah berkesannya

peranan Malaysia di pentas antarabangsa ketika mana Malaysia mempengerusikan dua jawatankuasa yang begitu penting sekali, iaitu NAM dan juga OIC.

Dalam konteks kita berdepan dengan satu gejala dunia, dalam usaha mereka untuk memperluaskan pengaruh terutama daripada blok Amerika ini, dalam konsep global hegemoni ini, sejauh manakah Malaysia ataupun hasrat Malaysia dengan kepimpinan negara kita sekarang ini, yang mengampungkan konsep masyarakat Islam Hadhari itu, boleh membawa konsep global *ethic* dalam senario hubungan diplomatik dunia sekarang ini. Jadi, ini saya mahu tahu setakat manakah usaha-usaha Malaysia untuk kita memupuk pula sesuatu yang lebih bermanfaat dari segi hubungan dua hala ini, di antara negara-negara seluruh dunia ini, agar konsep global *ethic vis-a-vis*, global hegemoni ini dapat diperjelaskan dan supaya mendapat sokongan pula kepada perkara yang boleh membawa keamanan yang sejati.

Seperkara lagi yang ingin saya sebut di sini ialah tentang konsep Malaysia sudah lama dahulu iaitu *prosper thy neighbour*. Sejauh manakah Malaysia telah berjaya dalam gagasan pemikiran ini? Sejauh manakah Malaysia terutamanya sebagai sebuah negara yang mempelopori perjuangan dalam OIC katakan, untuk mewujudkan satu tabung minyak, ataupun *oil fund* supaya setidak-tidaknya dana yang banyak daripada minyak ini boleh mendatangkan keuntungan kepada negara-negara Islam yang lain, yang juga mengeluarkan hasil minyak.

Satu lagi ialah cabaran di kawasan di rantau *Pacific rim* ini, yang dikatakan merupakan Abad 21 sebagai Abad *Pacific rim*. Dalam masa yang sama juga ancaman-ancaman daripada negara-negara yang mempunyai kepentingan ke atas hasil dasar laut ataupun hasil lautan seperti hasil bumi di lautan itu, sekarang ini kadang-kadang menimbulkan rasa keinginan daripada pelbagai pihak untuk menguasainya. Sejauh manakah pula tegas kita dari segi maritim untuk memastikan dan untuk mencegah niat, terutamanya daripada negara-negara jiran kita, dari Filipina, Indonesia, dari negara China sendiri, iaitu khazanah-khazanah lautan di *South China Sea* itu, yang cukup menimbulkan rasa minat daripada pelbagai pihak.

Satu lagi juga yang hendak saya sebutkan di sini ialah sejauh manakah sekarang ini pemikir yang pernah telah diapungkan tentang EAEC dahulu, yang pernah didakwa sebagai sesuatu yang telah gagal. Ini kerana dilihat ini merupakan suatu cabaran kepada usaha-usaha blok negara Barat, Eropah dan Amerika, yang pernah mendakwa bahawa EAEC ini sebagai suatu yang bersifat *racist* untuk memecahbelahkan daerah ini. Setakat manakah Malaysia dapat menjuarai usaha untuk kita memupuk keamanan rantau dan juga hubungan pelbagai hala ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Setiausaha Parlimen menjawab, saya benarkan dua lagi, Yang Berhormat bagi Tanjong dan selepas itu Yang Berhormat bagi Seputeh. Silakan.

12.47 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 030300 – Perhubungan Antarabangsa dan Butiran 060300 - Perancangan Dasar.

Tuan Pengerusi, Malaysia mengamalkan prinsip *non-interference* dalam hal ehwal dalaman negara-negara asing, tetapi ada kalanya Malaysia membuat pengecualian kepada dasar *non-interference* dalam keadaan yang keterlaluan, di mana *humanitarian intervention* diperlukan. Misalnya dalam kes Kosovo, kezaliman *genocide* yang dilakukan oleh Serb terhadap Muslim di Kosovo telah menyebabkan Malaysia menyokong tindakan tentera NATO.

Tuan Pengerusi, di Darfur, Sudan, lebih ramai orang awam menghadapi risiko berbanding dengan Kosovo. Krisis di Darfur, Sudan sudah menuntut tindakan yang sama kerana ia sudah menjadi satu krisis yang *bloody, cruel* dan *genocide*. Tetapi setakat ini respons Malaysia hanya fokus kepada melindungi kepentingan ekonomi negara kita di wilayah itu.

Pada tahun 2004, Perdana Menteri kita selaku Pengerusi OIC dan NAM pernah menggesa Presiden Sudan untuk menyelesaikan krisis Darfur supaya *economic sanctions* tidak perlu dikenakan. Menteri Luar Negeri kita juga pernah menyatakan bahawa kita perlu memantau dengan rapi kerana kita ada syarikat-syarikat petroleum yang beroperasi di Sudan. Kita ingin tahu apakah implikasinya, bagaimana ia akan membawa kesan kepada ekonomi Sudan.

Tuan Pengerusi pada tahun 2004, Malaysia juga menandatangani MOU, kerjasama pertahanan dengan Sudan, dengan pasukan yang melakukan kezaliman ke atas orang awam. Pada Mei 2006, Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri semasa menjawab pertanyaan daripada Ketua Pembangkang berkata, bahawa Malaysia menyokong protes Abu Zahar di bawah naungan *African Union*, atas pendirian krisis ini perlu diselesaikan oleh Afrika dan bukan Barat.

Tetapi apakah pendirian Malaysia sekarang setelah majoriti negara *African Union* mahu PBB untuk mengambil alih peranan proses pendamaian.

Apakah Malaysia tidak anggap campur tangan PBB di Darfur akan menjaga kepentingan strategik Malaysia. Malaysia telah melabur USD1 bilion di Sudan melalui Petronas dan oleh itu Malaysia membangkang implikasi *economic sanction* terhadap Sudan. Bukankah kestabilan di Sudan akan melindungi kepentingan ekonomi Malaysia? Tambahan pula kepentingan ekonomi Malaysia mungkin dijejaskan sekiranya Sudan terus membantah *intrusion* PBB kerana *economic sanction* akan menjadi satu *option* yang seterusnya. Sebagai pengerusi kepada NAM sehingga September tahun ini dan OIC dan juga menjadi pelabur yang penting di Sudan, saya rasa Malaysia mempunyai kelebihan untuk mengenakan tekanan ekonomi dan politik ke atas Sudan untuk menerima pasukan PBB di Darfur.

Mesyuarat Menteri Luar OIC pada Jun tahun ini telah menegaskan sokongan kepada Sudan dan ini telah menjejaskan respons komuniti antarabangsa kepada krisis di Darfur. Malaysia harus

menarik balik sokongan ini dan menggalakkan lain-lain negara OIC untuk buat sedemikian. Sudan mengambil pendirian membantah *deployment* pasukan PBB di Dafur kerana takut pasukan-pasukan negara Barat akan masuk ke wilayah itu.

Apa kata jika negara-negara OIC dapat menyumbang kepada *deployment* PBB ini seperti mana berlaku pada Palestin, Malaysia, Indonesia, Bangladesh dan lain-lain negara OIC juga menyuarakan kesetiaan mereka menganggotai *deployment* ini. Sudan juga menjadi satu anggota OIC dan saya nampak negara-negara OIC, khususnya Malaysia selaku pengerusi boleh memainkan peranan yang penting. Pada tahun 2005, Malaysia menandatangani kontrak USD1 bilion dengan kerajaan Sudan untuk membina loji penapis minyak dan Malaysia perlu menggunakan hubungan ekonomi ini dengan Sudan untuk memberi tekanan politik kepada Sudan dan menerima pasukan kedamaian PBB.

Akhirnya saya berharap dalam krisis Dafur di lihat sebagai satu isu perikemanusiaan untuk menubuhkan satu pasukan bagi melindungi orang awam perlulah menjadi *priority* demi membolehkan bantuan di sampaikan kepada 3 juta rakyat Muslim Afrika ini yang menghadapi risiko kelaparan kerana *deliberate displacement*. Dan juga NAM perlu memberi tekanan kepada Sudan supaya menghentikan kegunaan pasukan tenteranya untuk menyerang orang awam dan juga bersetuju untuk membenarkan *deployment* satu pasukan PBB ke dalam Darfur dan Resolusi Majlis Keselamatan PBB perlu diluluskan untuk memberi kuasa *deployment* PBB dan juga menentukan tarifnya dan *funding* untuk menguatkan Pasukan African Union dalam tempoh pengalihan ini amatlah penting dan saya rasa Malaysia selaku Pengerusi OIC dan bekas pengerusi NAM boleh memainkan peranan yang berat dalam perkara ini. Sekian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya hanya hendak tanya dua soalan. Saya hendak rujuk kepada Butiran 030300 Perhubungan Antarabangsa. Pertama sekali saya mengalu-alukan pendirian yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri terhadap isu Myanmar yang mana sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Luar negara kita telah pun semakin keras dan kurang toleran terhadap sikap yang kurang mengadakan pendemokrasian di Burma.

Ini adalah satu dasar yang mana dialu-alukan oleh banyak pihak. Tapi walau bagaimanapun, saya ingin tanya apakah pendirian kerajaan terhadap isu Burma ini di bawa kepada UN Securities Council? Kerana apa yang saya tahu ialah Malaysia sebagai pengerusi kepada NAM. Apabila Menteri Luar kita mengadakan satu pendirian, Menteri Luar kita dan juga Menteri-menteri Luar ASEAN mengadakan satu pendirian yang agak tegas terhadap Myanmar.

Kita lihat Hamidon Ali, Pengerusi kepada Biro NAM di Bangsa-Bangsa Bersatu, beliau mengeluarkan satu kenyataan dan juga menulis surat kepada UN Securities Council tentang meluahkan bantahan NAM untuk merujuk Burma kepada UN Securities Council. Jadi saya ingin

tanya apakah pendirian kerajaan yang isu kedua yang saya tanya ialah tentang ASEAN *Charter*. Yang saya tahu perkataan macam *good governance*, dasar *good governance* telah pun dimasukkan dalam dokumen dalam Vientiane jadi saya ingin tanya Malaysia sebagai salah satu negara yang penting dalam ASEAN, macam manakah kita mempromosikan konsep *good governance* di dalam negara dan juga di ASEAN. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen, sila.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian untuk sama-sama berbincang di peringkat jawatankuasa mengenai perbelanjaan bagi Kementerian Luar Negeri. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menunjukkan keprihatinan mereka terhadap kakitangan Kementerian Luar terutama sekali bagi mereka yang berkhidmat di luar negara dari segi kebajikan, dari segi elaun dan dari segi peruntukkan yang diberikan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa kerajaan sendiri amat prihatin tentang apa yang mereka dapat dan apakah yang patut mereka berbelanja bagi kepentingan untuk menaikkan imej negara di luar negara. Dalam pada itu saya percaya bahawa tentang soal gaji dan imbuhan, pihak kerajaan sudah tentulah melihat tentang gaji dan imbuhan yang diberi pada pegawai-pegawainya tidak boleh dilihat secara sektor kepada satu sektor yang satu sektor atau pun jabatan tertentu memperoleh tangga gaji yang amat berbeza dengan mereka yang lain dan kita percaya bahawa setiap pegawai, kakitangan kerajaan dalam apa jua jabatan adalah penting bagi negara.

Guru adalah penting, tentera adalah penting, polis adalah penting yang masing-masing memainkan peranan yang penting untuk keutuhan negara. Jadi adalah pandangan kerajaan adalah tidak wajar sekiranya satu sektor dianggap lebih penting daripada yang lain. Namun begitu, bagi kakitangan kita yang berada di luar negara, berapa kelebihan-kelebihan atau pun beberapa pertimbangan sentiasa diberikan oleh kerajaan untuk memudahkan soal mereka menjaga kebajikan diri dan keluarga mereka.

Seperti soal bantuan untuk persekolahan anak-anak mereka, soal bagaimana membawa pulang barang-barangan mereka bila berlaku perpindahan dan sebagainya. Dan insya-Allah dengan semangat yang Ahli-ahli Yang Berhormat berikan, saya percaya kerajaan akan terus memberi pertimbangan supaya elaun dan kebajikan kakitangan kita akan lebih diperkuatkan dan dapat menunjukkan satu imej yang baik sejajar dengan peranan mereka mewakili sebuah negara yang kita sama banggakan sebagai negara yang maju, negara yang melebihi daripada negara-negara membangun yang lain.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Larut di atas pandangan beliau di mana kita sepatutnya memainkan peranan dari segi untuk menyeragamkan beberapa peraturan atau pun amalan-amalan dengan negara-negara Islam yang lain seperti zakat, seperti menyambut hari-hari kebesaran atau pun yang berkaitan dengan ibadat kita seperti hari raya, puasa, pada waktu bila kita mengisytiharkan bulan puasa dan sebagainya. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri sebutkan sebentar tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa peringkat Menteri-menteri Agama juga sudah pun akan mengadakan perbincangan dengan Menteri-menteri Agama dengan negara-negara lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Jawapan boleh disambung semula pada jam 2.30 petang inilah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengahari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Majlis dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan aya menyambung dan meneruskan perbincangan untuk menjawab bagi pihak kementerian saya, Kementerian Luar Negeri.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Gombak sebentar tadi menimbulkan tentang keupayaan penerangan Kementerian Luar khususnya dalam menjawab beberapa isu yang berkaitan dengan soal Islam dan nama baik negara di kaca mata masyarakat antarabangsa. Perlu dijelaskan di sini ada dua aspek yang perlu dijelaskan. Satunya daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gombak sebentar tadi yang mengatakan bahawa sehingga sekarang masyarakat antarabangsa ramai yang tidak memahami tentang Islam dan masyarakat antarabangsa masih menganggap bahawa Islam itu dikaitkan dengan perkara-perkara yang negatif seperti soal *terrorism* dan sebagainya.

Perlulah dijelaskan di sini bahawa beban untuk menjelaskan tentang soal imej baik Islam itu tidaklah semestinya dibebankan kepada Malaysia semata-mata tetapi ianya dikaitkan dengan apa

yang sepatutnya diambil oleh semua pihak termasuk umat Islam di negara-negara lain. Tetapi sebagai pemimpin ataupun yang dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Malaysia telah pun mengambil beberapa langkah untuk memberikan penerangan tetapi saya percaya bahawa dengan hanya ceramah dan penerangan, walaupun pihak Yang Berhormat bagi Gombak menawarkan khidmat Ahli-ahli Parlimen sudah tentulah ianya tidak dapat diharapkan dengan beberapa orang Ahli Parlimen keluar berceramah dan sebagainya, perkara ini dapat diselesaikan dengan secara yang tepat.

Apatah lagi ia berkaitan dengan soal gambaran yang ditimbulkan oleh media-media antarabangsa tentang Islam itu perlu ditangani dengan cara yang lebih meluas lagi. Dalam konteks ini beberapa

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyatakan media-media barat dan media-media antarabangsa memainkan peranan untuk menjatuhkan agama kita dan mencorakkan seolah-olah Islam ini agama yang kejam, agama yang ganas. Tetapi apakah negara-negara Islam kita pula tidak mampu untuk mengadakan media, untuk kita walaupun kita tidak boleh menandingi media-media barat dan media antarabangsa tetapi media-media di negara Islam ini boleh bermuafakat di bawah OIC supaya kita adakan satu media yang untuk memperjelaskan kepada dunia bahawa Islam adalah agama yang tidak suka kepada pergaduhan, pertelingkahan, agama yang mementingkan keamanan dan agama yang untuk membangunkan ummah.

Jadi kalau kita hanya sekadar kita melihat media-media antarabangsa begitu lantang menghina kita. Jadi kita perlu bertanding dengan mereka ataupun cuba menangkis segala tohmahan-tohmahan ataupun gambaran-gambaran yang disiarkan. Jadi ini boleh sekurang-kurangnya masyarakat dunia melihat apa yang kita lakukan. Contohnya kalau kita boleh menunaikan umrah dan haji dan bermuafakat di bawah satu imam apabila kita menunaikan solat. Ini menunjukkan betapa kita ini bermuafakat tetapi benda-benda ini kita tidak dapat lihat melalui agama-agama lain yang buat sedemikian besar di mana setiap tahun kita menunaikan haji dan umrah dan kita dapat lihat bagaimana umat Islam bermuafakat.

Jadi harus saya kira pihak kementerian di dalam persidangan-persidangan OIC mengutarakan ataupun mungkin sudah tetapi belum saya dapat lihat lagi peranan media daripada negara-negara Islam untuk mempertahankan tindakan media-media barat menghina kita ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai sememangnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi juga sudah difikirkan oleh pihak kita bersama dan kita

sedar bahawa media mempunyai peranan yang cukup besar dan kekuatan kuasa-kuasa besar negara barat dan sebagainya banyak ditentukan oleh kekuatan dan penguasaan media mereka dalam dunia antarabangsa. Sebab itulah kita juga cuba dalam beberapa aspek seperti di bawah Kementerian Penerangan kita juga telah mengadakan beberapa siri perjumpaan di peringkat Menteri-menteri Penerangan negara OIC dan sebagainya, untuk mengadakan rangkaian media kita sendiri dan di bawah NAM sendiri ketika Malaysia menerajui NAM kita menubuhkan *Asean NAM News Network* yang dikendalikan oleh Kementerian Penerangan sebagai satu wadah untuk menjadi alternatif walaupun tidak sehebat kepada CNN, BBC dan sebagainya. Sekurang-kurangnya ada pilihannya di peringkat ini di peringkat penyebaran melalui internet dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita ada juga pilihan seperti *Al-Jazeera* misalnya yang telah dikatakan sudi untuk menjadikan Malaysia sebagai tempat atau pusat untuk mereka memancarkan siaran dalam Bahasa Inggeris dan ini merupakan satu daripada pengiktirafan yang diberikan oleh negara-negara yang mengeluarkan bahan alternatif kepada media yang ada sekarang dan Malaysia dipercayai untuk menjadi hos kepada penyebaran ini dan ini mengambil masa yang panjang Yang Berhormat.

Mengenai tentang soal isu keganasan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat sebentar tadi tentang kita mempunyai Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT). Beliau bertanya tentang *funding*nya daripada mana. Perlu saya jelaskan di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi bahawa *funding* ataupun pembiayaan SEARCCT sepenuhnya dibiayai oleh Malaysia dan kita telah mengadakan sangat banyak kursus, seminar, *conference* dan sebagainya yang melibatkan pelbagai negara lain dalam rantau ini dan di luar daripada rantau ini tentang aspek-aspek dalam kita menangani keganasan bukan sahaja dari segi fizikalnya tetapi juga keganasan siber dan sebagainya.

Jadi perlu dijelaskan bahawa Malaysia yang menanggung sepenuhnya dan ini ternyata dalam butiran belanjawan kita pada kali ini. Kalau adapun *collaboration* ataupun kerjasama hanya dalam konteks program-program yang tertentu.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan bahawa lain-lain penerangan selain daripada soal Islam, saya percaya apabila ada isu-isu penerangan yang berkaitan dengan soal Malaysia itu sendiri, pihak kedutaan kita sebenarnya telah memainkan peranan yang positif dan proaktif untuk menerangkan sekiranya ada secara langsung berita-berita ataupun tulisan-tulisan akhbar yang dipaparkan di akhbar-akhbar di luar negara misalnya. Kebiasaannya pihak kedutaan kita akan terus menjawab ke dalam akhbar tersebut untuk memberikan gambaran yang sebenar sekiranya ada pandangan-pandangan yang negatif terhadap negara kita.

Dalam soal apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebentar tadi tentang apa yang disebutkan oleh menteri mentor Singapura yang menjelaskan tentang mengatakan

atau menuduh bahawa kita telah meminggirkan kaum Cina di negara ini, saya kira buat masa ini kita tidak fikir bahawa perlu untuk mengundang beliau datang untuk meneliti. Saya rasa beliau bebas untuk datang ke negara ini sebagai orang biasa dan saya percaya bahawa hubungan beliau dan pengetahuan beliau yang lama tentang Malaysia sudah cukup untuk beliau melihat dan menilai sendiri nasib orang Cina ataupun kaum minoriti lain dalam negara ini.

Cumanya kalaulah ada yang mungkin menambahkan keadaannya sekiranya di kalangan kita sendiri di sini yang cuba memaparkan bahawa kaum Cina itu sentiasa dipinggirkan, kaum Cina tidak mendapat layanan yang baik, kaum Cina tidak mendapat apa yang sepatutnya mereka dapat digembar-gemburkan oleh rakyat tempatan. Itu antara yang menjadi punca kenapa pandangan-pandangan luar yang mengatakan bahawa telah mendiskriminasikan, menindas kaum lain dan sebagainya. Jadi dalam soal ini kita percaya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kalau ada satu pungutan suara, satu *referendum* atau satu *opinion poll* diadakan mengenai isu ini sama ada kaum Cina adalah dipinggirkan di kalangan orang Tionghoa Malaysia di sini bahawa *overwhelming majority* akan berpendapat bahawa ia betul, bahawa mereka ada dipinggirkan sungguhpun bukan sahaja kaum Cina dipinggirkan di Malaysia, kaum India, kaum Iban, kaum KadazanDusun, walaupun kaum orang Melayu yang biasa pun dipinggirkan oleh Putera UMNO, oleh NGP Putera. Bukankah ini sebenarnya satu isu yang sangat kompleks tetapi apa yang mustahak ialah bahawa ini satu kenyataan mengenai sama ada kaum Cina ada dipinggirkan sebagai warganegara Malaysia. Itulah benar bahawa pandangan orang ramai atau majoriti. Selain daripada pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional dalam Kabinet tidak berani untuk menyuarakan apa yang benar.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya fikir tentang soal *referendum* tidak timbul kerana setiap lima tahun sekali kita adakan pilihan raya dan saya rasa banyak kawasan di mana pengundi Cina dan pengundi India ternyata memberikan sokongan yang besar kepada parti Barisan Nasional.... [Tepuk] Itu adalah *referendum* yang paling jelas menunjukkan bahawa mereka memahami dasar-dasar yang walaupun kalau diberikan interpretasi secara sempit dianggap memberi kelebihan kepada satu kaum tetapi mereka tahu bahawa untuk jangka masa yang panjang bagi membina negara Malaysia yang tercinta, bangsa Malaysia yang tercinta. Ianya adalah satu yang menjadi keperluan untuk kebaikan bersama.

Kalaulah Yang Berhormat memilih untuk menjadi jurucakap atau *mouthpiece* kepada Menteri Mentor di negara jiran yang saya percaya bahawa yang menyokong apa yang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of Order, Point of Order*, Peraturan Mesyuarat. Jangan buat sangkaan jahat. Saya tidak..

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Beberapa Ahli: Peraturan berapa? *Point of Orders*, berapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah, Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu, orang berdiri dan berani kata bahawa *marginalization* benar, Gerakan, MCA bohong sahaja, hendak *cover*. Apa bising-bising? Bising-bising apa? Tidak berani berdiri cakap benar ada *marginalization*, ada dipinggirkan tetapi bising-bising sahaja. Malulah! *Coward* semua! Berdirilah kata betul bahawa ada masalah peminggiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Bukan sahaja kaum Tionghoa, orang Iban, orang KadazanDusun, orang Melayu yang biasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Bumiputera, NEP Putera, beranilah berdiri, berani! Tidak berani! Kacau-kacau sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Di sini saya sebutkan jangan keluarkan sangkaan jahat bahawa saya menjadi *spokesman* untuk Menteri Mentor Singapura.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: 35.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai apa yang berlaku dalam negara kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: 35(1).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah pandangan kita sendiri. Saya harap itulah...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Point of Order!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lain yang dijawab.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: 35(1).

Seorang Ahli: Ha, *Point of Order*, cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, teruskan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat bagi Ipoh Timor marah benar bila disebut. Mungkin ada soal sejarah yang tersendiri yang menjadikan beliau begitu sensitif. Tetapi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya rasa marah oleh kerana mereka pengecut. Bising-bising sahaja, tidak berani berdiri kata apa yang benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada *marginalization*. Berdiri!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berani, berdiri kata ada *marginalization*!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Takut! Ha, ketawa!... [Dewan riuh]

Beberapa Ahli: [Bangun] [Menyampuk]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: 35(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain semua duduk.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Point of Order* 35(1), tidak boleh cakap tanpa kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua duduk. Setiausaha Parlimen teruskan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jadi *referendum* tidak payah. Pilihan raya lima tahun sekali, itulah *referendum* yang terbaik membuktikan bahawa rakyat Malaysia tanpa mengira kaum termasuk orang Cina dan India sebenarnya menyokong dasar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.... [Tepuk]

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tentang isu-isu lain yang disebutkan tentang hubungan kita dengan negara jiran yang berkaitan dengan Laut Sulawesi atau apa yang disebutkan kalau dilihat, saya perlu jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, lebih baik terma yang seharusnya kita gunakan dalam peta kita, laut itu ialah Laut Sulawesi tetapi digunakan oleh pihak negara jiran sebagai Laut Ambalat. Sememangnya sebenarnya perundingan telah diteruskan dan yang akhir beberapa minggu yang lepas telah diadakan sekali lagi rundingan di peringkat jawatankuasa teknikal kali yang ke-9.

Ertinya begitu banyak sekali diadakan, tidak wajar untuk saya umumkan kerana banyak perkara teknikal yang sedang dibincangkan dan akan terus kita bincangkan. Ini merupakan satu suasana yang baik, satu langkah yang positif bahawa kita selesaikan isu ini secara rundingan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak penjelasan sedikit. Sekarang hubungan antara negara ini, bila kita perkatikan hubungan diplomatik antara negara ini, kini golongan yang memperjuangkannya ialah Wisma Putra. Tetapi saya rasa, saya minta pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apakah satu diplomatik, proses diplomasi alternatif boleh diwujudkan melalui satu proses *second track* iaitu menggunakan pemimpin-pemimpin atau dewan

perwakilan seperti kita untuk mewujudkan satu *second track* untuk mengeratkan silaturahmi antara pemimpin-pemimpin, khususnya berkaitan dengan isu-isu sensitif yang dikatakan tadi mengenai sekuriti, mengenai isu-isu perkauman yang dipermainkan oleh negara-negara luar oleh kerana proses maklumat yang tidak lengkap, maka bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan, pendemokrasian hubungan antara Parlimen boleh memberi satu proses kedua, alternatif untuk mengukuhkan proses ini dalam proses yang dikatakan dalam rencana ini.

Dengan izin, "*The aim of Parliamentary corporation is to develop parliamentary democracy and the exchange of experience and the promo mutual understanding were unable the Parliamentarian in promoting democracy, good governance, transparency and accountability between the states.*"

Tetapi saya rasa setakat ini belum ada lagi – walaupun kita ada kokus ataupun kita ada *Commonwealth Parliamentary Association, International Parliamentary Association*, badan-badan Asia, tetapi saya rasa perkara ini belum betul-betul diterokai oleh Wisma Putra atau kerajaan. Maka saya minta pandangan mengenai cadangan untuk penubuhan satu ARF, *Inter Parliamentarian Forum* iaitu *ASEAN Regional Forum* yang akan dipelopori oleh Ahli-ahli Parlimen bersama Ahli Parlimen negara-negara lain. Apakah pandangan ini boleh diterima dan diperkukuhkan dan satu hala tuju dan modus operandi yang tersendiri boleh dirangka. Minta pandangan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands di atas gagasan yang begitu besar sekali. Dan saya percaya bahawa apa yang dicadangkan itu adalah suatu yang baik sekiranya kita menedalani apa yang dicapai oleh *European Union* misalnya yang ada *European Parliament* dan sebagainya. Mungkin ini adalah satu merupakan arah tuju yang tidak keterlaluan untuk difikirkan bersama di peringkat negara-negara ASEAN. Sebagaimana yang disebutkan tadi, kita ada banyak forum-forum seperti *Asia Pasific Parliamentary Forum*, ada AIPO misalnya, ada APU, CPU, IPU dan sebagainya adalah merupakan jalan-jalan atau trek yang lain untuk mengeratkan hubungan antara negara kita dan negara-negara lain melalui saluran di kalangan pembuat undang-undang ataupun di kalangan *legislator*.

Tetapi saya percaya bahawa di atas semangat apa yang digagaskan dalam persidangan ASEAN yang lepas iaitu akhirnya kita akan menubuhkan ASEAN komuniti dan inilah antara perkara yang kita rasakan perlu dipererat. Namun begitu, isu seperti penubuhan *ASEAN Parliament* atau Parlimen ASEAN misalnya tidaklah semudah untuk kita memikirkan bagaimana *European Union* boleh menubuhkan parlimen mereka, kerana di sini terdapat sistem yang berbeza. Sudah tentulah kita mengharapkan Ahli Parlimen dari Myanmar, Ahli Parlimen dari Laos, Ahli Parlimen dari Vietnam dan sebagainya yang mempunyai *gap* atau pun jurang yang besar dengan parlimen-parlimen yang

lebih matang dan sebagainya sebab itu dia mengambil masa yang agak lama dan panjang bagi memikirkan trek kedua yang difikirkan tadi.. ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dahulu silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dahulu Yang Berhormat bagi Puchong. Terima kasih Yang Berhormat isu Laut Sulawesi atau Ambalat ini. Yang Berhormat mungkin masih sedar bahawa pada satu ketika ianya hampir-hampir telah menggugat hubungan dua hala antara dua negara, dan isu ini dengan kebijaksanaan pemimpin negara kita telah dapat diredakan. Walau bagaimanapun, kita juga ingin tahu apakah isu ini akan selesai? Kalaupun tidak ada jaminan sekurang-kurangnya ada harapan untuk diselesaikan sebab rakyat yang di Sabah khususnya, yang berhampiran dengan Sulawesi ini mereka juga ada kebimbangan. Sebab berlaku penangkapan dikatakan pasport tidak sah dan sebagainya dan ini ada hubung kait dengan hubungan dua negara.

Jadi apakah perbincangan demi perbincangan diadakan ini dapat mencetuskan sesuatu idea yang baik sehingga selesailah, walaupun mungkin bukan mudah untuk menyelesaikan isu pertindihan tuntutan ini tetapi apakah ada harapan ia dapat diselesaikan di masa akan datang?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya kalau kita ingat tentang suatu ketika dahulu berlaku ketegangan yang melibatkan soal pergeseran kapal. Keadaan yang begitu tegang sekali kerana melibatkan soal isu pendatang tanpa izin yang datang ke mari, tentang yang dibangkitkan oleh mereka, yang dikaitkan dengan kononnya ada layanan buruk terhadap pekerja-pekerja mereka, pembantu rumah dan sebagainya dan sehinggalah isu persempadanan di Laut Sulawesi yang disebutkan tadi. Ya, ada satu peringkat kita mengalami keadaan yang begitu rendah dari segi *confident level* ataupun tahap keyakinan bahawa kita boleh mengukuhkan dan menguatkan hubungan antara negara jiran kita.

Tetapi sebagaimana yang disebutkan, atas kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pemimpin kita, lawatan demi lawatan dan disusuli dengan secara tidak langsung lawatan daripada Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang pergi ke sana walaupun pergi bermain golf. Saya tengok Yang Berhormat bagi Puchong pun ada pergi sana dan rakan-rakan yang lain dan kemudiannya lawatan balas yang dibuat oleh Speaker Parlimen mereka datang ke mari dan sebagainya. Kini kita dapat merasakan bahawa ia telah meningkatkan *confident level* itu yang paling penting sekali tahap keyakinan bahawa isu ini dapat diselesaikan. Dan diselesaikan bukan dengan cara tegang, dengan cara keganasan, dengan cara amarah tetapi dengan cara rundingan. Sebab itulah rundingan demi rundingan, demi rundingan, demi rundingan telah kita buat sehingga sembilan kali. Dan saya minta supaya Yang Berhormat tolonglah berikan keyakinan di atas kekuatan diplomasi kedua-dua negara untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya pergi sana kerana untuk menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen mewakili Malaysia untuk meningkatkan tahap keyakinan pihak Indonesia ini. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak tanya mengenai prinsip asas ASEAN. Tadi Yang Berhormat kata kita mesti mempunyai rancangan dan juga inisiatif yang baik dan juga berkesan untuk mewujudkan satu *each ASEAN community* di masa depan ada Parlimen ASEAN dan seterusnya. Ini memang satu hasrat dan juga cita-cita yang baik untuk negara-negara ASEAN.

Tetapi saya hendak tanya di bawah ASEAN ada satu prinsip iaitu tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara-negara tertentu *non-interference policy* ada pihak yang mengatakan bahawa kalau kita masih ada polisi dasar ini di antara negara-negara ASEAN bagaimana kita boleh mencapai cita-cita yang telah dinyatakan seperti diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini.

Bukankah ini menjadi penghalang yang bagi saya adalah yang berpanjangan kerana sebagai contoh isu Myanmar, sampai hari ini kita tidak boleh selesai kalau ada apa-apa konflik berlaku di antara negara ASEAN ini sebagai contoh di Selatan Mindanao Filipina dan isu-isu konflik yang sedang berlaku. Ini masih menjadi satu penghalang kepada negara-negara ASEAN yang lain ingin untuk menyelesaikan isu-isu ini supaya tidak merebak ke negara-negara lain. Saya hendak tanya adakah ini satu prinsip yang Malaysia mesti menyokong supaya menghapuskannya supaya cita-cita kita untuk menjadi satu *East Asian community* dapat dicapai. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Puchong. Prinsip tidak campur tangan yang diperkukuhkan dengan apa yang disebutkan *Treaty of Amity and Cooperation* yang ditandatangani oleh semua negara ASEAN dan mereka yang ingin bekerjasama dengan ASEAN. Satu perkara yang kita kena bawa bersama andai kata dia satu bebanan kerana dengan perjanjian ini kita tidak boleh campur tangan walaupun hati kita sakit sebagaimana yang berlaku di selatan Thailand, sebagaimana yang berlaku di Myanmar, di Filipina yang kadang kala dia di kaitkan dengan nasib dan kesengsaraan mereka yang memberi kesan kepada kita. Tetapi kesabaran kita dalam mempertahankan prinsip inilah yang menjadikan ASEAN sebagai gagasan atau sebagai gabungan negara-negara serantau yang dianggap paling berjaya di luar daripada EU atau Kesatuan Eropah.

Negara-negara gagasan seperti di Asia Timur antara China, Jepun, Korea dan sebagainya tidak boleh sekuat ASEAN. Kerana terdapat rasa tidak senang mereka yang mana ada isu-isu yang tidak boleh diselesaikan dan sebagainya. Sebab itulah soal tidak campur tangan adalah merupakan doktrin yang saya rasakan perlu kita pertahankan sehingga hari ini. Dan kemudiannya dikaitkan dengan soal berapa perkara yang perlu kita teliti dan kita perkukuhkan dalam gabungan ASEAN ini

bukan sekadar soal politik tetapi atas keyakinan atas prinsip *prosper thy neighbour* memakmurkan jiran tetangga itu akan memberi kebaikan kepada kita juga. Adalah merupakan prinsip yang besar.

Di sini saya ingin menjawab beberapa soalan yang lain seperti daripada Yang Berhormat bagi Tuan dan sebagainya tentang isu bagaimana yang dikaitkan dengan soal kebanjiran dan pendatang asing tanpa izin dari Filipina ke Sabah terutama sekali yang menjadi kegelisahan dan kekusaran rakyat Sabah yang begitu banyak sekali. Di sini kita perlu melihat bahawa soal pendatang asing di Sabah ini terdapat dua jenis mereka lari satunya kerana lari dari peperangan yang berlaku di sana dan yang kedua dari segi kesempitan ekonomi. Dari segi peperangan, kerana terdapat isu-isu yang dikaitkan dengan pemberontakan pemisahan MNLF, IMLF dan sebagainya.

Kita merasakan bahawa selagi isu ini tidak dapat diselesaikan walaupun kita menghantar mereka pulang mereka akan datang lagi. Sebab itulah Malaysia memainkan peranan yang positif untuk membantu penyelesaian perkara ini. Isu MILF kita menghantar kita punya *International Monitoring Team* kita bagi kali yang ketiga, susah tetapi kita terus hantar di sana. MNLF kita mainkan peranan dan sebagainya untuk membantu mereka. Dan yang keduanya saya ingin terus.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua bangun Yang Berhormat Pasir Puteh dengan Bera.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Okay Bera.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera, sila Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai prinsip tidak campur tangan. Tetapi saya lihat ada seolah-olah *double standard* dari segi prinsip tidak campur tangan ini. Kita tidak campur tangan di Thailand misalnya di dalam isu pembunuhan beramai-ramai di Tak Bai. Kita tidak boleh campur tangan atas alasan rakan ASEAN begitu juga di Manila, begitu juga di Filipina. Tetapi di dalam soal Myanmar misalnya kita terlalu campur tangan. Adakah kerana kuasa besar yang mahu kita campur tangan akhirnya kita campur tangan

Kita kata bahawa ASEAN adalah mempunyai prinsip bebas dan berkecuali. Setiap negara berhak untuk menentukan apa yang patut mereka buat untuk negara mereka sendiri. Kita marah jikalau ISA misalnya dikatakan sebagai undang-undang yang kejam menangkap tanpa bicara kita kata *no*, kerana ISA sesuai dengan negara kita. Tetapi bila timbul soal Myanmar apabila kuasa besar menekankan Myanmar perlu didemokrasikan akhirnya kita kata akhirnya negara ASEAN mengikut telunjuk negara kuasa besar untuk memberi tekanan kepada Myanmar atas alasan *junta*. Tetapi tidakkah pernah kita terfikir berapa kali Thailand bertukar kepada kuasa *junta* dan terbaru ini baru-

baru ini negara yang dipilih kerajaan dipilih secara demokrasi akhirnya digulingkan oleh kerajaan tentera. Dan kerajaan tentera masih lagi memerintah Thailand.

Walaupun ada janji pilihan raya akan diadakan pada tahun hadapan tetapi kita tidak tahu sejauh mana kebenaran janji ini. Jadi bagaimana ada *double standard* dari segi kebebasan ini. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian adakah tekanan kita kepada Myanmar kerana tekanan kuasa besar terhadap ASEAN ataupun apa dia, itu saya mohon penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Ini terus pergi kepada Myanmar. Saya ada bab Myanmar izinkan saya langkau sedikit sebelum saya menjawab tentang Myanmar. Yang Berhormat bagi Seputeh sedang tertunggu-tunggu jawapan saya tentang Myanmar. Saya terus kepada soal Filipina ya. Yang kedua selain daripada soal bila disebutkan tentang *prosper thy neighbor* tadi untuk memakmurkan jiran tetangga kamu tadi.

Yang pertama isu di Filipina ialah dikaitkan dengan soal peperangan yang berterusan di sana pemberontakan dan sebagainya. Kita mesti memainkan peranan yang positif setelah kita dijemput oleh negara berkenaan untuk membantu menyelesaikan tentang soal keamanan ataupun kestabilan politik di sana.

Dan yang keduanya dari segi ekonomi disebutkan oleh Yang Berhormat Sepanggar tadi bahawa sejauh mana BIMP-EAGA kita iaitu kerjasama serantau *economic* serantau antara negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Ini juga adalah merupakan satu perkara agenda yang sedang dilakukan sekarang dan kalau disebutkan tentang soal ini bila apa yang dibuat. Sekarang ini pun di Kota Kinabalu Sabah Mesyuarat BIMP-EAGA ini sedang berlangsung menunjukkan kita serius untuk menguatkan dari segi ekonomi negara-negara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita menghargai apa yang diusahakan kerajaan dalam mencuba melaksanakan tanggungjawab bagi membantu jiran-jiran dalam permasalahan. Cuma permasalahan yang kita hadapi dari segi hubungan dua hala iaitu seperti saya bangkitkan tadi. Pertama di mana kerajaan Filipina itu sendiri telah membuat kenyataan bahawa mereka tidak mengiktiraf rakyat Filipina yang dilahirkan di Malaysia di Sabah untuk menjadi warganegara mereka. Kemudian di negara kita pula mereka ini pun tidak berdokumen tidak beridentiti. Jadi bagaimana kewarganegaraan mereka ini? Apakah bisa lagi diselesaikan dengan negara jiran ini ataupun dia biarkan begitu. Yang kedua iaitu kita juga diminta oleh UNHCR supaya memberi persekolahan pendidikan kepada anak-anak warganegara yang tidak berstatus ini. Jadi kita dalam keadaan yang saya rasa *confuse* ataupun keliru bagaimana penyelesaian perkara ini boleh dapat diusahakan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Perkara ini terus kita desak pada pihak berkuasa Filipina untuk mengambil rakyat mereka yang datang ke mari tanpa menjadikan alasan soal tidak mempunyai dokumen sebagai alasan untuk tidak mengambilnya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita mempunyai Duta Besar Filipina ke Malaysia yang baru, yang baru tiba sehari dua yang lepas. Dan beliau telah membuat kenyataan akhbar semalam. Beliau datang semalam dan terus membuat kenyataan bahawa pihak Filipina bersedia menerima kembali mana-mana rakyatnya yang boleh membuktikan pertalian darah dan asal usul mereka di Filipina.

Ertinya satu kenyataan yang kita anggap sangat positif yang boleh saya maklumkan di Dewan yang mulia hari ini. Kenyataannya semalam terus dia menyebutkan bahawa kalau ada bukti ada pertalian dengan negara asal mereka boleh dihantar kembali dan kita sedang memproses perkara ini dan kerja menghantar ini bukanlah bidang kerja Kementerian Luar Negeri tetapi Kementerian Dalam Negeri yang kita sedia bekerjasama dengan mana-mana kementerian.

Tetapi dalam soal ini kita juga mesti berhati-hati kerana kalaulah kita tidak dianggap melayani mereka ataupun aspek-aspek kemanusiaan dalam proses penghantaran penahanan dan sebagainya. Kita juga akan dituduh isunya akan timbul isu baru kita tidak berperikemanusiaan, kita tidak mematuhi berapa piagam ataupun peraturan-peraturan lain sebagaimana yang berlaku baru-baru ini pihak mereka membantah atas kononnya isu ada rakyat yang sakit dan meninggal dan sebagainya sedangkan perkara itu tidak benar. Jadi perkara ini kita perlu buat secara berhati-hati dalam soal penghantaran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang terakhir Yang Berhormat kalau boleh. Bagaimana isu tuntutan Filipina ke atas Malaysia sehingga hari ini belum digugurkan lagi.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya kita tidak menerima kita tidak menganggap bahawa itu isu kita. Mereka juga mendiamkan perkara ini. Cumanya kita rasakan bahawa pihak mereka di atas kepentingan politik mereka, mereka tidak secara rasmi menggugurkan tuntutan tersebut dan mungkin ini juga perkara menjadi kelewatan mereka untuk menubuhkan konsulat mereka di sini. Kita rasa kesal sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan tetapi bagi kita ini bukan isu yang timbul di peringkat kita untuk kita pergi ke Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagainya.

Saya ingin terus menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuaran sebentar tadi yang berkaitan dengan soal kenapa tidak banyak orang Sabah yang berada di dalam Kementerian Luar. Perlu dijelaskan sini kita ada 12 orang saya akan berikan senarai ada 12 orang daripada Sabah, ada yang jadi Setiausaha Bahagian, Bahagian Belanjawan yang pegawai-pegawai di kedutaan-kedutaan kita di seluruh negara di Finland, di Serbia, di IDFR, di Tehran dan sebagainya, di Cuba pun ada yang datang, daripada Sabah ada 12 orang.

Tetapi saya rasa kita perlu menggalakkan lebih ramai lagi daripada Sabah dan Sarawak supaya berada dalam Kementerian Luar untuk kita paparkan kepada masyarakat luar bahawa Malaysia ini banyak dia punya wilayah-wilayahnya dan ada daripada Semenanjung, Sabah Sarawak dan sebagainya. Dan perlu dimaklumkan bahawa tugas merekrut anggota-anggota kementerian saya dan kementerian-kementerian lain bukanlah tugas kami di kementerian tetapi ini adalah tugas JPA. Dan sudah tentu sekiranya ada dianggap tokoh-tokoh mereka yang berminat daripada Sabah kalau boleh kita mencadangkan kita boleh mencadangkan maklum sahaja pada kami. Kalau Yang Berhormat sendiri teringin untuk membantu, insya-Allah kita akan memanjangkan perkara ini. Soal.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Setiausaha Parlimen. Saya ada pandangan sedikit mengenai setuju tidak kalau kita memartabatkan sedikit atau bawa anjakan paradigma kepada kedudukan duta-duta kita kedutaan kita di luar negara kerana peranan tanggungjawab begitu besar. Jadi kita tengok perubahan begitu nyata jadi sebab itulah saya tengok apabila lawatan saya ke beberapa negara, hampir semua negara saya pergilah dok menjenguknya, dia kata, *facilities* tidak cukup.

Jadi kita *upgrade* kan sedikit kedudukan kedutaan kita, kemudahan dia dan juga kita beri dia 'imej' *building* kepada negara luar. Sebab inilah saya rasa boleh meletakkan bahawa Malaysia sebagai ketua OIC, NAM dan sebagainya akan disegani lebih apabila 'AMEC' *building* kita bina, terima kasih. Setuju tidak?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Maksud Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi ialah tentang kemudahan? *Facilities* kita? *Alhamdulillah*, saya rasa kita mendapat peruntukan yang agak munasabah dan baik di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ada kedutaan yang baru, bangunan baru kita buat, kita perbaiki kedutaan kita, konsul-konsul kita di beberapa tempat sedang diperbaiki dan dengan sokongan Yang Berhormat, sudah tentulah pihak yang merancang dari segi peruntukan-peruntukan ini akan dapat mengukuhkan lagi peruntukan yang patut diberikan kepada Kementerian Luar Negara sebagaimana yang disebutkan bagi tujuan untuk meningkatkan imej kita.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyebut tentang beliau kecewa ada rombongan Malaysia yang bersama beliau hendak pergi ke Amerika Syarikat, telah ke Kanada dan Kanada hendak pergi ke Amerika Syarikat ditahan kerana tidak diberikan visa pihak Kerajaan Amerika Syarikat. Perlu dimaklumkan bahawa sekiranya Yang Berhormat ingin... Yang Berhormat baru masuk. Yang Berhormat ingin merancang perjalanan, terutama sekali negara-negara yang sensitif dan masih lagi berhadapan dengan trauma akibat daripada peristiwa 11 September

seperti Amerika Syarikat dan negara-negara yang berkaitan dengannya. Saya rasa ada baiknya sekiranya perancangan dibuat daripada awal.

Visa diambil di sini. Jangan sampai ke sempadan baru diambil visa tersebut. Saya sendiri tidak boleh menjamin sehinggakan kalau kadang-kadang saya berkesempatan untuk bercakap dengan pegawai mereka di kedutaan di sini, pegawai kedutaan akan mengatakan bahawa walaupun kita cuba memujuk mereka memberikan visa pada orang tertentu walaupun atas nama Ahli Parlimen dan sebagainya, mereka mungkin boleh memberi visa, tetapi yang menentukan boleh masuk atau tidak boleh masuk ialah pegawai, kakitangan mereka di *airport* ataupun di pintu masuk masing-masing. Mereka mempunyai pertimbangan dan kita kena faham bahawa sistem negara mereka dalam isu-isu imigresen terutama sekali, bukanlah secara mudah kita bercakap di sini dan yang lain semua ikut.

Mereka agak *independent* antara satu sama lain. Ini antara kerumitan yang kita terpaksa hadapi dan kita tidak boleh marah sekiranya mereka mempunyai dasar imigresen sebagai menafikan hak kita untuk pergi ke sana dan sebagainya. Ada negara yang lebih *strict* ataupun negara yang lebih bersifat *protective* ataupun menjaga apa yang disebutkan keselamatan mereka masing-masing. Seterusnya, izinkan saya terus pergi kepada soal Myanmar yang disebutkan oleh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*] [*Kembali duduk*]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila Yang Berhormat duduk kembali, sebab saya tahu ini adalah *interest* yang diminati oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, rakan-rakan dari DAP dan sebagainya. Saya setujulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi tentang apakah kita ada *double standard* ataupun tidak konsisten. Dalam satu masa, kita katakan bahawa kita tidak campur tangan dalam isu di Thailand, tidak campur tangan dalam beberapa isu yang lain tetapi dalam masa yang sama, kita bersungguh-sungguh dalam soal di Myanmar dan sebagainya. Inilah sebabnya kalau dilihat bahawa kerajaan kita menghadapi tekanan daripada dalam kita bukan daripada luar. Daripada dalam kita terutama dari rakan-rakan daripada sebelah sana, yang kata bila lagi kita hendak bertindak dan sebagainya.

Kerana inilah, kerana kita tidak mahu dilihat sebagai negara yang mengamalkan *double standard*. Sebenarnya kalau isu di Myanmar yang dikaitkan dengan soal tidak mengiktiraf seorang pemimpin yang menang pilihan raya dalam tahun 1993, kalau tidak silap saya Aung San Suu Kyi menang dan mereka tidak mengiktiraf dan kita didesak untuk bertindak di sana dan sebagainya. Saya setuju bahawa dalam satu segi kita katakan bahawa tidak wajar dibuat begitu. Mesti mengiktiraf keputusan rakyat, keputusan pilihan raya. Tetapi dalam dunia sebenarnya, banyak lagi tempat yang begitu. Di Myanmar satu daripada sekurang-kurangnya saya sebutkan tiga contoh. Hamas di Palestin pun mereka menang pilihan raya tetapi tidak disokong oleh Barat, mereka tidak diiktiraf dan sebagainya.

Satu lagi mungkin orang terlupa di Algeria. Misalnya juga di awal tahun 90an, apabila parti FLN, parti yang lama memerintah di sana tiba-tiba dijatuhkan oleh sekumpulan parti Islam. Apabila jatuh, dia tidak mahu mengiktiraf dan tidak mahu memberi kuasa, tidak mahu *surrender the power* yang ada pada parti yang lama memerintah. Barat menyokong pada tindakan tersebut dan tidak mahu mendesak supaya kerajaan berkenaan menyingkirkan diri mereka dan memberikan parti Islam lain. Saya sedar bahawa terdapat *double standard* di kalangan negara barat. Sekiranya yang naik itu parti Islam dan sebagainya, kita jangan sokong. Menang pilihan raya *doesn't make them as an angel*, tidak menjadikan mereka itu malaikat yang perlu disokong.

Tetapi kalau ia tidak kena-mengena dengan Islam dan sebagainya mesti kita desak dan sebagainya. Sebab itulah kita juga mengambil masa yang lama untuk melihat perkara ini dan merungkaikan perkara ini sehinggalah kita merasakan bahawa cara yang terbaik dalam konteks Myanmar ialah, cara *engagement*, cara kita bertemu mereka, bercakap dengan mereka, mendesak mereka ataupun menasihatkan mereka dan kita menawarkan bahawa kalau duduk dalam ASEAN, bersama dengan komuniti kita, macam-macam dapat untuk membaiki keadaannya. Macam-macam kita dapat.

Dan inilah yang cuba kita buat bertahun-tahun sejak kita memberi kesempatan untuk Myanmar berada dalam ASEAN dan ASEAN cuba menggunakan kesempatan itu untuk memperbaiki keadaannya. Sehinggalah kita sedar bahawa kesabaran yang ditunjukkan oleh ASEAN juga ada limit atau ada hadnya. Kita juga tidak mahu dimalukan sebagai satu negara dan satu pertubuhan yang mempertahankan sebuah negara yang dianggap negara polis. Mereka tidak ada memberi *deadline*. Kalau di Thailand itu sekurang-kurangnya dia ada *deadline* nya. Dikatakan kami akan terus mengadakan kembali pilihan raya.

Rakyat mereka digambarkan, pendapat umum menyokong sekurang-kurangnya mereka mendapat *legitimacy* awal Tuan Pengerusi, tentang kerajaan baru yang ada, mereka mendapat *legitimacy* awal. Mereka menunjukkan positif, meminta maaf kepada orang-orang Islam di sana misalnya sanggup membayar ganti rugi. Itu mereka mendapat *legitimacy* dari segi sokongan rakyat di sana. Kita tidak boleh membezakan apa yang berlaku di Thailand dengan apa yang berlaku di Myanmar. Di Myanmar, persoalan *legitimacy* itu ada. Sebab itulah dalam beberapa hal, akhirnya sekarang kita katakan bahawa kita tidak akan melindungi lagi Myanmar. Sekiranya Myanmar mendapat tekanan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu atau negara lain, itu Myanmar sendirilah yang menjawabnya.

Dahulu kita menjawab dalam apa yang diputuskan di peringkat Sidang Negara-Negara Berkecuali NAM di Havana baru-baru ini, kita katakan bahawa sekarang ini, tidak apalah kalau hendak dimasukkan agenda Myanmar di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu hingga ke peringkat *Securities Council* ataupun Majlis Keselamatan. Mungkin selepas ini, mereka akan memikirkan

tindakan-tindakan bersifat *punitive* ataupun hukuman pada Myanmar dan sebagainya. Kita katakan ini Myanmar yang menjawab. Tetapi sudah tentulah kita ada pendirian kita. Kalau kita kata kita tidak sokong *sanction* ataupun tindakan menyekat, memberikan sekatan ekonomi dan sekatan lain kepada Myanmar misalnya. Kita kata ini prinsip kita. Sekiranya ada sebarang pertelingkahan atau perkara yang kita tidak bersetuju kerana ia tidak melibatkan kestabilan serantau. Kita katakan *sanction* ini mudah kita buat.

Tetapi kalau kita menghukum negara berkenaan, siapakah yang paling menderita? Jangan hantar makanan. Orang yang berkuasa, kalau makanan sedikit dia makan dahulu, yang menderitanya ialah rakyat. Jangan melabur di sana, yang tidak ada pekerjaan bukannya junta ataupun rejim yang memerintah, tetapi rakyat dulu. Sebab itulah kita katakan bahawa *sanction* bukanlah satu pilihan yang paling awal yang perlu dilakukan. Ia hanyalah *the last resort* ataupun pilihan yang paling terakhir, silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut mengenai *double* standard dan mengenai campur tangan hal ehwal dalam negeri. Sungguhpun ada daripada satu segi adalah merit dalam hujah-hujah beliau, tetapi kenapa perlulah kita lihat ini sepenuhnya daripada kaca mata negara Islam ataupun bukan negara Islam. Contoh yang diberi ialah Hamas dan Algeria dahulu. Kenapa kita tidak dilihat daripada kebenaran betul atau tidak betul? Dahulu pun ada situasi yang sama, bukan melibatkan negara Islam atau bukan Islam. Dahulu Rhodesia, *White Man*, pemerintah Orang Putih atau dalam Afrika Selatan, di mana negara kita begitu lantang untuk mengutuk rejim *Apartheid*.

Masa itu, kita tidak kata ini tidak boleh buat oleh sebab campur tangan. Sekarang kita perlulah melihat keadaan di mana semacam Myanmar? Di mana ada pencerobohan hak asasi yang begitu nyata, bahawa kita perlu ambil satu pendirian? Bukankah dahulu kita ikut perkembangan antarabangsa? Di mana hak asasi universal, hak universal bukanlah satu hak satu negara dan di mana ada, mana-mana negara yang ada melanggar hak asasi, inilah tanggungjawab dunia untuk ambil tindakan. Sebab itu adalah *Human Rights Council*.

Sebenarnya, kalau mengikut satu tafsiran jangan campur tangan dengan yang sempit, boleh melagakan satu *Human Rights Council* oleh sebab setiap kes yang ditimbulkan, yang dibincangkan ialah pelanggaran. Pelanggaran perkara-perkara hal ehwal dalam negara. Tetapi oleh sebab hak asasi sudah menjadi hak universal, itu adalah tanggungjawab *international society* untuk ambil perhatian dan ambil tindakan. Sebab itulah mengenai Myanmar, bukannya kita perlu ambil tindakan semacam itu, di mana sangat jelas untuk 15 tahun di mana *Military* Junta Myanmar, tidak menghiraukan hak asasi rakyat Myanmar. Tanggungjawab Malaysia sebagai satu anggota ASEAN yang bertanggungjawab untuk mempelawa dan memasuki Myanmar kepada ASEAN untuk

membetulkan perkara termasuk dalam *United Nations Securities Council* oleh sebab sekarang kata bahawa negara-negara ASEAN bebas untuk mengambil pendirian yang tersendiri dalam perkara ini.

Adakah kita rela dalam *United Nations General Assembly* mengambil tindakan bahawa *United Nations Securities Council* perlulah mengambil tindakan yang tegas terhadap *Military* Junta Myanmar, supaya *Military* Junta Myanmar menghormati hak asasi rakyat Myanmar mengenai pendemokrasian dan mengenai *national reconciliation* di Myanmar, khasnya dengan Setiausaha Agung PBB yang baru yang akan bermula jawatan dalam 1 Januari tahun hadapan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya rasa tidak ada konflik yang besar antara pemikiran kita dalam soal ini. Kita tidak menyatakan bahawa hak asasi manusia tidak tercabul di sana. Kita mempertahankan apa jua perbuatan di sana. Cuma pendekatannya bagi kita, kita rasakan kita berikan sedikit masa. Ada *engagement* untuk kita terangkan, kita nyatakan, kita ajak mereka, pujuk mereka dan sebagainya. Tetapi, benar bahawa berapa lama hendak mengambilnya?

Dan kita pun mengatakan bahawa kesabaran kita pun ada hadnya. Terutama sekali apabila Menteri Luar Negeri kita pergi ke sana, kita merasakan bahawa layanan yang sepatutnya diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita yang menjadi mewakili ASEAN, tidak dilihat sebagai sewajarnya dilayan mengikut semangat ASEAN. Dia memberi layanan yang lebih baik kepada wakil daripada United Nations dan sebagainya. Ini kita kena nyatakan. Dalam sidang yang baru-baru ini, kita nyatakan pendirian kita. Kalau begitu, kita merasakan bahawa ASEAN tidak lagi dilihat sebagai negara yang akan melindungi mereka bagi tindakan-tindakan yang seterusnya.

Kemudiannya ASEAN itu sendiri, walaupun dianggap sebagai antara gagasan ataupun pertubuhan serantau, antara yang boleh dibanggakan di dalam dunia ini, ada beberapa *loophole* mereka sendiri. Sebab itulah, antara untuk memperketat, untuk memperkukuhkan ASEAN, sekarang ini sedang dirangka apa yang disebutkan *ASEAN Charter* ataupun Piagam ASEAN. Ini berkaitan dengan soal bagaimana negara diambil, bagaimana negara boleh dikeluarkan dan pelbagai perkara yang tidak boleh saya nyatakan di sini, kerana ia peringkat yang terakhir untuk dibentangkan dalam Sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN yang diadakan di Sibul dalam bulan hadapan, tidak lama lagi.

Jadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor harap dapat bersabar sedikit, dan saya rasa bahawa kita seharusnya melihat perkara ini secara positif, bukannya secara negatif, untuk melindungi mana-mana rejim. Tetapi dalam masa yang sama, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi, kita juga tidak boleh dilihat kita menjadi *mouthpiece* kepada kuasa-kuasa Barat, ya? Yang *human rights* sepatutnya universal secara keseluruhannya. Boleh diterima semua. Semuanya konsisten dalam semua perkara. Tetapi *trend* dunia, kalau dikaitkan *trend* dunia itu dengan tindakan kuasa-kuasa barat misalnya, ada kalanya mereka tidak konsisten.

Saya beri contoh, Hamas. Saya beri contoh tentang Algeria yang saya sebutkan tadi. Mereka tidak konsisten. Kita kena berwaspada juga. Ada pihak yang begitu ghairah untuk bercakap tentang projek Myanmar. Misalnya, izinkan kalau saya sebutkan nama *Open Society Institute* yang ditaja oleh George Soros misalnya. Menjadikan projek Myanmar ini adalah satu projek yang besar ke arah perubahan rejim di sana. Ini, orang yang bercakap mempunyai rekod yang tersendiri dari segi menimbulkan penderitaan dan kesengsaraan orang-orang di ASEAN akibat daripada krisis kewangan. Dalam tahun 1997, 1998, berapa ramai orang yang kebuluran? Berapa ramai yang menyebabkan pembunuhan? Orang Indonesia bunuh orang Cina misalnya hingga lari ke Singapura, Kuala Lumpur dan Filipina.

Ini orang yang sama bercakap tentang pendemokrasian di Myanmar. Jadi kita mesti lebih berhati-hati dan konsisten dalam soal ini supaya kita tidak dilihat menjadi *mouthpiece*. Orang yang bercakap bagi kepentingan orang yang tertentu yang mempunyai agenda yang tertentu.

Jadi ini perkara yang saya rasakan, perlu kita perjelaskan di sini supaya kita mempunyai negara yang dianggap *credible* dalam semua aspek dan dalam semua segi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, izinkan saya menyebut sedikit tentang soal isu di Sri Lanka tadi. Malaysia memandang berat apa yang berlaku di Sri Lanka. Kita tidak menganggap bahawa kita menyokong mana-mana pihak, sama ada pihak kerajaan ataupun pihak yang disebutkan pembebasan di sana, dalam soal ini.

Kita percaya ada beberapa perjumpaan yang telah dibuat di sana seperti yang akan diadakan. *The all party representative conference and it's expert committee*, namanya. Yang sepatutnya mewakili semua pihak yang bertelingkah di Sri Lanka akan mengadakan perbincangan tidak lama lagi dan kita akan menyokong apa-apa jua cara untuk menyelesaikannya. Kita memerhatikan beberapa usaha perdamaian di peringkat mereka seperti *memorandum of understanding* ataupun memorandum persefahaman yang sudah pun ditandatangani di antara parti yang memerintah *Sri Lanka Freedom Party (SLFP)* dengan parti pembangkang, *United National Party*.

Juga kita alu-alukan dan saya percaya bahawa oleh sebab perbalahan di sana mempunyai sejarah yang lama, sejarah yang panjang tidak boleh diselesaikan dengan cepat. Malaysia sentiasa menyatakan bahawa kita mengalu-alukan sebarang rundingan damai dan kita akan menyokong apa juga cara untuk membantu supaya kestabilan di negara tersebut dan di rantau ini dapat diperkukuhkan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, satu lagi ialah tentang isu di Darfur. Sebagaimana yang kita sebutkan, kalau ditanya apakah kita akan menyokong tindakan-tindakan supaya Darfur juga Sudan dikenakan tindakan sekatan ekonomi dan sebagainya. Sebagaimana yang diberitahu dahulu bahawa kita yakin, kita mengharapkan bahawa peranan serantau seperti *African Union* dapat dimainkan dengan lebih baik untuk memastikan keamanan di sana. Ia diikuti dengan beberapa

tindakan negara-negara lain seperti *Arab Leagues*, seperti *Gulf Corporation*. Negara-negara, Gulf Countries sudah mengeluarkan bantuan-bantuan yang banyak untuk mengukuhkan *African Union*, bukannya Sudan dalam soal ini. Sekiranya *sanction* yang dipilih, mungkin bantuan ini tidak dapat diberikan dan kita sentiasa berharap supaya isu di Sudan dapat diselesaikan dengan baik. Saya rasa cukuplah. Itu sahaja Tuan Pengerusi dan saya....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi saya minta penjelasan. Terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya masih tunggu jawapan saya tentang apakah pendirian kerajaan atas isu Burma dirujuk kepada UNSC, dan kenapakah kita sebagai Pengerusi kepada NAM, yang menghantar surat atas isu membantah Burma dirujuk kepada UNSC yang mana pada waktu itu, Menteri Luar Negeri kita ini sebenarnya dihina semasa beliau mewakili ASEAN untuk melawat Burma pada masa itu?

Kedua, tentang isu *ASEAN Charter*. Macam manakah ia akan dipromosikan sama ada di negara kita dan juga di ASEAN?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi dia sudah jawab Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya, saya rasa saya sudah jawab sebahagian tadi dan *ASEAN Charter* sabarlah. Bulan depan hendak dibentangkan. Saya tidak boleh terangkan sebelum perkara itu. Ini hendak dibentangkan kepada ketua-ketua negara. Kalau Yang Berhormat bagi Seputeh menjadi salah seorang daripada ketua negara ASEAN munasabah. Itu pun kita boleh bincang di luar daripada Dewan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian di dalam perbincangan kita ini dan saya mengucapkan terima kasih dia atas kelulusan perbelanjaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM496,643,500 untuk Maksud B.13; di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM496,643,500 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM195,500,000 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM195,500,000 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.20 [Jadual] -
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Jasin.

3.31 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 11200 dan 111101. Saya hendak minta kerajaan berkenaan dengan Malaysian Timber Industry Board (MTIB) yang mana satu badan penguat kuasa berkenaan perkayuan di dalam negara dan MTIB juga ditugaskan untuk mengeluarkan kuota eksport kayu kayan yang mana kayu-kayu yang dieksport dikenakan levi ataupun cukai yang dikutip oleh kerajaan.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tetapi saya hairan bahawa cukai-cukai yang dikutip ini ada kalanya diserahkan kepada MTC Malaysian Timber Council (MTC) dan Malaysian Timber Council ini tidak pernah menghantar laporan tahunannya kepada Parlimen ini walhal dia menggunakan duit kerajaan dan kalau kita lihat di antara MTIB pihak berkuasa dengan MTC (Malaysian Timber Council), MTIB diluluskan daripada rang undang-undang daripada Parlimen tetapi MTC (Malaysia Timber Council) ini didaftarkan di bawah akta syarikat.

Kalau kita pergi kedua-dua pejabat, duduk di bangunan yang sama MTIB bergerak sebagai badan kerajaan kerana ditubuhkan di bawah akta Parlimen. MTC (Malaysian Timber Council) kita tengok cara pejabatnya pun berlainan daripada MTIB. Pegawai-pegawai MTIB pun iri hati kepada MTC. Mereka yang kutip cukai, mereka yang kutip levi tetapi di belanja oleh MTC. Malah dalam lawatan-lawatan ataupun pameran-pameran di luar negara, kakitangan MTIB mengikut peraturan kerajaan ikut kelayakan. Paling tinggi, ketua pengarahnya duduk dalam *business class* tetapi pegawai-pegawai MTC duduk *first class seat*. Tidak cukup dengan itu MTC juga boleh membeli bangunan-bangunan di luar negara. Di negeri China pun dia ada bangunannya sendiri tanpa apa pun laporan yang dihantar kepada Parlimen.

Ini saya minta kementerian kena kaji balik cara MTC ini berbelanja, cara MTC ini bergerak kerana wang yang dibelanjakan adalah wang yang dikutip - akses. Cukai yang dikenakan kepada pengeksport-engeksport kayu. Begitu juga dengan MPOC (*Malaysian Plantation Oil Council*) pun ditubuhkan macam itu juga. MPOB membuatkan kerja penyelidikan tentang kelapa sawit dan mengutip cukai tetapi MPOC membelanjakan duit sewenang-wenangnya. Oleh demikian kita minta

kementerian lihat balik *set-up* ini, adakah perlu di zaman ini supaya diwujudkan *council* ini yang mana ia bergerak atas pergerakan dia sendiri tanpa dikawal oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak pergi kepada MTIB. Seperti yang Tuan Pengerusi sedia maklum dua tiga bulan sudah saya timbul masalah tutup mata sebelah dan sebagainya. Itu terpulang kepada persepsi surat khabar dan persepsi orang. Tapi yang jelas pada kita hari ini dan kita pada hari ini didapati bahawa *sawmills*, pengusaha-pengusaha perabot menghadapi bekalan kayu di dalam negara. Kalau dahulu kita tidak pernah dengar bahawa hutan-hutan simpan dicuri, tanah-tanah peribadi yang mana pengusaha-pengusaha kayu mencuri kayu dan sebagainya. Dahulu kita tidak pernah dengar.

Tetapi oleh kerana akhir-akhir mutakhir ini banyak di antara lesen-lesen pembalakan tidak dikeluarkan dan banyak di antara *sawmills* dan pengusaha-pengusaha kayu tidak mempunyai bahan kayu dan banyak di antara pengusaha-pengusaha kita pada hari ini tidak mempunyai bekalan kayu untuk membuat perabot-perabot. Dan pada hari ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negara jiran kita di Indonesia, pada hari ini dia sedang memperluaskan perladangan kelapa sawitnya. Semua kawasan Sumatera dan kawasan-kawasan Indonesia sedang memperluaskan ladang kelapa sawit dan sudah timbul pula pada hari ini orang-orang kampung di Indonesia pada hari ini sedang membersihkan hutan-hutan di belakang rumah mereka untuk menanam kelapa sawit dan ini peluang kepada kita. Peluang kepada kita yang mana kayu-kayu di Indonesia itu yang besar-besar sahaja diambil, yang kecil dibakar. Itulah sebabnya negara kita ini sentiasa mendapat jerebu. Daripada kayu itu dibakar di sana, ada di antara pengusaha-pengusaha di Indonesia membawa kayu ini ke dalam negara kita.

Itulah sebabnya pada hari ini wujud pelabuhan *barter trade* di Klang, di Melaka, di Johor menerima dan membeli kayu-kayu yang dibawa oleh pengusaha-pengusaha dari Indonesia dan kalau pada hari ini kita ketatkan undang-undang mereka akan lari ke Singapura. Oleh kerana negara kita pada hari ini - MPIB pun tahu keadaan ini yang mana kita menghadapi kurang bekalan kayu. Apakah salahnya kayu-kayu yang di Indonesia itu daripada dibakar, orang-orang itu membawa ke negara kita.

Tapi malangnya oleh kerana kita ini mendapat bantahan daripada NGO-NGO luar negara yang menuduh Malaysia ini membeli kayu-kayu yang dicuri. Sebenarnya kayu ini bukan dicuri. Memang mereka sudah terbang. Dan pada hari ini oleh kerana tekanan-tekanan daripada NGO maka kerajaan telah membuat keputusan membenarkan kayu-kayu gergaji memasuki dalam negara kita. Pada hari ini semua pelabuhan-pelabuhan di kawasan kita ini Melaka, Johor dan juga Klang menerima kayu-kayu gergaji daripada Indonesia. Tapi malangnya yang telah dipertikaikan hari ini yang menjadi pertikaian saya selama tiga bulan ialah berkenaan dengan saiz. Yang dibenarkan saiz

itu 60 *square inches*. Sepuluh kali enam. Kadang-kadang terbesar satu dua inci, yang ini yang dipertikaikan.

Jadi oleh demikian, saya berharap MTIB ini kalau boleh di tiap-tiap pelabuhan ini ada pejabat-pejabat cawangan dia. Kalau tak ada pejabat pun, kita minta supaya kerajaan ataupun MTIB paling tidak pun ada satu, dua orang pegawainya ditempatkan di pelabuhan-pelabuhan ini supaya masalah ini kita dapat atasi. Yang tahu berkenaan dengan kayu adalah pakarnya, MTIB. Kerana makluman Tuan Pengerusi, ada di antara kayu-kayu itu memang ada sebahagian daripada spesies-spesiesnya yang dia tak besar, kalau dia bulat pun, dia spesies Bintangor ini, paling besar 12 inci. Kalau dah lebih daripada 12 inci, kayu ini ada lubang tengah. Dan kebanyakannya kayu Bintangor ini, 9, 10 dan 11 inci. Kalau dipotong ataupun dikehendaki oleh kerajaan kayu gergaji, susah nak dapat saiz-saiz yang dibenarkan.

Oleh demikian, pada kebiasaannya mereka-mereka di sana akan menghantar kepada kita, kepada pembeli-pembeli dalam negara kita, kayu Bintangor yang besarnya lebih kurang 9 inci dia punya radius, hanya dipotong macam empat segi tetapi tak empat segi betul. Kerana kalau nak dipotong empat segi, hanya yang tinggal dalam tu puluh kayu. Maka dia akan kepang sikit-sikit, nampak macam kayu gergaji tetapi tidaklah empat segi, ada bulat sikit. Ini yang sentiasa menjadi pertikaian di pelabuhan-pelabuhan sehingga saya pergi jumpa dengan pihak Kastam, saya kata ini bukan besar tetapi kayu ini dah jenis macam ini, bagilah peluang sikit, ataupun dalam erti kata bagilah *chance* sikit yang digelar dek orang "*tutup mata sebelah*" tu.

Jadi saya nak minta supaya MTIB hantar wakil, dia yang berkuasa. Dia yang berkuasa menentukan apa kerana dia pakar kayu. Jadi apabila MTIB adakan pegawai di pelabuhan-pelabuhan, dia mengesahkan saya minta tidak ada pihak-pihak berkuasa lain, Kastam ke baik ataupun badan-badan lain menghormati apa yang telah diperakui oleh pihak MTIB sebagai Malaysian Timber Industry Board yang bertauliah, yang faham berkenaan kayu, dialah yang menentukan kayu ini boleh diimport ataupun tidak. Kalau kita boleh mengadakan, MTIB boleh mengadakan pejabat cawangan dia di Rantau Panjang untuk mengawasi kayu-kayu eksport, yang kayu Malaysia ini dieksport ke Thailand, saya penuh yakin dan percaya MTIB juga boleh mengadakan wakil-wakil dia di pelabuhan-pelabuhan yang saya maksudkan tadi.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya pun hairan MTIB ini, kita menghadapi masalah kayu, kekurangan kayu, dan oleh kerana adanya kayu ini kita boleh buat perabot dan tiap-tiap tahun negara kita mengeksport kayu atau kayu kayan perabot ini lebih daripada RM7 bilion. Industri perabot kita dapat memberi pekerjaan kepada 300 ribu rakyat kita. Dalam keadaan kita menghadapi kekurangan kayu, mengapa kita membenarkan kayu-kayu kita dieksport dalam bentuk papan ataupun kayu gergaji. Saya kira dah sampai masa dan ketikanya kita buat ketetapan bahawa tidak ada lagi kayu-kayan kita dieksport ke luar negara dalam bentuk balak, dalam bentuk kayu gergaji. Mesti dalam

bentuk perabot ataupun kayu-kayan yang kita dah tambah nilai, *moulding* ataupun kayu-kayu yang dah berbentuk, barulah kita boleh eksport. Tetapi kalau kita pada hari ini mengeksport kayu-kayan sebagaimana yang sedang berlaku sekarang kita mengeksport ke Thailand dalam bentuk kayu gergaji maka saya kiranya akhirnya esok pengusaha-pengusaha perabot dan juga pengusaha kayu-kayan dalam negara kita akan tidak ada lagi bekalan sebagaimana yang kita hadapi dengan bekalan kayu getah tempoh hari.

Tahun sudah saya menegur kementerian, kementerian yang sama. Mengapa kita benarkan, kerajaan membenarkan pengusaha-pengusaha kayu getah mengeksport kayu getah dalam bentuk kayu gergaji? Menteri menjawab mengatakan bahawa kita terpaksa membenarkan mengeksport kayu getah kerana kita nak tahu nilai harga kayu getah yang sebenarnya supaya pekebun-pekebun kecil ataupun pemunya-pemunya ladang di dalam negara kita tahu nilai kayu getah mereka di dalam kebun.

Tapi hari ini oleh kerana terlalu banyak eksport, kita dulu benarkan eksport, hari ini semua pengusaha-pengusaha perabot pada hari ini tidak ada bekalan kayu getah. Malah kita terpaksa import bekalan kayu getah daripada negara jiran pada hari ini. Dulu kita jualkan kayu getah dalam bentuk gergaji, ada negara-negara pembeli, dia telah beli dan dia buat *stockpile*. Malah pada hari ini, banyak di antara perabot-perabot kayu getah bukan dibuat di Malaysia tetapi dibuat di negeri China dan kita kena pakai balik. Semua kayu-kayu getah kita dulu, oleh kerana kita terbukakan eksport kayu gergaji, maka di *stockpile* di negeri China. Akhirnya pada hari ini, pengusaha dalam negara susah, pengusaha perabot susah nak dapat bekalan kayu getah, negeri China ada kayu getah kerana Malaysia dulu benarkan dia.

Dan saya berharap kayu-kayu yang lain ini Tuan Pengerusi, kita minta kerajaan, kita jangan bagi lagi eksport dalam bentuk kayu gergaji. Yang kita benarkan eksport adalah kayu-kayu ataupun bahan-bahan perabot dan juga kayu-kayu yang dah bertambah nilai, itu sahaja kita benarkan. Kalau kita masih lagi benarkan kayu gergaji, di Thailand bukan tidak ada hutan tetapi oleh kerana dia boleh dapat *source* ataupun boleh mendapat membeli kayu gergaji daripada Malaysia dengan harga yang murah, mereka mengharamkan pembalakan di Thailand. Langsung dia tak tebang kayu-kayan di dalam hutan mereka kerana dia boleh dapat yang import daripada Malaysia. Esok kita dah habis, dah tak ada, baru dia keluarkan dia punya, ini strategi perniagaan dia dan kita jangan terperangkap. Kerana kita hendakkan supaya pengusaha-pengusaha perabot kita yang pada hari ini menyumbang begitu besar kepada ekonomi negara supaya mereka mempunyai bekalan kayu-kayan yang secukupnya, dan akhirnya dapat memberi peluang pekerjaan kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 1101 berkenaan dengan Industri Kelapa Sawit. Kita lihat pada hari ini, sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan terpaksa membuat potongan-potongan syer daripada jualan kelapa sawit. Kerana pada hari ini kita lihat banyak di antara

pekebun-pekebun kecil kita dah mula menanam kelapa sawit. Kelapa sawit sematangnya 25 ke 30 tahun. Kita takut pada hari esok apabila pekebun kecil ini, kebun mereka dah tua dan tak dapat mengeluarkan hasil, mereka tidak mempunyai kewangan yang secukupnya untuk menanam semula ladang kelapa sawit mereka. Kalau pada hari kita lihat kalau nak harapkan Bank Pertanian, al-maklum, Bank Pertanian pun tidak mempunyai modal yang secukup mungkin. Tetapi kalau daripada hari ini kita kenakan syer daripada harga kelapa sawit khusus untuk tanam semula sebagaimana yang kita buat pada perusahaan getah tahun 50-an, 60-an, saya penuh yakin dan percaya apabila wang ini terkumpul esok, ia akan memudahkan pekebun-pekebun kecil kita untuk menjalankan kerja-kerja tanam semula pada masa yang akan datang apabila pokok getah mereka ini dah tua.

Satu lagi, saya nak pergi kepada Lembaga Getah Malaysia di bawah Kementerian ini yang mana berapa butiran dia. Saya lihat pada hari ini begitu ghairah daripada.....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, penjelasan boleh? Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya Silakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sebelum Yang Berhormat pergi kepada Lembaga Getah, fasal sawit ini. Sawit adalah di antara negara yang paling banyak eksport sawit yang kedua selepas Indonesia. Indonesia pun belajar daripada kita. Yang Berhormat sebut tadi ada kutipan ses untuk kelapa sawit. Setahu saya kutipan ses ini ada hanya untuk getah. Tapi yang kelapa sawit yang sampai sekarang ini saya tahu tidak ada bantuan tanam semula yang ada hanya pinjaman. Maka saya masih ingat dalam Dewan ini supaya mesti ada satu tabung yang sama seperti tabung tanam semula getah kepada tabung tanam semula kelapa sawit. Saya dok perati tengok masih mungkin saya tersilap. Saya minta Yang Berhormat komen, betulkan saya bahawasanya sebenarnya tidak ada kutipan dan lembaga yang sedemikian yang mengutip duit untuk kelapa sawit. Sedangkan kelapa sawit ini adalah merupakan hasil terpenting negara. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Memang tidak ada. Itulah sebabnya kita minta kerajaan mulakan. Kena kutip ses ini, untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita, ladang-ladang besar ni dia banyak duit. Tetapi pekebun-pekebun kecil kita yang tiga ekar, lima ekar yang bawah 10 ekar ini. Yang pada hari ini semua dah banyak menanam kelapa sawit. Sementara dia dapat hasil hari ini, dia senyum. Tetapi bila besok pokok kelapa sawit dah tua, nak di tanam semula, timbul masalah modal dan sebagainya.

Oleh itu kita berharap supaya kerajaan kena mulakan kutipan ses kepada kelapa sawit ini untuk memudahkan pekebun kecil kita besok dalam kerja-kerja tanam semula apabila pokok kelapa sawit dah tua dan untuk di tanam semula.

Dan nombor dua sebelum saya terlupa satu lagi ni kelapa sawit saya pun minta MPOB setakat hari ini, kita belum dapat mengatasi masalah bagaimana kita dapat mengurangkan tenaga

kerja dalam industri kelapa sawit. *Research* yang kita buat setakat hari ini belum, masih lagi kebanyakan daripada kerja-kerja di ladang ini masih digunakan cara manual. Saya secara kebetulan Tuan Pengerusi, saya dapat satu jemputan daripada satu kawan ajak pergi ke Thailand untuk melihat satu trak *4 wheel drive* yang boleh digunakan dalam ladang kelapa sawit.

Tapi kita pada hari ini MPOB masih lagi berbangga dengan adanya *carriage* yang ditarik oleh motosikal. Daripada tarik menggunakan motosikal saya kira lebih baik MPOB pada hari ini menasihatkan peladang-peladang kita supaya gunakan kerbau. Paling tidak pun kita dapat mengatasi masalah bekalan daging kita, kerbau. Sebagai untuk menarik *carriage* untuk membuat kelapa sawit, gunakan kerbau. Paling tidak pun kita mengatasi masalah, masalah besok bila kerbau itu dah cukup ataupun dah tak boleh tarik lagi kita sembelih dia, kita dapat daging dia. Kerana pada hari ini kita juga, Kementerian Pertanian akui yang kita tidak mempunyai bekalan daging secukupnya. Dan kerbau adalah satu alternatif yang satu dan murah. Kita juga dapat menjimatkan minyak. Penggunaan diesel dan petrol. Enjin pun kita kena pakai petrol dan diesel. Tetapi bila kita gunakan kerbau, kita dapat selamatkan penggunaan minyak dan nombor dua kita dapat dagingnya.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya nak pergi kepada Lembaga Getah Malaysia, Butiran 080600. Lembaga Getah Malaysia ini, daripada RRI dulu, dan RRI dulu mendapat kewangan pembiayaan RRI, oleh kerana kita ada ses penyelidikan yang dipotong daripada harga getah daripada dulu. Kalau tak silap saya RM0.01 sen satu kilo ataupun RM0.01 sen satu kati. Dengan adanya ses ini terkumpul-terkumpul, maka kerajaan boleh membiayai di Sungai Buluh. Pusat penyelidikan getah yang dulu terkenal seluruh dunia, di Jalan Ampang, dengan duit RM0.01 sen ini. Dan daripada duit RM0.01 sen inilah juga kita dapat mengadakan satu pusat penyelidikan di London yang mana saya difahamkan masih digunakan lagi.

Baru-baru ini ada satu cadangan daripada Kementerian Belia dan Sukan nak mengambil alih pusat penyelidikan di London nak buat kompleks sukan. Saya nak beritahu kerajaan yang pusat penyelidikan yang ada di London adalah hasil keringat orang-orang kampung, pekebun kecil. Jadi kalau nak buat sukan ke, kompleks sukan apa semua, saya minta kerajaan ambil pandangan daripada orang kampung. Kerana ini hasil daripada kutipan ses RM0.01sen yang kita ambil daripada harga getah.

Ini titik peluh orang kampung kita dan pusat penyelidikan RRI itu sampai sekarang digunakan. Digunakan kerana menjalankan penyelidikan bagaimana kita nak pelbagaikan penggunaan getah. Sebagai contoh yang kita jumpa pada hari ini yang sedang kita pasarkan, getah yang digunakan *absorber* untuk bangunan-bangunan dan jambatan. Ini dilakukan oleh *scientist* RRI di London. Dan kalau besok pusat penyelidikan di London itu menjadi pusat sukan, saya takut besok *scientist* kita yang menjalankan penyelidikan getah, tak jadi nak menyelidik, dia dah syok tengok

orang berlari. Dia dah syok tengok orang berlari, dia punya *mind* daripada menjalankan penyelidikan getah kita.

Jadi saya berharaplah, minta kerajaan berfikir 10 kali untuk menggunakan pusat...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bangun

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat bagi Puchong? Puchong kah saya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Puchong dulu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima Kasih Tuan Pengerusi, dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin telah menyatakan bahawa pusat penyelidikan di London. Kemungkinan akan ditukarkan menjadi pusat sukan dan seterusnya. Tetapi sedar kah yang terhormat? Yang RRI yang dekat dengan Sungai Buluh ini juga banyak mendapat cadangan dan proposal daripada pemaju-pemaju yang berdekatan sebagai contoh di Tropicana, Sungai Buluh; Taman Sekota, Taman Mesra dan seterusnya, supaya mereka dapat ditukar menjadi satu kawasan pembangunan perumahan bercampur-campur.

Kalau ini berlaku, ini bermakna segala kemudahan penyelidikan yang sudah kita ada, penyelidik-penyelidik yang berkaliber, mungkin akan hilang daripada pusat penyelidikan. Ini tidak akan menepati hasrat dan tujuan utama RRI yang begitu telah berjasa kepada pembangunan dan penanaman getah di negara kita ini. So, setuju kah Yang Berhormat bahawa cadangan ini kita mesti mengarahkan kerajaan, kita mesti tolakkan cadangan ini supaya RRI di Sungai Buluh ini dapat dikekalkan sebagai satu pusat penyelidikan yang unggul untuk industri getah di negara kita.

Datuk Haji Mohd Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju sangat cadangan daripada Yang Berhormat bagi Puchong. Kerana saya bekas kakitangan RRI. Di sana tempat saya di *training centre*. Dulu digelar, "*black hole of Calcutta*" jadi masih di dalam hati sanubari saya. Kalau nak dibuatkan pembangunan macam taman-taman baru, saya memang tak setuju, saya berharap kalau boleh kementerian walaupun ada cadangan-cadangan ini, tolak ajalah. Kalau nak buat pun jadilah bangunan ataupun tempat yang agak moden sikit. Tetapi nama *rubber* tu jangan tinggal *rubber city* ataupun kita jadikan peninggalan macam 'Q' Garden. Kerana Malaysia pernah menjadi *producer* getah yang terunggul dalam dunia dan lebih-lebih lagi pada hari ini dengan kenaikan harga naik Tuan Pengerusi. Semua pengusaha-pengusaha getah dulu yang pengusaha-pengusaha tayar, dia menggunakan *synthetic rubber*.

Hari ini bila harga getah sudah naik, tidak *releven* lagi *synthetic rubber* dia datang balik kepada *natural rubber*. Itulah sebab akhir-akhir ini harga getah kita sudah meningkat balik sampai RM7 satu kilogram. Orang kampung sudah mula menikmati dan lebih-lebih lagi pada hari ini 90%

daripada jumlah keluasan getah yang ada dalam negara dimiliki oleh pekebun kecil. *Estate* hanya tinggal 10%, dan saya berharap supaya kementerian kita diamanahkan ini hasil titik peluh orang kampung kita dahulu yang dikutip satu sen satu kilogram melalui ses penyelidikan. Itulah hasil dia.

Kalau kita timbulkan cara pembangunan yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong besok bermakna kita menafikan hak pekebun kecil, menafikan hak orang luar bandar, menafikan hak orang kampung, orang kecil-kecil ini kerana atas keringat mereka kita ses satu sen satu kilogram kita boleh bertahan dengan adanya RRI di Sungai Buluh dan juga di London. Silakan Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya terpanggil untuk bangun bila sebut getah ini sebab kita punya kepentingan getah ini sangat besar sehingga kita menubuhkan sebuah lembaga yang kita namakan RISDA iaitu *Rubber Industry Smallholders Development Authority*, untuk pekebun kecil. Tetapi komoditi pula dijaga oleh kementerian. Ertinya getah ini dijaga oleh dua buah kementerian. Pekebun kecilnya atau rakyatnya dijaga oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah manakala industrinya dijaga oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Saya risau seperti mana Yang Berhormat bagi Puchong sebutkan tadi bahawa sanya oleh kerana terlalu ghairah hendak membangun, kita melupakan bahawa sanya getah ini adalah anugerah yang diberikan oleh Allah kepada Malaysia. Dalam keadaan kita susah, nasib baik ada getah. Dalam keadaan harga minyak melambung, kita menghadapi masalah yang besar, tiba-tiba ada getah pula yang boleh membantu rakyat. Kemudian kita dianugerahkan pula dengan kelapa sawit. Harga minyak naik, maka kelapa sawit juga naik. Ertinya kita hilang pendapatan di sini, kita ada di sini.

Ini anugerah yang harus kita jaga. Dengan itu, ini jelas kepada saya, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, kedua-dua komoditi yang besar ini seperti getah dan kelapa sawit walau pun banyak orang berpendapat ini cara lama, ini benda lama, tetapi inilah yang sebenarnya telah menyelamatkan kita daripada menghadapi krisis kewangan termasuk dalam tahun 1997 dan baru-baru ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat bagi Ketereh. Memang benar, kalau krisis ekonomi tahun 1997 Tuan Pengerusi, kalau tidak ada kayu-kayan, tak ada hasil pertanian getah dan kelapa sawit, saya kira negara kita ketika itu *bankrupt* - mufliis. Nasib baik ada kayu-kayan *furniture industry* kita. Nasib baik ada getah, nasi baik ada kelapa sawit. Itulah sebab hari ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak balik semula, hendak memperkasa balik bidang pertanian ini termasuk kelapa sawit dan getah.

RISDA ini akan juga diperkasakan, akan diperkasakan kerana pada hari ini saya sudah berjumpa, saya sudah pergi melawat beberapa kebun di kawasan saya dan juga di kawasan lain, dia sudah tanam dua dah.....

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:Sekejap Yang Berhormat bagi Kota Melaka, sekejap ya? Ini Yang Berhormat bagi Ketereh. Dia sudah tanam dua. Kebun lima ekar Tuan Pengerusi, dia tanam dua baris kelapa sawit, dia tanam dua baris getah.

Hah! Orang kampung sudah pergi ke arah itu sekarang. *Interplanting* kelapa sawit dua baris, getah dua baris. Kelapa sawit dua baris, getah dua baris, jadi dia kata kerja dia sepanjang masa. Kalau kelapa sawit harga naik, *Alhamdulillah*. Kalau harga getah naik, syukur. Kedua-dua dia dapat, jadi sudah mula. Benda ini sudah penting ini.

Pada hari ini jangan hendak perlekehkan dan benda yang sudah ada kita ini dengan *research centre* kita di Sungai Buloh dan juga di London, saya minta kerajaan kekalkan kerana kita perlu lagi penyelidikan-penyelidikan oleh pakar-pakar di sana untuk membantu perusahaan getah dalam negara kita. Sila Yang Berhormat bagi Kota Melaka dahulu.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang saya lihat atas isu bangunan RRI ini Tuan Pengerusi, saya rasa saya melihat perkara ini dari perspektif yang berlainan pula. Cara saya lihat, saya rasa tanaman getah ini, ia sebenarnya bukan suatu jenis tanaman yang biasa bagi negara kita kerana apabila mula-mula negara kita mengalami kesuntukan kewangan, getah ini yang merupakan suatu sumber pendapatan yang cukup penting, penyelamat kepada keadaan kewangan bagi negara kita.

Saya rasa disebabkan oleh unsur sejarah ini, saya rasa kita tidak seharusnya hanya melihat kepada keuntungan sahaja. Tetapi dari segi warisan juga bagi negara kita. Bagi bangunan RRI ini, saya rasa itu adalah penting kerana ia merupakan suatu simbol yang menjadi sebahagian daripada warisan kita.

Tidak wajarlah bagi kita hanya asyik sahaja menumpukan perhatian kepada pembangunan semata-mata, pembangunan konkrit yang dapat membina bangunan-bangunan yang terbaru dan termoden, tetapi pada masa yang sama kita telah pun lupa pula warisan kita. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Yang Berhormat pun anak orang kampung Tuan Pengerusi, walau pun Yang Berhormat bukan dari Kota Melaka, beliau orang Jasin... *[Ketawa]* Orang Batang Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya!.... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Daripada kampung juga. Dia besar dalam kawasan pokok getah. Saya berharap betul Yang Berhormat bagi Kota Melaka, kadang-kadang kita mudah lupa, muda lupa dan yang ada pokok getah ataupun tanaman getah yang terunggul di dunia, Malaysia!

Ini suatu bahan sejarah yang tidak boleh kita ketepikan. Begitu juga dengan Pusat Penyelidikan Tun Razak di London itu. Hasil titik peluh orang kampung, sehinggakan harta orang kampung itu hasil daripada titik peluh mereka, kita dapat mendirikan bangunan Institut Penyelidikan Tun Razak di London. Itu milik orang kampung hasil daripada mereka dan patut kita kekalkan sebagai bahan sejarah untuk kita menunjukkan kepada anak cucu kita.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Oleh yang demikian, kalau ada usaha-usaha hendak memajukan RRI di Sungai Buloh dan juga London, saya ambil kira tentang kesan warisan yang selama ini kita seharusnya, patutnya kita bantu dan kita pelihara untuk generasi akan datang. Bukan hendak diruntuhkan, memang senang. Orang boleh datang dengan pelan dia buat cantik-cantik, *aggregate structure* dan sebagainya, buang pokok getah atau pun pusat penyelidikan di Sungai Buloh, naik satu kawasan perumahan yang termoden. Tetapi di mana sejarah perusahaan getah yang pernah mengharumkan nama Malaya dan Malaysia akan terkubur. Begitu juga di London.

Pusat sukan, kita buat dan kita juga boleh bangunkan mengikut apa kehendak Majlis Bandaran London tetapi sejarah dan warisan kita sebagai pusat penyelidikan getah unggul di dunia akan habis begitu sahaja. Silakan Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Mengenai dengan getahnya sebenarnya getah ini bagi saya adalah nyawa kepada penduduk-penduduk kampung selain daripada kelapa sawit.

Beberapa Ahli: Hah!

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Bermakna kalau kita buang pokok getah mahu hilanglah nyawa sebenarnya kepada penduduk-penduduk kampung.

Beberapa Ahli: Hua, hua!

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sekarang ini sudah naik harga. Dahulu orang tanam kelapa sawit dibuang getah. Sekarang tanam balik getah di kampung dan sebagainya. Tetapi masalah dia yang pekebun-pekebun getah ini yang tuan punyanya adalah orang sudah lanjut usia, sudah tua.

Saya selalu bertanya kepada orang kampung saya di kawasan tanya macam mana harga getah naik ini? Harga getah naik betullah kata dia. Tetapi hendak menoreh, pinggang sakit, tidak

upaya. Hendak cari orang Indonesia pun payah juga dia kata pasal banyak hendak guna permit dan sebagainya.

Sekarang ini, kita ada pusat penyelidikan getah dan juga mungkin pusat-pusat lain yang berkaitan. Ada atau tidak kajian dibuat tentang torehan, cara torehan terkini untuk memudahkan penoreh getah ini? Kalau ada, apa pandangan perkara ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Lipis. Yang sebenarnya ada torehan. Sekarang torehan sudah menggunakan *injection*. Tetapi masalah ini boleh dibuat sekiranya petani itu mengikut amalan tanaman getah daripada awal itu bajanya jangan kurang, cara penjagaannya itu mengikut penjagaan yang betul, boleh menggunakan torehan-torehan yang baru ini. Tetapi kalau dia sudah mengabaikan, saya tahulah, saya kerja di Pahang dulu - RRI. Saya buat *research* di Pahang dulu. Kebanyakan di Pahang ini kebun getahnya minta maaf. Dia kurang menjaga kebersihan dan sebagainya. Bila dia hendak menoreh dia hanya tebas-tebas ikut lorong pokok getah sahaja. Jadi kalau sudah cara macam itu memang susah hendak menggunakan amalan-amalan ataupun cara sistem torehan yang baru ini.

Saya menafikan, Yang Berhormat bagi Kuala Lipis, di tempat saya di Jasin dan juga boleh dikata di Melaka pada hari ini, oleh kerana harga getah hari ini begitu tinggi, cikgu sekolah dan kakitangan kerajaan pun pada hari ini sudah pergi menoreh dulu baru pergi kerja! RRI pun sudah ada sekarang daripada *research* dia, kalau dulu kita takut musim hujan ini kita akan rugi, Tuan Pengerusi. Sekarang dia sudah ada caranya, sudah ada kanopi pula dekat pokok getah ini. Dia pasang kanopi plastik. Bila dia menoreh dia pasang kanopi plastik. Jadi pokok getah ini walau hujan ribut pun tidak kisah, air tidak masuk ke dalam mangkuk getah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini bermakna berjaga. Siap. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, tunggu sekejap. Itulah sebabnya pada hari ini kita lihat dengan kenaikan harga getah, orang-orang kita, orang-orang muda sudah balik ke pokok getah hari ini menoreh getah. Orang kampung hari ini bukan koman-koman.

Di kawasan saya, saya tidak tahulah di kawasan Lipis, sehinggakan pada hari ini kalau ada orang meninggal tengah malam - kalau biasanya, Tuan Pengerusi, kalau di tempat saya ada orang meninggal tengah malam pagi esok sudah dikebumikan. Tetapi sekarang dia minta *postpone* dulu, Tuan Pengerusi. Tok Bilal dan Tok Imam hendak pergi menoreh pagi, tidaklah rugi, kata dia. Jadi, dikebumikan pun lepas Zuhur sekarang ini kerana kalau tidak pergi menoreh RM200 siapa hendak bagi? Dia pergi menoreh dua jam, dia tinggalkan, selepas itu dia jual 'rojol', bukan *collect latex* - tidak ada lagi! Bukan buat keping, tidak ada. Hanya jual sekerap. Satu hari pendapatan orang kampung sekarang lebih daripada RM200. Satu bulan RM6,000, Tuan Pengerusi - orang kampung.

Itulah sebabnya sekarang ini kalau hari raya, semua anak-anak yang duduk di luar daripada kampung balik ke dalam kampung. Kalau dulu anak-anak balik hari raya ke kampung di terpaksa bagi angpau -duit kepada orang tua dia, tetapi hari raya kali ini orang tua pula bagi duit kepada dia. Orang tua pula bagi angpau kepada anak-anak dia pasal - eh, sudah RM6000 sebulan! Ini bezanya.

Pada hari ini saya berharaplah, kalau petani di Lipis itu dia mengikut amalan tanaman getah dengan cara betul, torehan baru sudah ada. Kanopi untuk menjaga pokok getah daripada hujan pun sudah ada. Memang perkara-perkara baru ini sedang berlaku dalam negara kita yang mana negara lain tidak ada.

Itulah sebabnya kalau pokok getah kita pada hari ini yang diusahakan oleh FELDA/FELCRA dengan cara yang betul satu ekar sekarang ini, Tuan Pengerusi, kayu getah ini boleh dijual dengan harga RM13 ribu. Kerana pada hari ini kayu getah ini sudah jadi komoditi. Oleh kerana kurang kayu, maka kalau kebunnya itu cantik, torehannya dulu cantik, pokok dia gemuk-gemuk, sampai RM13 ribu satu ekar. Boleh dibeli oleh pengusaha-pengusaha perabot yang memerlukan kayu getah.

Jadi, pada hari ini kita sedang menggalakkan. RISDA sekarang ini sedang *all out*, sedang menggalakkan orang kampung tanam semula balik getah yang mana hasil daripada getah kita dapat dan apabila pokok sudah tua, kayunya esok kita boleh jual sebagai bonus kepada orang kampung hampir lebih daripada RM10 ribu satu ekar. Silakan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jasin, saya tertarik tadi mengenai tanam semula. Apabila kita hendak tanam semula bolehkah daya tambah kepada ekonomi getah ini kita perluaskan sikit. Jangan kita ketatkan sangat. Tanah-tanah terbiar tidak ada tunggul getah, tidak ada batang getah pun boleh kita perluaskan untuk tanaman semula getah ini. Sebab saya yakin, dengan kita melebarkan lagi saiz untuk kawasan penanaman getah, saya rasa orang kita boleh keluar lebih banyak daripada kemiskinan tegar ini. Kemiskinan tegar boleh keluar daripada miskin dengan sebab kita lebarkan tadi. Jangan kita ketatkan sangat. Kena ada daya kreativiti berfikir.

Tuan Pengerusi, saya bimbang apabila Yang Berhormat bagi Jasin sebut orang kampung dapat RM200, saya menangis tadi. Dalam hatilah, tidak di luar! Pasal apa saya menangis, getah daripada Brazil dibawa oleh Perdana Menteri - pertama barangkali, datang ke Malaysia kita boleh hidup dengan mewah, RM200 orang kampung ini selama mana kita hendak bersyukur? Saya hendak tanya, selama mana getah ini boleh bertahan dengan harga RM6 - RM7? Saya takut balik ke 60 sen - 30 sen balik. Selama mana kalau kita tidak bersyukur?

Saya yakin... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini ada dalam Quran. Sikit sangat hambaKu bersyukur. Terutamanya parti pembangkang. Tidak bersyukur. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Yang sebenarnya apabila hendak tanam semula, macam saya sebutkan tadi kita sudah mula

daripada dulu. Kerajaan telah mengutip ses tanam semula daripada harga getah dijual. Harga getah dijual saya pun tidak tahulah. Saya sudah meninggalkan pekerjaan kerajaan ini sejak dari tahun 1983. Kalau semasa saya dulu, kerajaan kutip empat sen setengah bagi sekilo, untuk tanam semula.

Itulah sebabnya apabila RISDA memberi bantuan dia mesti tengok kebun tua itu, tunggu ada apa semua barulah dia layak mendapat bantuan tanam semula. Kalau sudah tidak ada tunggu lagi, tidak ada pokok getah tua, itu dinamakan tanaman baru. Bila tanaman baru tidak adalah bantuan. Kenalah pinjaman bank dan sebagainya ataupun keluar duit sendiri. Yang tanam semula ini kita membantu pekebun kecil yang dulu mempunyai kebun getah dan kerajaan telah mula kutip daripada dia mula jual getah, daripada harga kerajaan sudah potong empat sen setengah ses tanam semula, maka itulah bantuan yang kita kembalikan kepada dia. Kalaulah misalnya tidak ada tunggu, tidak ada apa untuk dia tunjukkan kepada pegawai RISDA, dia tidak layak mendapat bantuan tanam semula...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi, berkenaan dengan harga ini - saya hendak jawab Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sedikit, Yang Berhormat bagi Lipis. Berkenaan dengan harga, saya penuh yakin dan percaya. Kita lihat trend ekonomi dunia pada hari ini, minyak ini tidak akan turun. Yang sekarang ada USD58 ini ialah *correction* saja, sekejap saja dan saya penuh yakin dia akan naik balik. Bila naik balik, maka harga getah akan naik kerana pengusaha-pengusaha *synthetic rubber* ini tidak boleh buat getah tiruan kerana kos minyak naik. *Synthetic rubber* itu kena daripada minyak. Jadi *natural rubber* ataupun getah asli ini mempunyai potensi yang amat besar.

Itulah sebabnya pada hari ini kita minta kerajaan menggalakkan pekebun kecil untuk tanam semula getah dan kita perluaskan balik tanaman getah di dalam negara kita supaya pada hari ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menjadi pengeluar utama getah dulu Malaysia tetapi sekarang nombor satu ialah Thailand, nombor dua Indonesia. Malaysia sudah jatuh ke nombor tiga.

Silakan Yang Berhormat bagi Kuala Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Rasa saya itulah harapan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi. Dia berharap supaya yang tidak ada tunggu pun dapat juga dibenarkan tanam semula. Dulu memang betul-betul, bila kita menebang pokok getah kita pakai gergaji sebab itulah ada tunggu. Oleh kerana batang getah itu semua berguna, dari atas sampai ke akar agaknya.

Jadi bila dia pakai buldozer, tolak, tunggu pun tidak ada. Dahulu apabila harga batang getah ini mahal, orang kampung kadang-kadang dia tidak menjual ataupun dia tidak menebang pokok getah menurut pada masa-masa yang ditetapkan itu. Jual cara sendiri, tidak melalui RISDA agaknya. Jadi kesannya sekarang ini, tempat yang sudah habis pokok getah, tunggu tidak ada, itu yang tidak boleh. Bila pergi RISDA, mereka kata hendak ada syarat tunggu itu, sudah tidak boleh hendak tanam semula, akhirnya mengkirai sahaja naik.

Tidak tahulah sekarang kalau mungkin ada air madu pula. Jadi itu harapan kita, kalau dapat pihak berkuasa RISDA dapat membuka sedikit, melonggarkan sedikit syarat itu. Kalau memang dia tahu tanah itu dahulu orang tanam getah tapi tunggul pun sudah tidak ada, bolehlah ditanam semula, diberi bantuan. Macam mana pandangan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak boleh bercakap berkenaan dengan itu. Ini kena menteri bercakap. Kalau saya bercakap nanti saya pula sudah jadi Menteri getah. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat bagi Pontian.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jasin tadi ada menyatakan bahawa usaha perlu kita tingkatkan supaya kita dapat merebut peluang daripada harga getah tiruan yang berkemungkinan besar tidak akan menurun dari segi harga oleh kerana harga minyak yang berkemungkinan besar terus meningkat. Mungkin agaknya Yang Berhormat, adakah kemungkinan itu satu sahaja faktor yang akan menjadikan harga getah tiruan ini terus meningkat dan bererti bahawa getah asli akan mendapat harga yang begitu lumayan.

Mungkin dengan adanya teknologi, dengan adanya usaha-usaha penyelidikan dan sebagainya akan ada kaedah-kaedah baru yang ditemui untuk menggantikan getah ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga memberi penekanan yang sama pentingnya? Oleh kerana dalam suasana harga getah tiruan yang terus meningkat ini, kita juga melihat kepada industri hilirannya.

Kata Yang Berhormat tadi kita sejak merdeka lagi, sebagai negara pengeluar getah yang utama dengan segala infrastruktur yang telah kita bina di dalam negara menjadikan nama negara begitu terkenal di persada antarabangsa terhadap pencapaian kita di dalam penyelidikan getah. Mungkin agaknya kita belum boleh berpuas hati atas jenis-jenis pencapaian kita dalam bidang getah ini, sama ada dari segi hilirannya termasuklah teknologi huluhan itu juga. Jadi Yang Berhormat, kita ini kadang-kadang juga perlu melihat jauh daripada hanya getah itu sahaja.

Saya berpendapat bahawa sekiranya hari ini kita berdepan dengan perkara yang bersabit dengan soal *climate change*, dengan izin, penggunaan tenaga fosil ini sudah sesuatu yang tidak lagi digalakkan ataupun dapat bertahan atau *sustainable*. Maka akan ada penemuan-penemuan baru Yang Berhormat, untuk mengurangkan sumber tenaga yang berpunca daripada fosil ini dan ini bererti bahawa penggunaan minyak itu akhirnya akan berkurangan.

Jadi apabila ini berkurangan dalam jangka panjang, ini bererti bahawa adalah agaknya kemungkinan harga minyak itu tidak semestinya terus meningkat. Sebab itu saya berpendapat, kalau Yang Berhormat boleh bersetuju bahawa usaha-usaha lembaga ataupun industri getah ini kita perlu melihat jauh daripada sekadar getahnya, dari segi 'rojolnya' atau sekerapnya ataupun kayunya sebagai sumber pendapatan, tetapi kita juga harus melihat kepada hasil-hasil sampingan.

Yang Berhormat tentu agaknya boleh bersetuju kalau saya katakan... lalah, dari satu segi kita berbangga sebagai negara yang sumber ekonominya pelbagai. Apabila ekonomi kita berada pada keadaan yang rendah, komoditi telah dapat membantu negara kita. Tetapi dalam masa yang sama, kita hanya dapat mengeluarkan hasil dari segi tanaman yang hidup subur. Bagaimana kalau suatu ketika, satu wabak melanda sehinggakan sawit itu tidak dapat mengeluarkan hasil yang lumayan ataupun getah itu tidak dapat mengeluarkan susu getah yang secukupnya untuk menjadikan usaha-usaha kita itu setimpal dengan pulangannya.

Kita berbangga kerana kita tanam sawit, sawit hidup keluar buahnya. Sekadar itu sahaja. Kita tidak ada pemilikan tanah yang luas, kita ada *mismatch*, tanah rata-rata pemilikannya bersaiz kecil, tidak banyak tanah-tanah yang boleh diteroka ataupun boleh dikembangkan penanaman ini di dalam bentuk *plantation*, dalam bentuk perladangan, tidak seperti negara Indonesia atau negara-negara yang mempunyai keluasan tanah yang beratus ribu ekar. Kita hanya sekadar dalam *plantation* kita melihat 10,000 ekar, 5,000 ekar dan sebagainya atau hektar. Tetapi kita tidak ada mencecah ratusan ribu hektar untuk sesuatu perusahaan.

Jadi, keluasan tanah itu juga menyekat kita untuk mengembangkan industri getah ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bahawa selain daripada usaha untuk menggalakkan penanaman semula dengan menggunakan teknologi-teknologi yang terkini? Kalau dahulu agaknya, saya pun tidak pasti Yang Berhormat, tanaman getah ini berapa dia punya itu... Nanas itu saya tahulah, mungkin dapat 17,000 pokok bagi setiap ekar tetapi kalau getah ini saya tidak berapa pasti, mungkin kita kena lihat teknologi. Kalau negara lain boleh menanam nanas sehingga 20,000 pokok satu ekar, kita hari ini baru 17,000. Jadi kita perlu tingkatkan lagi 3,000 ekar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pontian. Macam kata Yang Berhormat bagi Pontian tadi, kita bersyukur kepada Allah S.W.T., di antara negara di rantau ini yang mempunyai tanaman-tanaman tanah yang begitu luas seperti Thailand dan Indonesia serta boleh tanam getah juga, boleh tanam kelapa sawit macam kita ini tetapi untuk makluman Yang Berhormat, di antara negara-negara ini, mempunyai luas kawasan per ekar pengeluaran, Malaysia antara getah dan kelapa sawit, dengan izin, *we have the best yield* untuk dua *crop* ini.

Macam mana pun dibuat di Indonesia pada hari ini yang menyatakan dia mempunyai tanah yang luas, tanah dia lebih *fertile*, tetapi kalau berlawanan dengan tanah yang sama saiz dengan Malaysia, *production* kita lebih baik daripada dia. Getah pun begitu, kelapa sawit pun begitu. Itulah sebabnya apabila kita lihat sejarah, British dahulu banyak menakluki negara tetapi kenapa getah dan kelapa sawit dibawa ke Malaysia? Dia tidak bawa getah ke India dan dia tidak bawa kelapa sawit ke

India. Ini kerana *climate* dan penyakit-penyakit yang ada pada tanaman-tanaman ini, di Malaysia kita boleh kawal dengan baik.

Bukan tidak ada penyakit. Kelapa sawit ada penyakitnya, getah ada penyakitnya tetapi di Malaysia, alhamdulillah penyakit-penyakit ini ada tetapi kita boleh atasi. Tetapi negara-negara lain, ditanam getah, silap klon, habis. Tetapi di Malaysia sehingga hari ini kita masih lagi memegang rekod, per ekar pengeluaran, Malaysia *is the best* untuk *crops* yang ada. Pada hari ini penyelidik ini, itu sebab saya kata tadi, penyelidikan ini mesti kita kekalkan. Ini kerana daripada getah ini aneh Tuan Pengerusi. Ada benda boleh guna getah tiruan buat, ada benda tidak boleh guna getah tiruan, kena pakai getah asli.

Sebagai contoh yang mana yang kita buat penyelidikan di London itu, di Bakery itu. Iaitu getah *absorber* bangunan atau pun jambatan untuk mengelakkan daripada ributlah, *earthquake* lah dan sebagainya, macam mana pun kita kena gunakan getah asli. Getah tiruan tidak boleh pakai. Begitu juga dengan *medical surgical glove*.

Tuan Pengerusi: Sarung tangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sarung tangan. Sarung yang sarung pun sama tuan pengerusi, getah asli kena pakai. Getah lain tidak boleh, tak sedap. Tak ada. Macam mana pun mahu getah asli juga. Jadi perkembangan dan masa depan getah asli ini memang cerah, memang cerah. Sebab itu kerajaan sekarang dah balik semula dan akan mengemaskan lagi LPG - Lembaga Getah Malaysia, untuk menjalankan terus penyelidikan berkenaan dengan getah dan RISDA dipertanggungjawabkan untuk memastikan orang kampung kita, pekebun kecil kita menjalankan tanaman semula supaya kita dapat mengeluarkan getah-getah yang lebih baik dan pengeluarannya lebih banyak. Ya, silakan Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh ya Tuan Pengerusi? Ini Yang Berhormat sebut, saya hendak sebut akhirlah getah ini. Sebenarnya saya anak pekebun getah. Saya dari kecil dapat belajar hasil getah. Dan saya memusakai sebidang tanah kebun getah. Saya ada pusaka Allahyarham ayah saya bagi lapan ekar kebun getah. Kemudian dalam pilihan raya kecil Pulau Condong tujuh tahun lepas, saya buat *re-planting* Tuan Pengerusi. Tetapi saya nak tanya pandangan Yang Berhormat, saya dapat salah nasihat. Saya dapat salah nasihat daripada RISDA. Masa itu, kebetulan masa itu saya duduk di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dinasihatkan supaya jangan *re-planting* getah sebab harga getah murah. Tetapi tanamlah pokok sentang. Tanam pokok sentang kononnya sentang ini mahal, balak.

Jadi saya pun buatlah *re-planting*, tapi ada orang bagi tahu saya, arwah mak saya masih ada masa itu dia kata jangan, ini tanah pusaka tanam getah. Sebab getah ini walau pun dia turun pun macam Yang Berhormat bagi Kota Melaka kata tadi, ia telah menyebabkan Mat, dia panggil saya Mat boleh belajar. Saya pun fikir punya fikir buat. Ada satu sistem yang RISDA cadangkan *H-planting*

iaitu tanam getah dan juga tanam sentang. Saya pun tanam lapan ekar. Kemudian ada tanah sebelah itu nak jual, kakak saya beli. Lapan ekar, jadi enam belas ekar saya satukan, buatlah. Bila sudah tanam, harga tidak naik. Tujuh lapan tahun lepas tidak. Dua *row* getah, tiga belas *row* sentang. Sepatutnya terbalik, tiga belas *row* getah, dua *row* sentang.

Sentang itu sekarang dah lapan tahun, kononnya saya diberitahu sentang ini dalam masa lapan tahun, orang Kelantan kata, dia seribu satu pokok - satu tan sentang. Satu pokok satu tan. Satu tan RM1000. Saya tanam 16 ribu batang, jadi khayalan saya selepas sepuluh tahun, saya dapat - RM1,000 kali 16 ribu batang = RM16 juta. RM16 juta ke RM1.6 juta! Saya kata tahun masa itu tahun lapan tahun lepas, pencen setiausaha politik, saya akan ada sebanyak itu kerana saya tanam sentang. Sekarang sudah masuk sepuluh tahun, sentang itu tidak besar-besar, sentang itu tak laku-laku tapi alhamdulillah getah yang dua *row* inilah sebenarnya yang memberi pendapatan tambahan kepada saya, boleh belanja rakyat.

[Timbalan Yang di Pertua [Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat di sini. Ini agensi kerajaan yang jaga getah ini, RRI, RISDA, Lembaga Getah. Jangan bagi salah nasihat kepada pekebun kecil sebab kita terpedayalah. Harga getah masa itu RM0.20. sekarang harga getah RM4. Dan ada sepupu saya yang kerjanya kerja kira jadi pekerjalah dalam keluarga saya sebab dia ini tak sihat sikit. Biasanya sejak lima belas tahun yang lepas, tiap-tiap kali hari raya sayalah yang bagi duit dekat dia, raya datang, nak bagi duit nak raya. Tahun ini punya raya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini ucapan Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak, ini minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada bajek ya, ada ya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh. Faham, faham. Tajuk getah ini mustahak Yang Berhormat. Tahun ini, dia kata dia panggil saya Ayah Mat. "Ayah Mat, tahun ini saya tak nak terima duit raya. Tahun ini terimalah duit raya daripada saya." Saya bagi RM3 kepada budak-budak yang datang, dia bagi RM5. Jadi saya nak bagi tahunnya bahawasanya industri getah ini mesti dipertahankan dan agensi kerajaan mestilah bersungguh-sungguh membangunkan perkara ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Yang sebenarnya silap itu, RISDA tersilap. Kalau hendak buat *inter-planting* pun, jarak di antara getah dengan pokok lain mesti tanaman jarak 30 kaki. Kerana akar getah ini dia bergerak jauh. Dan dia di antara tanaman yang juga menghisap baja kuat. Itulah sebabnya pokok sentang Yang Berhormat itu tak boleh gemuk, habis. Kalau sentang dengan getah, tabur baja kebas dek getah semua. Sentang tak dapat baja... [Ketawa]. Dan kalau saya menasihati Yang Berhormat, kalau nak tanam sentang pun, tanaman pagar..., boleh. Tetapi oleh sebab nasihat kepada Yang Berhormat,

Yang Berhormat pun dah ambil kalkulator - 16 ribu batang boleh dapat RM1.6 juta, ha..ini kacau jugalah... *[Ketawa]*

Jadi walau macam mana pun, hari ini tidak payah tanam sentang. Kita punya Lembaga Getah dah ada satu klon pokok getah yang dia cepat gemuk, dan ini akan menjadikan balak. Walau pun harga tak adalah macam RM1000 satu ekar, tetapi macam saya sebutkan tadi, paling tidak pun satu ekar kita boleh jual dengan harga RM13,000. RM13,000 apabila kita dah ambil hasil getah, kita jual kayu getah satu ekar RM13,000 kerana ada klon-klon yang baru yang dijumpai oleh Lembaga Getah kita yang membesar cepat. Membesar cepat supaya kayu-kayu getah ini akan menyokong industri perabot daripada kayu getah.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap supaya kerajaan dalam apa pun keadaan, peliharalah tanaman getah ini. Biarlah ini satu tanaman yang telah mengharumkan negara kita dan orang mengenal Malaysia dulu, mengenal Malaya dulu ialah kerana hasil getah dia. Jangan disebabkan pada hari ini ada tanaman-tanaman baru macam kita kata hari ini, dah mula menebang pokok getah tetapi menanamkan pokok yang lain. Tetapi akhirnya kalau kita lihat, daripada krisis ekonomi tahun 1997 dan kita lihat beberapa peristiwa yang melanda dalam negara kita, tanaman getahlah menyelamatkan ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 080800 - Lembaga Tembakau Negara. Hari ini saya difahamkan bahawa kuota negara kita untuk daun tembakau, tiap-tiap tahun dikurangkan. Dan tanaman tembakau ini adalah tanaman penting bagi petani-petani kita di Kelantan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Melaka ada kah? Ada tanam?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Di Melaka ada sikit Tuan Pengerusi, ada sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kelantan lebih lah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ha, Kelantan lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab Kelantan

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi yang hisap rokok, orang Melaka lebih kuat hisap rokok daripada Kelantan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu yang hairan itu, yang tanam banyak dekat Kelantan *[Ketawa]* yang hisap rokok lebih dekat Melaka pula. Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak ambil alih? Nak tanya? Baik.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tertarik tadi pasal sebut Kelantan paling banyak. 35 ribu keluarga, 10 ribu penanam. Kalau ini tidak diberi perhatian, lingkup. Saya akan bercakap sekejap lagi. Dari segi *political mileage*, lingkup, dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak tanya ke Yang Berhormat nak cakap?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ini nak tanya satu. Saya nak tanya. Selama mana kerajaan negeri Kelantan boleh bertahan? Nak cari alternatif ganti tembakau kerana makruh, sampai hari ini 17 tahun tak bertemu. Selama mana dia nak memerintah? Saya nak tanya adakah bersetuju serah kepada UMNO untuk cari alternatif? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...[Ketawa] Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Yang ini yang saya nak buat penegasan. Sehingga pada hari ini macam kementerian ini teraba-teraba. Teraba-raba lagi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kerana tembakau ini kita dah kurang kuota, jadi kerajaan pada hari ini nak mencari tanaman alternatif untuk menggantikan tanaman tembakau kerana melibatkan bilangan keluarga yang begitu besar. Timbul pula tanaman kenaf. Tanaman kenaf yang boleh buat kertas, yang boleh buat macam-macam lah.

Tapi sehingga hari ini, orang kampung dok dengar, bergeraknya tidak. Dan saya difahamkan sehingga hari ini pun kita belum dapat membina kilang kenaf di Kelantan. Kerana kalau tak ada kilang, di mana petani ini nak jual? Dekat mana petani ini nak jual?

Yang saya difahamkan kilang yang paling dekat Tuan Pengerusi dekat Kuantan. Daripada Kelantan ke Kuantan, kos *transport* sahaja akan membunuh petani ini. Itulah sebabnya dalam Dewan yang mulia ini saya selalu sebut tanaman jarak ini Tuan Pengerusi, tanaman jarak walaupun tanaman jarak ini kalau hendak ikutkan dalam segi tanaman getah dan juga kelapa sawit mungkin pendapatannya agak rendah sedikit daripada kedua-dua itu. Itu yang kurang menarik kepada orang-orang kita, tetapi sebagai tanaman alternatif tembakau ini saya berharap supaya kerajaan kita kena mempercepatkan tanaman jarak ini, jatopha ini kerana tanaman jatropha ini Tuan Pengerusi satu tanaman yang boleh keluar hasil dalam masa empat bulan.

Empat bulan kita cocok pakai dia punya dahan, cocok, empat bulan keluar hasil Tuan Pengerusi. Ini tanaman orang kampung, tanaman 3T, Tanam, Tinggal, Tuai, dan kalau orang kampung itu jaga sedikit sahaja taruk baja sahaja sedikit, hasilnya lumayan. Hari ini jiran-jiran kita Indonesia, Burma, Myanmar, India, Afrika sudah merata tanam kerana tanaman-tanaman jarak ini selain daripada biji dia kita perah boleh jadikan minyak, dia juga boleh buat benda-benda lain. Di Afrika digunakan tanaman ini untuk ubat-ubatan tradisional.

Di Indonesia digunakan tanaman untuk minyak dia, getah dia untuk sakit gigi dan banyak tanaman dan saya penuh yakin dan percaya kalau tanaman ini diperluaskan ataupun diperkenalkan dalam negara kita dengan eksport kita, *scientist* kita, kita boleh cari kegunaan-kegunaan tanaman jarak, buah jarak yang lain saya penuh yakin dan percaya kita juga akan menjadi satu pengeluar jatropha ataupun jarak yang terkemuka di dalam dunia. Silakan Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok masalah yang dihadapi oleh petani kita ialah dari segi pasaran. Saya takut nanti kalau kita mula meminta petani kita menanam tanaman jarak dan tidak ada pasaran untuk buah jarak, akhirnya timbul masalah. Saya difahamkan bahawa benar atau tidak ini, Yang Berhormat lah selalu bangkitkan perkara ini. Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian agak kurang berminat dengan cadangan menanam pokok jarak ini. Jadi apa sebabnya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Kita akan buat macam Lembaga Tembakau Negara, kalau tidak ada pengering ataupun pengilang, tembakau ini kita hendak jual di mana? Tanaman jarak ini, mesin-mesin untuk memerah minyak harga dia bawah RM2,000 orang kampung mampu membeli dan sudah ada pertemuan di Indonesia yang saya lihat dengan mata saya sendiri kita boleh buat *refinery* untuk *refine* minyak jarak ini, kos mesin dia, Timbalan Menteri, di bawah RM300,000. Bermakna kalau kita memperluaskan tanaman ini kita minta lembaga-lembaga ataupun Pertubuhan-pertubuhan Peladang mengadakan *refinery* minyak jarak ini baru RM300,000 dan orang kampung boleh jual buah jarak di situ.

Yang ini tidak akan mengganggu-gugat industri kelapa sawit kita. Sekarang ini kita gunakan kelapa sawit untuk biodiesel walhal banyak pada hari ini *plantation* yang besar dalam negara kita termasuk Sime Darby dan juga yang lain masih ragu-ragu untuk menjalankan ataupun mengadakan kilang biodiesel kerana didapati bahawa minyak kelapa sawit pun tidak cukup untuk *supply* industri ataupun industri kelapa sawit. Jadi kalau kita hendak masuk biodiesel sebagaimana yang kita rancang ini, kita jangan gunakan kelapa sawit, kita gunakan *hundred percent* tanaman jarak ini, minyak jarak ini supaya menjadi biodiesel.

Kalau kita tidak yakin manakan tidak, British Oil Company melabur tidak kurang daripada USD2 bilion untuk menanam tanaman jarak di Afrika. British Oil Company melabur USD2 bilion di Afrika, untuk tanaman jarak ini. Mereka sanggup melabur kerana apa? Kerana tanaman jarak ini mempunyai potensi yang begitu baik dan saya kira kalau ini juga diperkenalkan di dalam negara kita, kita pada hari ini juga akan masuk dalam biodiesel ini. Jadi kita jangan gunakan 5% kita ini, 5% daripada *fossil fuel* 95%, 5% *oil pump*. Tetapi kita jangan gunakan *oil pump* tetapi gunakan *jatropha oil* ini, jarak *oil* ini sebagai salah satu komponen untuk kita buat biodiesel. Sila Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

Saya tertarik dan terpenggil, bila kita sebut biodiesel ini, Malaysia cukup bertuah kerana anugerah Tuhan. Negara mengeluarkan kelapa sawit, minyak kelapa sawit yang begitu banyak sekali tiba-tiba petroleum merupakan satu komoditi yang begitu di hendakkan dan tiba-tiba boleh cari sumber daripada kelapa sawit untuk membantu memperkasa biodiesel. Tetapi saya rasa, saya minta

penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, bila kita datang untuk soal biodiesel ini *processing* dan kelulusan diberikan oleh MIDA tetapi industri ini di bawah jagaan Kementerian Komoditi.

Saya pun pelik, MIDA ini banyak dia punya tugas, longgok-longgok dia punya tugas, MITI Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa ini penuh dengan kewajipan dan tanggungjawabnya kenapa tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat ini MIDA menyerahkan tugas untuk menjaga biodiesel ini dan kelulusannya sekali dengan peraturannya sekali, dengan syarat-syaratnya sekali kepada kementerian berkenaan ini supaya mereka boleh memberi tumpuan yang khusus dan dapat diperluaskan lagi pelaksanaannya dengan berkesan. Saya tengok negara lain yang bukan merupakan asas komoditinya daripada kelapa sawit sudah maju dalam biodiesel, tetapi Malaysia yang mempunyai anugerah begini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam berucap.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak ada, saya tanya penjelasan ini Tuan Pengerusi, penjelasan. Oh! Saya kalau hendak lembut pun boleh, 'Macam mana Yang Berhormat bagi Jasin, mengenai pandangan bahawa'.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bukan maksud teguran saya, tadi cara Yang Berhormat macam berucap bukan minta penjelasan.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Itu cara saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini cara Yang Berhormat bagi Cameron Highlands punya *style* lah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Cara saya pasal dulu saya cikgu, tidak boleh *style* dia tukar Tuan Pengerusi, dia *style* macam Yang Berhormat bagi Jerai *style* dia tidak boleh tukar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh! *You* ingat macam cikgu saya macam muridlah?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, *style* dia tidak boleh tukar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat anggap saya ini murid sekolah?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Eh! Tidak ada. Tuan Pengerusi orang yang arif.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kita teruskan. Yang Berhormat saya hendak tanya sedikit kenapa jadi begini, kita lambat? Saya beritahu sedikit saya tanya teknologi berkaitan dengan biodiesel daripada India 30% sahaja harga dia. Tetapi kita buat

perbincangan negara-negara Eropah, negara-negara maju dan mendapatkan harga sampai melambung tinggi teknologi berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya tidak nampak ini ada dalam butiran.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini penjelasan mengenai biodiesel kerana kemajuan biodiesel, draf undang-undang, berkaitan dengan kilangnya semua di bawah komoditi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: So, kita hendak tahu macam mana benda ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak minta...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya hendak penjelasan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak minta..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Apa hala tuju biodiesel...?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Apa yang dicakapkan oleh Tuan Pengerusi itu betul, butiran sudah salah. Saya tengah bercakap Butiran 080800 – Lembaga Tembakau Negara (LTN)... *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Nanti, nanti, nanti. Tidak ada, tidak ada. Biodiesel – tadi ada berkaitan dengan biodiesel tadi. Saya tertarik dengan biodiesel. Kalau tidak, terlepas ini. Saya hendak tanya macam mana benda ini. Kita minta supaya Yang Berhormat bagi Jasin alih sedikit, balik kepada biodiesel.... *[Disampuk]* Ada?

Seorang Ahli: Jarak, jarak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya tidak akan membenarkan beliau mengalih sedikit. Masa untuk Yang Berhormat sudah boleh tahan panjang, boleh gulunglah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang sebenarnya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tadi bercakap tentang biodiesel kerana saya minta supaya kementerian menumpukan tanaman jarak ini untuk menggantikan tanaman tembakau. Tanaman jarak ini dijadikan biodiesel. Itu sahaja.

Saya pun setuju dengan cakap Yang Berhormat bagi Cameron Highlands sebab saya pun pelik. Kalau biodiesel ini di bawah kementerian ini, segala pelesenan, segala apa semua mesti di bawah kementerian ini. Mengapa pula....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak kisah biodiesel dari mana. Lesen itu!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Lesen itu! Lesen itu mesti dikuasai oleh kementerian ini. Mengapa pula hendak pergi kepada MIDA – bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Itulah persoalan saya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini soalan ada butiran, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada atau tidak ada tidak pentinglah. Sekarang saya hendak minta dia gulung.... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berharap sekali lagi kepada timbalan menteri, tunggu buat apa lagi? Saya minta kerana saya amat yakin. Saya sudah pergi tengok dekat Myanmar, orang tanam beratus ribu ekar. Saya pergi ke Afrika, orang tanam beribu ekar berjaya. Orang-orang kampung semua dapat faedah daripada tanaman jarak ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Bera, boleh, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya takut ditegur pasal biodiesel ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kita sudah lanjutkan, Tuan Pengerusi, biodiesel ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukan biodiesel, bukan biodiesel ya. Ini Yang Berhormat hendak suruh tanam jarak sebab boleh keluarkan diesel. Pihak kerajaan sekarang sudah buat R&D, sudah cukup bagus untuk kelapa sawit mengeluarkan untuk jadikan biodiesel melalui kelapa sawit. Sedangkan R&D untuk buah jarak keluarkan diesel saya rasa belum ada lagi di dalam negara kita. Belum ya, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Belum.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Belum. Kelapa sawit sudah ada. Jadi mengapa tidak kita terus *concentrate* dengan apa yang sudah ada daripada hendak memulakan benda yang baru, yang belum kita mulakan R&D untuk mengeluarkan diesel daripada buah jarak tadi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Apa yang saya maksudkan, kita kena lihat kepada 30,000 keluarga kita, lebih-lebih lagi Kelantan yang pada hari ini bergantung kepada tanaman tembakau. Kita hendak cari satu tanaman alternatif. Tanah-tanah di Kelantan itu yang ditanam tembakau, kalau tanam kelapa sawit, tidak ekonomik, tidak sesuai kerana tanah tembakau ini tanah *sandy-loam soil*, dengan izin. Jarak ini, Tuan Pengerusi,

apa tanah ditanam, ia naik. Seheinggakan di gurun tanah pasir di Afrika, tanam jarak, hidup. Boleh hidup! Apatah lagi dengan tanah subur dalam negara kita.

Saya pun bercakap dengan rakan-rakan saya, Yang Berhormat dari Sarawak, Tuan Pengerusi, yang Kalabakan baru-baru ini menghadapi soal diesel dan sebagainya, soal minyak. Kalau ada tanaman jarak diperkenal di sana, paling tidak pun minyak jarak ini diperah sahaja minyak itu sudah boleh terus pakai untuk pelita, untuk generator, untuk *water pump*, terus pakai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi saya berharap kementerian dan timbalan menteri pun sudah ajak saya pergi..

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Bagi *chance* orang lain bahas.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sudah ajak saya, Tuan Pengerusi, pergi Indonesia untuk tengok benda ini. Jangan tunggu lama-lamalah. Kita cepatkan. Kalau tidak ada besok, sudah sejuk, sudah lupa. Jadi saya berharap kementerian, kita kena pastikan bahawa tanaman jarak ini akan jadi tanaman alternatif untuk mereka yang bergantung kepada tembakau. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua Ahli Yang Berhormat hendak berucap. Satu orang, lima minit.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *Okay*, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Bukan Islam Hadhari ya, Yang Berhormat.... [*Ketawa*]

4.55 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana bijaksana membuat keputusan berdasarkan demokrasi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kerana dapat bersabar. Saya amat bersyukur kepada Allah kerana saya dapat mengambil peluang untuk membincang dalam Jawatankuasa, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Saya hendak ambil satu butiran sahaja, 080800 iaitu Lembaga Tembakau Negara (LTN).

Wujudnya Lembaga Tembakau Negara (LTN) ini, tembakau ini, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah hampir 30 tahun lebih telah menjana ekonomi orang Melayu, khususnya Kelantan, khususnya Pasir Puteh dan Bachok. Saya tidak katakan tidak ada di Melaka, tidak ada di Sabah Sarawak, ada tembakau. Tetapi yang menjana ekonomi sebagai daya tambah sejak 30 tahun dahulu di mana penanam-penanam tembakau ini melibatkan 10,000 pengundi. Ini pengundi. Tetapi

35,000 rakyat di bawah saya dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Awang Adek – minta maaf saya sebut nama dia, Timbalan Menteri Kewangan. Bachok – Pasir Puteh, sempadan, *boundary*.

Apabila rakyat mengadu, saya bawa dengan persatuan, saya dengar sudah hampir lima kali daripada persatuan. Saya tidak dengar secara individu, secara kolektif. Tidak kurang daripada 20. Minggu lepas saya terpaksa belanjakan hotel dan makan minum kerana 20 orang datang ke Kuala Lumpur untuk jumpa sendiri, merundingkan hal tembakau. Saya tidak campur, saya serahkan kepada dia. Tetapi selaku Yang Berhormat Ahli Parlimen, Tuan Pengerusi, bagi saya *that is small matter, not big matter*, dengan izin. ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bajet sendirilah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Bajet 2007.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bukan Bajet 2007. Jadi ini satu benda yang kecil tetapi besar dari segi risikonya, perlu diselesaikan serta-merta. Saya minta kementerian tolong sediakan bajet, tidak banyak. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi ke Bachok telah bagi RM90 juta lebih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi kawasan Pasir Puteh, kawasan saya baru-baru ini, serah lagi RM80 juta lebih. Itu selesai untuk pengilang, pengawet gergasi. Itu gergasi.

Tetapi saya hendak bercakap hari ini gergasi sudah selesai, tutup cerita, *sealed*, tidak ada lagi, tidak ada tembakau lagi. Tetapi yang dok adanya ialah LTM memberi satu pengiktirafan dalam satu seminar besar. Saya lupa seminar ini beberapa tahun yang lalu sebelum saya jadi Yang Berhormat lagi, dia kata PPI ialah Penanam, Pengawet Industri Tembakau anak emas. Apa makna itu? Kerana dia hendak tutup yang besar-besar, kita hendak ada yang secara individu kolektif. Yang ini kita ada 5,000.

Tuan Pengerusi, dalam senarai kita ada 5,000, 5,000 ini juga melibatkan kos tanggungan keluarga dalam RM10,000 ke RM15,000, hampir RM20,000. Saya merasa tenat kerana mereka dalam keadaan nazak. Ini cerita kepada Tuan Pengerusi, saya merayu kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri saya merayu amat sangat dengan rasa pilu dan sedih kerana mereka sedang nazak dengan hutang-piutang, dengan akibat cuaca yang bertukar membawa akibat mereka rugi tetapi hari ini pula harga tembakau diturunkan, Tuan Pengerusi. RM1, RM1, RM1 daripada RM15.80 telah hendak hampir RM9. Apa lagi hendak kerja? Sedangkan kita kata PPI ini kita hendak jaga sebagai anak emas.

Jadi perjuangan saya apabila saya tengok kepada soalan yang dijawab kepada saya, ingin saya maklumkan kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kejayaan tanaman tembakau antara lain adalah kerana pembangunan industri tembakau yang dilaksanakan secara pakej.

Pakej ini meliputi perkhidmatan kawalan daripada peringkat benih sehinggalah ke peringkat pemasaran daun kering kepada pengilang-pengilang rokok. Ini jaminan tembakau. Sebab itu sembilan alternatif untuk tanaman integrasi belum berjaya. Saya hendak mengatakan jangan sedih belum berjaya wahai Yang Berhormat Menteri. Pergilah tengok kenaf macam mana ditanam 18 ekar. Saya sendiri belum masuk. TV ajak saya masuk saya tidak masuk. Saya tidak hendak ambil dahulu kalau tidak ada kilang. Ini dasar saya kerana Hadhari saya, sari segi Islam Hadharinya ialah kita hendak buat tanam ada pemasaran, apabila ada pemasaran ada kilang. Ada kilang ada pemasaran macam tembakau. Tetapi kalau kita tanam kenaf, tanam jarak hendak buat bio diesel pun hari ini kelapa sawit pun belum saya lihat bio diesel kelapa sawit. Saya hendak beli pasang ke kereta pun beli tahu lagi dapat.

Kalau kita dalam keadaan *research and development* dalam buat kajian tidak semestinya kajian dalam masa singkat kita boleh jelmakan dalam bentuk produk. Ini saya yakin saya juga terlibat dengan bab-bab *research* ini di JAKIM dahulu sampai 30 tahun kita hendak menghapuskan ajaran sesat. Kenapa? Kerana kita tidak ada pakar penyelidik. Panggil pakar penyelidik kenapa tidak boleh ambil tindakan? Sensitif, kita kena ambil jalan secara hikmah. Inilah timbul JAKIM jangan kecil hati apabila bekas Timbalan Ketua Pengarah sentuh sedikit jangan melatah. Melatah buruk padahnya. Kerana saya tahu daripada akar umbi sayalah yang bina JAKIM daripada bahagian agama, BAHEIS dan JAKIM hari ini. Saya duduk 30 tahun, sampai pencen sambung lagi panggil pergi bertanding kalah menang, kalah menang, menang. Itu bukan hendak campur banyaklah. Bersabar JAKIM. Insya-Allah saya akan bela JAKIM.

Tanaman alternatif ini Tuan Yang di-Pertua, jarak saya tahu boleh buat bio diesel. Memang kita tahu kemudian kita bawa kenaf, kita bawa rossel, buat minuman yang merah-merah. Kita bawa ubi kayu gatal. Ubi kayu gatal ini daripada daun, batang sampai isi boleh jadi produk. *Last* sekali dia boleh jadi kapsul untuk jadi ubat-ubatan. Dia boleh jadi makan ternakan, dia boleh jadi kanji, dia boleh buat plastik. Sepuluh perkara produk boleh keluar daripada ubi kayu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya rasa semangat ini. Hendak gulung. Jadi saya sekali lagi menarik perhatian. Saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat sepakat dengan saya walaupun hanya Pasir Putih dan Bachok sahaja negeri Kelantan yang banyak tembakau, kita kena fikir tentang rakyat. Kita kena *survival* kita punya ekonomi sosial. Kalau kita kata politik stabil, ekonomi stabil, sosial stabil. Maka kita akan maju kita akan aman berkekalan. Inilah yang saudara rakan kita baca ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Sebuah negara yang aman damai mendapat keamanan dari Allah S.W.T. Malaysia salah satu daripadanya. Siapa yang tunjuk, 57 negara OIC dia kata... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] ada di Malaysia. *Your Prime Minister very powerful*, dengan izin. Bukan *power* kuku besi, tidak. Bersabar, hadhari....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jabatan Perdana Menteri sudah lepas.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta maaf saya akur dengan Tuan Pengerusi tetapi semangat itu dia terlanjur juga. Kerana semangat yang melompat jadi saya balik kepada 08000 tadi untuk tembakau ini saya mintalah kementerian buatlah kajian sekali lagi. Berjumpalah kalau pergi Pasir Puteh *call* saya. *Anytime* saya akan beri khidmat. Jangan pergi senyap-senyap balik buat kajian. Saya tidak setuju, sebab saya sudah lima kali saya berjumpa dengan persatuan, saya berjumpa dengan peribadi penanam-penanam. Inilah hasrat saya hendak nyatakan biar *tubek* malam ini. TV jangan tutup malam ini, *tubik* pukul 11 saya hendak cerita bahawa saya bela habis-habisan tembakau tetapi berdasarkan kepada *justice*, keadilan yang dibuat oleh peraturan kerajaan. Saya tidak hendak langgar peraturan kerajaan. Tetapi saya hendak bela supaya RM124 juta tolong sediakan untuk menyelesaikan PPI ini.

Sekian, Tuan Pengerusi terima kasih, minta maaf banyak-banyak atas lompat pagar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada apa-apa. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Secepat mungkin ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas butiran....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak minta Timbalan Menteri bersedia untuk menjawab 17.10 hingga 5.10 petang . Yang Berhormat diberi peluang lima minit.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Butiran 00516 dan 11101 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti.

Perkara pertama yang ingin diutarakan di sini ialah mengenai tanggungjawab ladang-ladang iaitu di bawah projek meningkatkan pendapatan dan juga model ladang kelapa sawit iaitu Program Pembangunan Modal Ladang Sawit. Saya begitu setuju bahawa kelapa sawit mempunyai potensi yang begitu besar sekali di Malaysia. Tetapi satu perkara yang telah diutarakan oleh Perdana Menteri baru-baru ini dalam ucapan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah berkaitan dengan tanggungjawab sosial syarikat-syarikat korporat terhadap warganegara Malaysia. Maka salah satu indeks yang digunakan ialah *social responsibility* yang dijadikan sebagai asas yang penting dalam menilai satu-satu syarikat dari segi prestasi dan kualitinya.

Maka saya begitu sedih dan ucapkan takziah kerana ada juga syarikat-syarikat yang berkeuntungan besar di kalangan golongan-golongan yang terlibat dalam kelapa sawit contohnya Golden Hope, Guthrie, Tabung Haji, kita juga ada UP - United Plantation yang telah mengerjakan perniagaan perladangan ini secara besar-besaran. Malangnya oleh kerana ganjaran untuk mencari keuntungan keterlaluan dan oleh kerana motivasi untuk menunjukkan kepada pemegang-pemegang saham supaya angka-angka mereka begitu mengghairahkan mereka lupa bahawa tanggungjawab

mereka pada akar umbi. Maka saya bagi contoh di kawasan saya sendiri, ini untuk perhatian Timbalan Menteri. Saya banyak kali sudah bawa, unkit masalah ini, tetapi sampai sekarang saya tidak nampak tiga kali saya sudah bincang di Dewan yang mulia ini Golden Hope mempunyai satu syarikat bernama Ladang Puteri di kawasan saya di Cameron Highlands di Jelai. Tetapi saya melawat Taska mereka. Ada dua orang pendidik di situ yang tidak bertauliah. Bukan pendidik sebenarnya, penjaga dan mereka masih menggunakan kain yang menggunakan pelekat yang digantung di lelangit untuk digoyangkan anaknya. Dia guna cara yang dahulu masih saya ingat lagi masa saya di ladang masa saya kecil-kecil dan saya tengok tandas mereka daif sungguh. Kebersihannya jauh ketinggalan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini sangat terkeluar daripada

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak ada. Ini berkaitan dengan tanggungjawab *social responsibility* di bawah peraturan 005161101. Ini di bawah jagaan kementerian ini kerana tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dalam *social responsibility index* ini bukan main. Ini betul maka saya minta supaya kementerian memantau perkara-perkara ini oleh ladang-ladang sebegini. Walaupun akta peraturan kemudahan dinaungi oleh sumber manusia tetapi *social responsibility index* masih di bawah jagaan kementerian ini. Maka perkara ini perlu dilihat secara serius kerana negara-negara Barat kini melihat sebarang perusahaan walaupun pertanian di peringkat dunia untuk melihat kepentingan hak asasi manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung lah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi belum lagi sekejap, Tuan Pengerusi ini penting kerana saya di ladang Puteri Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri sudah minta supaya...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Lepas ini saya harap benda ini akan berubah kerana sudah banyak kali saya cerita itu sebab saya hendak bahas ini. Dan satu lagi saya hendak bawa ini saya minta supaya menteri itu lihat Golden Hope, Ladang Bukit Puteri. Bagaimana keadaannya mungkin dalam dua tiga minggu mesti ada perubahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Satu lagi Tuan Pengerusi, sekejap yang Orang Asli saya tengok Program Ladang Hutan yang dianjurkan oleh kementerian ini cukup saya mengalu-alukan. Salah satu spesies yang dikatakan dalam ladang hutan ini adalah mengenai getah. Apakah tidak spesies ini diperkenalkan di peringkat Orang Asli di hutan Cameron Highlands. Saya tengok dalam ini tidak ada apa-apa perancangan begitu.

